

SEGAMAT

SEJARAH & MITOSNYA

© Hakcipta Drs.Ungku Mohd.Zaman Tahir, 1996

© Al-Kafilah Enterprise
Hakcipta Terpelihara
ISBN 983-9171-08-9
Cetakan Pertama, 1996

Harga:

RM10.00 Malaysia Barat

RM14.00 Malaysia Timur



Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang manapun bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hakcipta.

Penerbitan & Pengedaran:

AL KAFILAH ENTERPRISE
2952-E, Jalan Post Office Lama,
15000 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7446275

SEGAMAT SEJARAH & MITOSNYA

DRS. UNGKU MOHD ZAMAN TAHIR

(PERANTAU HIBA)

Persatuan Penulis Johor (PPJ)

M

595.11-H

M2 F

AL-KAFILAH ENTERPRISE
KOTA BHARU, KELANTAN

907832

Hodinah


4 JUN 1997
Perpustakaan Negara
Malaysia




JADUAL KANDUNGAN

1.	Segamat - Sejarah Pembukaannya	1
2.	Pengkalan Esah - Sejarah & Misterinya.....	36
3.	Puteri Bukit Hampar	50
4.	Segamat Daerah Lagenda	55
5.	Cerita 'Batu Dara Bunting'	62
6.	Kisah FELDA Cempelak.....	70
7.	Sejarah Pembukaan FELDA Medoi	73
8.	Pembukaan Kampung Lubuk Kasai	76
9.	Keramat Tujuh Beradik & Sungai Kapih	80
10.	Kampung Limau Hantu & Danau Berombak	83
11.	Kampung Kuala Paya & Teluk Acau	86
12.	Asal-usul Nama Labis	89
13.	Kampung Batu Hampar Mendapat Nama & Cerita Jalan Pemuda	91
14.	Asal-usul Nama Bukit Siput & Cerita Naga.....	94
15.	Kampung Merigi Batu Anam	96
16.	Cerita Payang Kelulut, Kuing Patah & Puteri Bunian Bumbun	98
17.	Kampung Pudu	102

18.	Kampung Sepinang & Atuk Bonda Sepinang	105
19.	Kampung Gudang Garam	108
20.	Mak Ngah Sa'odah - Penglipur Lara Segamat	112
21.	Asal-usul Kampung Tenang	118
22.	Kampung Tasik Alai	120
23.	Kampung Paya Jakas	122
24.	Kisah Lima Kampung Mendapat Nama	124
25.	Asal-usul Kampung Mensudut dan Sanglang	126
26.	Dongeng Kampung Jawa & FELDA Redong	128
27.	Kampung Paya Pulai & Kampung Teluk Kelubi	130
28.	Asal-usul Kampung Sekijang Pinggir dan Kampung Kenangan Batu Anam	132
29.	Asal-usul FELDA Pemanis & Kampung Sepang Loi	136
30.	Sejarah Bukit Kubur dan Kampung Sawah Baru	139
31.	Cerita Tok Empang & Ladang Sungai Muar	141
32.	Batu Anam & Kampung Kenangan	145
33.	Kampung Tengah & Asal-usul Kampung Sermin & Bukit Rencil	148
34.	Said Ariffin; Cerita Rakyat Kampung Kuari & Pembukaan Kampung Batu Bakar	151
35.	Asal-usul Kampung Gubah	156
36.	Sejarah Tiga Buah Sekolah Awal di Segamat	160
37.	Segamat Dalam Masa Pemerintahan Jepun	166
	Bibliografi	171





SEDERU BAYU SENJA

SAYA masih ingat beberapa tahun lepas semasa saya mula melibatkan diri dalam dunia penulisan, saya pernah berbual-bual dengan beberapa orang tua di daerah Segamat ini tentang sejarah Segamat. Dalam perbualan itu, saya cuba bertanyakan tentang sejarah beberapa buah tempat dan kawasan dalam Segamat. Malangnya jawapan dan penjelasan yang diberi amat mengecewakan dan ini sekaligus mendorong saya untuk membuat kesimpulan bahawa kebanyakan orang Segamat masih belum mengenali sejarah daerah mereka sendiri. Sedangkan generasi tua masih kabur-kabur apatah lagi bagi generasi muda.

Menyedari hakikat inilah disamping mempunyai minat yang mendalam terhadap sejarah daerah Segamat, saya berhasrat untuk menjalankan kajian dan penyelidikan tentang sejarah Segamat dan seterusnya mendedahkannya dalam akhbar, majalah mahupun melalui corong radio. Berdasarkan kajian, Segamat merupakan salah sebuah daerah tertua di negeri Johor yang banyak mempunyai khazanah sejarahnya. Selain itu, daerah yang terletak bersempadan dengan Bandar Bersejarah Melaka ini kaya dengan khazanah cerita-cerita rakyatnya.

Apa yang agak ketara ialah sehingga kini belum ada sebarang usaha dijalankan untuk membongkar segala khazanah sama ada dalam bentuk sejarah mahupun cerita-cerita rakyatnya yang terdapat dalam daerah Segamat. Yang lebih menyedihkan cerita-cerita rakyat milik masyarakat tua daerah Segamat langsung tidak diberi perhatian, dibiarkan bersemadi dalam ingatan orang tua-tua.

Keadaan ini membimbangkan kerana dikuatir generasi tua yang mengetahui cerita-cerita rakyat ini akan mati tanpa sempat mereka mewariskan cerita-cerita tersebut kepada generasi muda. Ini pasti merugikan kita sekiranya keadaan ini berlaku. Kita kehilangan warisan khazanah sejarah dan budaya bangsa yang begitu tinggi nilainya.

Dalam usaha membongkar semula sejarah Segamat, satu perkara yang saya hadapi ialah kebanyakan cerita yang berbentuk sejarah tentang daerah Segamat ini diselaputi dengan unsur-unsur dongengnya. Setiap kali saya memperolehi cerita tentang sejarah sesuatu tempat di Segamat ini, pasti saya berhadapan dengan masalah yang rumit. Maksudnya cerita-cerita yang dituturkan itu mencampur-adukkan fakta-fakta sejarah dengan unsur-unsur mitos. Soal unsur logika jelas diketepikan dan inilah yang menimbulkan masalah bagi saya untuk memilih yang mana cerita benar dan yang mana cerita dongengnya.

Namun begitu, sebagai Pengurus Biro Penyelidikan Persatuan Penulis Johor (PPJ) yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan dan kajian tentang sejarah dan budaya sesuatu tempat disamping berperanan sebagai seorang penulis, saya menguatkan azam dan semangat untuk terus menggali dan mencari apa juga bahan berkaitan dengan sejarah daerah Segamat ini dan menulis mengenainya

dalam media massa dari masa ke semasa. Saya tidak mengharapkan apa-apa atas inisiatif saya menjalankan kajian itu tetapi sekadar memaklumkan kepada generasi muda di daerah ini bahawa daerah mereka Segamat memang kaya dengan khazanah sejarah dan budaya.

Sehubungan dengan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Kebudayaan Daerah Segamat yang telah memberi saya sedikit bantuan dalam bentuk kewangan untuk membolehkan saya menjalankan kajian/tinjauan dalam mencari bahan-bahan tulisan, pelajar-pelajar saya khususnya pelajar-pelajar Tingkatan 6, Sekolah Tinggi Segamat 1994/1995 dan juga orang tua-tua di daerah Segamat ini yang sentiasa membantu dalam kerja penelitian dan penyelidikan saya. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada akhbar Utusan Zaman dan Utusan Malaysia yang telah menyiaran rencana-rencana sejarah saya untuk tatapan umum.

Saya akui buku kecil ini tidaklah begitu sempurna dan tepat dari segi isi kandungannya. Ini disebabkan bahan-bahan yang diperolehi untuk diketengahkan diperolehi daripada orang-orang tua yang begitu lanjut usianya dan lemah pula daya ingatannya. Justeru itu sebarang teguran yang membina saya alu-alukan.

Yang baik datangnya dari Allah dan sekiranya terdapat sebarang kelemahan dalam penulisan saya ini pastilah iaanya berpunca daripada diri saya sendiri. Sekian, terima kasih.

Drs.Ungku Mohd Zaman Tahir
(Perantau Hiba)
Persatuan Penulis Johor (PPJ)
Segamat, 1996



**Untuk isteri saya Hashimah Hassan
yang mulai memahami akan
kepentingan sejarah tempatan.**


KAMPUNG LUBUK BATU SECEBIS KENANGAN UNTUKMU

*Ingin kulontarkan
segugus kenangan
di balik embun dinihari
tak ingin aku memeluk mimpi
khayalan sendiri
lambaianmu Lubuk Batu
membuat aku merasa iri
meniti musim-musim
melewati usia sepi
deru anginmu
membawa penawar rindu
nylur melambai
membisik suara hati
kicau burung
melakukan puisi indah
nun di sana
kembang mekar
mawarmu nan berduri
lalu menikam kalbuku
menyelongkar kenangan indah di bumimu
ingin aku kembali
menoktahkan diri di dadamu
kerana aku plii
kerana aku rindu
mengharap ketenangan abadi*

*seindah asalmu
gerun arus masa menghayut damaimu
aku di pentas kota
bagai primadona sandiwara dunia
digumal hipokrasi semata
aku di bibir kota
lemas mengharung tumpahan metropolitannya
angin senja memberi khabar
ke manakah akhirnya kamu....?
'Ke Lubuk Batu akhirnya aku....'
lalu ku tambatkan belati tua
di dasar lubukmu
kupaut rindu
kusisir pilu
kuukir sejarah indah
di Makam Bendahara Tepuk
terbujur kaku
kuatur langkah terus menuju
menyahuul lambatanmu Lubuk Batu
biarkan aku terus melagu
puisi kehidupan di dada waktu
bersemadi di Lubuk Batu
di sana duniaku.*

Ciptaan:

Ungku Intan Shazrina Zaman,
Sek.Men.Keb.Agama Segamat,
Johan Pertandingan Menulis Sajak,
Peringkat Sekolah-Sekolah Daerah Segamat,
Tahun 1990.



***Sebelum Muar bernama Muar,
Muar bernama Teluk Dalam;
Sebelum Segamat bernama Segamat,
Segamat bernama Rantau Panjang;
Air Muar keruh, air Segamat jernih,
Hukumannya keras, cincang tak
bertanya,
Dagang datang takkan pulang.***

Cerita daripada
Tok Mesah, Kampung Sermin, Segamat.
Allahyarham Tuan Haji Hassan Bin Muhammad,
Kampung Kadut, Segamat.
Persatuan Sejarah Daerah Segamat, 1966.



Berdasarkan kajian daerah Segamat digelar dengan gelaran dan nama-nama seperti berikut:

- 1 *Daerah Sumpahan Malim Deman***
- 2 *Daerah Lagenda***
- 3 *Segar Amat***
- 4 *Rantau Panjang***
- 5 *Jambu Condong***
- 6 *Leban Condong***



SEGAMAT - SEJARAH PEMBUKAANNYA

APABILA kita membicarakan tentang sejarah silam Segamat, sebenarnya kita juga membicarakan tentang cerita-cerita rakyat daerah itu. Antara sejarah silam Segamat dan cerita-cerita rakyat mengenai daerah itu begitu erat sekali hubungannya. Kajian tentang sejarah daerah Segamat sebenarnya perlu bertitik-tolak dari sejarah zaman silamnya. Berdasarkan kajian apa yang agak ketara ialah sejarah silam daerah Segamat diselimuti dengan unsur-unsur dongengnya.

MALIM DEWA

Menurut ceritanya daerah Segamat ini pada masa dahulu pernah diperintah oleh seorang raja bernama Tuanku Malim Dewa. Kononnya kerajaan Malim Dewa ini yang memerintah Segamat hingga ke zaman puteranya Tuanku Malim Deman terletak di kawasan Kuala Muar hingga ke hulunya iaitu di Segamat. Kerajaan ini memerintah dari semenjak Muar belum bernama Muar iaitu Teluk Dalam dan Segamat pula belum bernama Segamat iaitu Rantau Panjang. Kesan-kesan pemerintahan kerajaan Malim Dewa dan puteranya Malim Deman masih boleh dilihat hingga ke hari ini misalnya kesan-kesannya pada

nama beberapa tempat atau kawasan seperti Sungai Kapih, Batu Hampar, Tangga Batu, Sermin, Sepinang, Kolam, Kawah, Bumbun, Tunku Tiga serta Gudang Garam.

Menurut cerita orang tua-tua kononnya kejadian banjir di daerah Segamat ada kaitan dengan sumpah Tuanku Malim Deman. Malim Deman dikatakan gagal memperisterikan Tuan Puteri Santan Bertapis kerana puteri cantik itu telah dilarikan oleh seorang raja dari kayangan. Oleh sebab kehampaannya itu, Malim Deman membuat sumpahan bahawa setiap kali banjir melanda daerah Segamat, manusia daerah Segamat mestilah dijadikan korban.

Peristiwa mitos itu begitu termasyhur hingga mendorong orang tua-tua di daerah Segamat mencipta sebuah pantun mengenainya.

Apa risau banjir melanda,
Banjir melanda di tengah laman.
Apa risau sumpah mengena,
Sumpah raja si Malim Deman.

BENDAHARA TEPUK

Selain sejarah kewujudan kerajaan Malim Deman itu, Segamat juga terkenal kerana mitos pembukaan daerah ini yang dipercayai berlaku kira-kira 500 tahun yang lalu. Peristiwa sejarah yang diselaputi dengan unsur-unsur dongeng ini lebih dikenali dengan nama 'Peristiwa Pembukaan Daerah Lagenda Segamat'.

Peristiwa pembukaan daerah lagenda Segamat ini berdasarkan penyelidikan menunjukkan ianya ada kaitan secara langsung dengan kedatangan seorang tokoh sejarah dari Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. Tokoh yang dimaksudkan itu ialah Bendahara Tepuk.

SEGAMAT - SEJARAH & MITOSNYA



Daerah Segamat dilanda banjir 1984. Kelihatan air melimpah tebing Sungai Segamat. Benarkah banjir melanda Segamat kerana 'Sumpahan Tuanku Malim Demam'?



Pemandangan sebahagian daripada bandar Segamat dinaiki air.

Mengikut sumber sejarah yang dapat dipertanggungjawabkan bahawa Bendahara Tepuk, anak kepada Bendahara Tun Perak adalah sebenarnya ‘Bendahara Paduka Tuan’ yang merupakan Bendahara Melaka yang terakhir.

Padatahun 1510 iaitu setahun sebelum Portugis menakluki Melaka, Bendahara Tepuk telah dilantik menjadi Bendahara Melaka menggantikan tempat Tun Mutahir yang dikenali sebagai Bendahara Seri Maharaja. Disebabkan tiada seorang pun yang layak menjadi Bendahara, lebih-lebih lagi pada masa kerajaan Melaka berada di ambang keruntuhan, Sultan Mahmud dalam keadaan tergesa-gesa terpaksa juga melantik Bendahara Tepuk untuk memenuhi jawatan yang kosong itu.

Hendak tak hendak, Bendahara Tepuk terpaksa juga menerima akan perlantikan itu walaupun beliau sedar bahawa beliau tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna lantaran usianya yang sudah lanjut disamping keadaannya yang selalu uzur dan berpenyakit lumpuh pula.

Beliau juga sedar disebabkan kakinya yang lumpuh itu pergerakannya terbatas dan beliau terpaksalah diusung untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain.

Mengikut kitab Sejarah Melayu, maha-karya Tun Seri Lanang, Bendahara Tepuk memegang jawatan sebagai Bendahara dalam kerajaan Melayu Melaka pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah hanyalah lebih kurang setahun sahaja. Dalam masa yang begitu singkat tidak ada apa-apa peranan yang begitu berkesan yang telah dilakukan oleh Bendahara Tepuk.

Kitab Sejarah Melayu, penghasilan pada tahun 1612 itu

menunjukkan sederetan Bendahara yang pernah berbakti dalam kerajaan Melayu Melaka. Bendahara-bendahara tersebut adalah seperti berikut:

1. Tun Perpatih Permuka Berjajar
2. Tun Perpateh Tulus.
3. Sri Amar Diraja (ayah Tun Ali)
4. Sriwa Raja (ayah Tun Perak dan Tun Perpateh Putih) - 1445
5. Tun Ali (1445-1456)
6. Tun Perak (dikenali sebagai Paduka Raja 1), 1456-1498
7. Tun Perpateh Puteh 1498-1500
8. Tun Mutahir (dikenali sebagai Bendahara Seri Mahraja, dahulunya Temenggong), 1500-1510
9. Paduka Raja (anak Tun Perak dikenali sebagai Bendahara Lubuk Batu dan Bendahara Tepuk), 1510-1511.

Penaklukan Melaka oleh pihak Portugis pada 24 Ogos 1511 di bawah pimpinan Alfonso d'Albuquerque menyebabkan Raja Melaka dan pembesar-pembesar negeri terpaksa melarikan diri mencari tempat perlindungan yang lebih selamat. Dipercayai Sultan Mahmud Syah, Tun Fatimah serta beberapa orang pembesar Melaka seperti Seri Nara, Tun Khoja (anak bendahara Tepuk), Raja Sulaiman dan Hang Nadim mencari perlindungan di Pagoh di Hulu Muar dan di atas perintah Sultan, sebuah kubu dan kota telah dibina, tidak jauh dari Kuala Sungai Muar. Rombongan Sultan Ahmad anak kepada Sultan Mahmud Syah itu telah mendirikan sebuah benteng dan kubu pertahanan.

Sementara itu, Bendahara Tepuk, Bendahara Melaka yang tidak bergigi serta lumpuh kaki itu bersama-sama orangnya menuju ke Segamat. Lantaran penyakit lumpuhnya itu, Bendahara Tepuk terpaksa diusung oleh orang kanannya, Selamat Gagah. Dan di daerah Segamatlah kira-kira lima abad lalu, Bendahara Melaka yang terakhir itu menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Atas permintaan Bendahara Tepuk sendiri, jasad beliau telah dikebumikan di satu kawasan berhampiran dengan sebuah pengkalan dalam sebuah kampung Melayu yang sekarang ini dikenali sebagai Kampung Lubuk Batu.

Ditinjau dari segi sejarah, ketokohan Bendahara Tepuk jika dibandingkan dengan bendahara-bendahara Melaka yang lain, tidaklah begitu menonjol. Jangka masa beliau menjawat jawatan Bendahara yang begitu singkat sekali disamping keadaannya yang uzur tidak membolehkan beliau memainkan peranan yang begitu berkesan seperti ayahnya Tun Perak. Justeru itu, ketokohan beliau amat sedikit dan jarang-jarang diperkatakan orang.

Namun begitu bagi penduduk daerah Segamat khususnya generasi tua yang tinggal di Lubuk Batu di mana jasad Bendahara Tepuk disemadikan, kebolehan dan ketokohan Bendahara Melaka anak Tun Perak itu amat disanjung. Tanyalah mana-mana orang tua-tua di daerah Segamat tentang Bendahara Tepuk, pasti mereka akan memberi sanjungan yang tinggi kepada Bendahara itu. Justeru itu tidak hairanlah wujud berbagai cerita dan kisah-kisah yang ganjil yang sengaja dikaitkan dengan Bendahara Tepuk. Semacam satu kepuasan bagi orang-orang tua di Segamat apabila dapat menceritakan tentang Bendahara Tepuk yang menjadi kesayangan mereka itu.

SEGAR AMAT

Salah satu penduduk asal Kampung Lubuk Batu yang mendakwa tahu secara terperinci tentang Bendahara Tepuk ialah Pak Utih atau nama sebenarnya Pak Haji Yahya bin Kubu. Pak Haji adalah bekas guru yang mempunyai minat yang mendalam tentang sejarah tempatan.

Sebaik sahaja bumi Melaka ditakluk oleh Bengali Puteh atau Portugis, Bendahara Tepuk dan pengikut-pengikutnya telah melarikan diri ke kuala Sungai Muar. Dari Sungai Muar mereka mudik hingga sampai ke pengkalan Lubuk Batu dalam daerah Segamat, Johor. Memandangkan kawasan yang berhampiran dengan pengkalan itu sangat sesuai dijadikan tempat berlindung, Bendahara Tepuk dan orang-orangnya mengambil keputusan untuk membuat petempatan **disitu**.

Dan di pengkalan Lubuk Batu itulah kononnya dua peristiwa penting telah berlaku. Pada hari orang-orang Bendahara sampai di pengkalan Lubuk Batu itu, dipercayai cuaca sangat panas. Justeru itu atas permintaannya, Bendahara Tepuk telah diusung oleh Selamat Gagah ke penglakan untuk mandi. Air di pengkalan itu yang jernih lagi sejuk betul-betul menyegarkan tubuh Bendahara. Lantas Bendahara Tepuk memberitahu Selamat Gagah, "Segar amat badanku ini". Dan mengikut Pak Utih kononnya dari perkataan 'Segar Amat' yang **dilafazkan** oleh Bendahara Tepuk itu lahirlah nama 'Segamat'.

SUMPAH LUBUK BATU

Peristiwa kedua yang berlaku di pengkalan Lubuk Batu kira-kira 500 tahun yang lalu ialah selepas Bendahara dikunjungi oleh Sultan Mahmud Syah, Tun Fatimah dan pembesar-pembesar Melaka. Sultan

Mahmud Syah mencadangkan supaya Bendahara meninggalkan kawasan pengkalan itu dan mencari perlindungan di tempat lain. Anjuran Sultan Mahmud itu terpaksa ditolak oleh Bendahara Tepuk kerana pada waktu itu keuzurannya sudah memuncak.

Berdasarkan cerita Pak Utih kononnya pada hari itulah Bendahara Tepuk melontar seketul batu ke dalam air di pengkalan Lubuk Batu itu. Beliau bersumpah jika batu yang dilontar itu timbul di permukaan air maka beliau akan balik ke Melaka. Malangnya batu itu tenggelam. Dengan itu Bendahara Tepuk dan orang-orangnya mengambil keputusan untuk menetap di kawasan berhampiran dengan pengkalan itu hingga ke akhir hayat mereka. Peristiwa ini begitu termasyhur dengan panggilan 'Sumpah Lubuk Batu'.

Kononnya batu yang pernah dilontar oleh Bendahara Tepuk 500 tahun dahulu itu sesekali timbul di permukaan air di pengkalan Lubuk Batu pada masa dahulu. Lazimnya batu itu timbul pada waktu tengahari semasa hujan panas turun berderai. Bukan semua orang dapat melihat batu itu timbul melainkan hanya mereka yang mempunyai ilmu batin. Begitulah cerita orang tua-tua.


Menyedapkan lagi cerita terdapat juga segelintir masyarakat khasnya orang tua-tua yang mendakwa bahawa di tempat batu itu dilontar, mereka pernah melihat 'tempayan tajau'. Tempayan tajau ini merupakan sebuah bekas atau takar yang berisi emas peninggalan orang-orang dahulu. Sebelum tempayan itu timbul, air di pengkalan itu akan berbuih dan berkocak. Pada waktu itu hujan panas turun berderai. Kononnya orang yang bertuah melihat tempayan tajau itu akan mendapat alamat terlebih dahulu dalam mimpi.

Menurut Pak Utih, Kampung Lubuk Batu telah dibuka pada

— SEGAMAT - SEJARAH & MITOSNYA —



Banjir tahun 1984 menenggelami kawasan Masjid Lubuk Batu. Kata orang tua-tua selagi Tuanku Malim Deman tidak bertemu kekasihnya Puteri Santan Bertapis, banjir tidak akan surut.



Kawasan berhampiran tebing Sungai Segamat dilanda banjir. Tahun 20-an menurut ceritanya kawasan ini pernah menjadi pasartebing sungai.

penghujung tahun 1800-an oleh seorang Arab. Semasa orang Arab itu sedang mengambil wuduk di pengkalan Lubuk Batu itu, beliau mendapati pinggir sungai penuh dengan batu-batu kecil. Disebabkan terdapat banyak lubuk di situ disamping batu-batu kecil bertebaran di tebing sungai lantas orang Arab itu menamakan kampung itu sebagai Kampung Lubuk Batu.

Peristiwa pembukaan Kampung Lubuk Batu ini begitu penting bagi penduduk-penduduk Segamat lantas diciptalah orang sebuah pantun mengenainya.

**Di sungai ada lubuk
Di pinggir ada batu
Kalau kiasannya begitu
Namakan saja Kampung Lubuk Batu**

Mitos pembukaan Kampung Lubuk Batu yang dikatakan ada kaitannya dengan kedatangan seorang Arab di kampung itu pada masa dahulu seperti yang diceritakan oleh Tuan Haji Yahya bin Kubu atau Pak Utih itu disangkal oleh beberapa ahli sejarah tempatan. Mereka menyatakan bahawa pembukaan Kampung Lubuk Batu itu sebenarnya berkait rapat dengan kehadiran Bendahara Tepuk. Mereka menegaskan bahawa Bendahara Tepuklah yang memberi nama Kampung Lubuk Batu.

Sejarah silam Segamat sebenarnya adalah sejarah Bendahara Tepuk. Mengkaji sejarah silam Segamat tanpa mengkaji kedatangan Bendahara Tepuk merupakan satu usaha yang sia-sia. Oleh hal yang demikian lantaran terlalu mengagung-agungkan ketokohan Bendahara Tepuk, terdapat segelintir masyarakat kampung pada masa sebelum perang dahulu yang menjadikan makam Bendahara Tepuk sebagai tempat keramat. Mereka menghantar pulut-pulut kuning ke makam

sambil bernazar. Mujurlah tindakan segelintir masyarakat itu yang boleh membawa kepada syirik dapat dibentras oleh pihak tertentu.

Ekoran daripada peristiwa itulah, Pak Utih menceritakan satu peristiwa ganjil telah berlaku di kampung. Beratus-ratus ekor siput babi telah menyerang tanam-tanaman penduduk kampung. Mujurlah dengan ikhtiar beberapa orang dukun, peristiwa ganjil tersebut dapat dihentikan.

HARIMAU PENUNGGU

Seorang lagi penduduk kampung selain Pak Utih yang tahu secara mendalam akan kisah-kisah ganjil berkaitan dengan Bendahara Tepuk ialah Emak Sa'odah bte Haji Raya, 90 tahun. Mengikut Mak Ngah Sa'odah berhampiran makam Bendahara Tepuk terdapat beberapa batang pohon bunga Tanjung. Kononnya pohon-pohon bunga tanjung itu ditanam oleh pengikut-pengikut Bendahara Tepuk semasa mereka mula menjakkan kaki ke daerah Segamat kira-kira 500 tahun dahulu.

Pada masa Kampung Lubuk Batu mula dibuka, pokok-pokok bunga tanjung itu pun ditebang. Selepas sahaja pokok-pokok bunga tanjung itu ditebang, tiba-tiba angin bertiup dengan kencangnya. Diikuti pulabunyi harimau mengaum dan salakan anjing hutan bertalut talu hingga ke waktu subuh. Mengikut kepercayaan orang tua-tua kononnya orang-orang yang menebang pokok-pokok bunga tanjung itu tidak meminta izin terlebih dahulu.

Mengikut Mak Ngah Sa'odah lagi makam Bendahara Tepuk dikawal oleh seekor harimau penunggu. Pada masa kampung mula dibuka, ramai penduduk kampung yang lalu berhampiran makam Bendahara Tepuk dapat melihat harimau penunggu itu. Harimau penunggu itu

kelihatan berbaring di sebelah makam Bendahara Tepuk. Anehnya harimau itu tidak pernah mengapa-apakan penduduk kampung.

Menyeronokkan lagi cerita dongeng ini timbulah anggapan bahawa jika harimau penunggu itu mengaum bertalu-talu pada waktu malam kononnya ia membawa pertanda seolah-olah sesuatu malapetaka akan berlaku di daerah Segamat. Mak Ngah Sa'odah mendakwa bahawa beberapa hari sebelum Perang Dunia Kedua meletus dan sebelum berlakunya banjir besar di daerah Segamat, kedengaran suara harimau itu mengaum bertalu-talu selama tiga hari tiga malam.

Selain harimau penunggu, menurut cerita Mak Ngah Sa'odah, penduduk-penduduk kampung pernah juga melihat seekor kura-kura timbul di permukaan air di pengkalan Lubuk Batu. Kura-kura itu besarnya seperti seekor kerbau kononnya adalah kura-kura penunggu dan sering dikaitkan dengan kisah Bendahara Lubuk Batu. Kura-kura itu timbul hanya sesekali sahaja dan selalunya pada masa hujan panas turun berderai. Kemunculan kura-kura itu dipercayai membawa satu pertanda atau alamat buruk. Bukan semua orang dapat melihat kura-kura itu kononnya hanya mereka yang hatinya bersih dan mempunyai ilmu batin pula. Begitulah cerita orang tua-tua.

PERISTIWA PEMBUKAAN JEMENTAH

Sejarah silam daerah Segamat dianggap tidak lengkap sekiranya peristiwa-peristiwa pembukaan jajahan Jementah dan Perang Jementah diketepikan. Kedua-dua peristiwa tersebut lebih-lebih lagi peristiwa berdarah Perang Jementah dianggap sebagai peristiwa yang paling penting dalam sejarah Segamat. Malah ada pendapat mengatakan terkenalnya nama daerah Segamat ditinjau perspektif sejarahnya ialah disebabkan berlakunya tragedi berdarah di bumi

Jementah yang lebih dikenali dengan nama Perang Jementah. Kedua-dua peristiwa bersejarah itu walaupun disulami dengan kisah-kisah dongeng masih segar dalam ingatan generasi tua di daerah lagenda Segamat ini.

Mengikut seorang ahli sejarah tempatan, Haji Hassan bin Penuh, **66 tahun** bahawa jajahan Jementah telah dibuka lebih kurang 300 tahun dahulu. Disebabkan tanah Jementah itu subur dan timbul pula cerita kononnya di buminya ada mengandungi emas, ramailah orang dari negeri-negeri berdekatan berhijrah ke Jementah. Pada masa itu kawasan Jementah dipenuhi dengan pokok-pokok hutan terutamanya pokok-pokok dedap. Semasa pendatang-pendatang awal membersihkan kawasan dengan menebang pokok-pokok dan menebas semak belukar, satu peristiwa ganjil telah berlaku.

Setiap kali pokok-pokok itu ditebang, pada keesokan harinya didapati batang-batang pokok yang ditebang itu telah bercantum semula. Malah kawasan yang sudah dibersihkan itu menjadi semak-samun semula. Peristiwa ganjil ini berlaku selama seminggu.

Pada tiap-tiap kali orang-orang yang membersihkan kawasan baru itu ditanya sama ada tugas mereka sudah selesai, mereka lantas menjawab, "Jemu, jemu, asyik tebang pokok aja." Dan apabila mereka ditanya lagi bilakah kerja membersihkan kawasan itu selesai, sambil menggelengkan kepala, mereka menjawab, "Entah, entah, entah!" Kononnya daripada perkataan 'jemu-entah' itu lahirlah nama 'Jementah'.

Secara kebetulan seorang pawang dari Sumatera bernama Pawang Ketot bersama isterinya telah sampai di kawasan itu. Setelah mendengar kisah ganjil itu, Pawang Ketot pun menawarkan jasanya untuk

membersihkan kawasan baru itu. Beliau telah mendirikan sebuah pondok di pinggir kawasan baru itu.

Selama tiga hari tiga malam beliau dan isterinya memnakar kemenyan dan menuturkan mentera. Kononnya sejak dari hari itu kisah ganjil itu tidak berulang lagi dan kerja membersihkan kawasan baru dapat diteruskan. Sebuah kampung telah dibuka di situ. Pak Utih atau Haji Yahya bin Kubu menafikan timbulnya nama Jementah itu ada kaitannya dengan peristiwa ganjil itu. Menurutnya nama Jementah itu lahir daripada nama 'lintah'. Katanya lagi ada cerita di sebalik timbulnya nama Jementah itu.

Kononnya di kawasan itu terdapat banyak paya yang dipenuhi dengan lintah. Pendatang-pendatang awal itu berhempas pulas membunuh lintah-lintah yang penuh dalam paya. Selama beberapa hari itulah kerja mereka - membunuh lintah. Lama-lama mereka berasa jemu. Kononnya daripada perkataan 'jemu-lintah' itulah lahir nama Jementah.

PERANG JEMENTAH

Selain peristiwa pembukaan Jementah, 'Perang Jementah' merupakan satu lagi peristiwa atau tragedi yang paling penting pernah berlaku di bumi Jementah. Daripada sumber-sumber sejarah yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa Perang Jementah yang berlaku dalam tahun 1879 itu adalah satu tragedi berdarah yang begitu penting kerana beberapa sebab:

- a. Perang ini adalah perang saudara yang pertama berlaku di negeri Johor.
- b. Perang ini telah melibatkan puluhan pahlawan dan

- pendekar Melayu yang handal.
- c. Tamatnya perang ini merupakan satu daripada faktor pembukaan Muar dan Bandar Maharani.
 - d. Perang ini membawa beberapa kesan penting dalam sejarah Johor khususnya. Mulai tahun 1880 iaitu setahun selepas tamatnya perang, 'Kesang' menjadi jajahan Johor hingga ke hari ini.
 - e. Melalui perang ini, Mohammed Salleh bin Perang yang memegang jawatan Dato' Bentara Luar, salah seorang daripada elit Johor moden telah memperlihatkan kecekapannya dalam mengepalai angkatan perang.

Meletusnya Perang Jementah pada 25 Oktober 1879 adalah disebabkan oleh 'sekeping kertas' yang merupakan wasiat Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Ali, Yang Dipertuan Negeri Kesang. Beberapa jam sebelum mangkat, Sultan Ali telah mewasiatkan penggantinya iaitu Yang Maha Mulia Tengku Mahmood yang berumur 11 tahun, putera almarhum sultan dari isterinya yang ketiga iaitu orang kebanyakannya.

Perlantikan melalui wasiat ini telah ditentang oleh Tengku Alam, putera sulung baginda dari isteri tuanya. Tengku Alam yang tidak berpengaruh itu telah membantah tindakan Kolonel Archibald A. Anson, Pemangku Gabenor yang meletakkan jajahan Kesang di bawah pentadbiran Duli Yang Maha Mulia Maharaja Abu Bakar buat sementara waktu.

Tindakan awal yang dilakukan oleh Tengku Alam ialah menyuruh dua orang saudara sepupunya Tengku Nong dan Tengku Mat menghasut penduduk-penduduk sekitar kawasan Kesang supaya

menyebelahi kepada pihaknya. Tengku Mat dan Tengku Nong termakan dengan janji-janji manis Tengku Alam telah berjaya mempengaruhi segelintir orang-orang tempatan dan beberapa orang panglima Melayu yang handal.

Diantara panglima-panglima yang handal itu ialah:

- a. Panglima Besar Layot
- b. Panglima Besar Salim
- c. Panglima Besar Kadir
- d. Panglima Besar Tok Siban
- e. Panglima Besar Sancu
- f. Raja Berambut Panjang
- g. Wan Daud
- h. Wan Abbas

Atas persetujuan Tengku Alam, Panlima Besar Sancu telah dilantik menjadi 'Kepala Perang'. Kononnya kesemua pahlawan Melayu tersebut mempunyai ilmu kebal.

Perang Jementah bermula apabila angkatan Tengku Nong menyerang Kesang. Pertempuran awal dipercayai berlaku di Relau dan Air Kertau. Di kedua-dua tempat itu angkatan Tengku Nong tidak mendapat tentangan hebat justeru itu timbulah rasa bongkak dan angkuh di kalangan pengikut-pengikut Tengku Nong.

Pada 25 Oktober 1879 angkatan Tengku Nong disertai oleh Panglima Besar Sancu telah menyerang Jementah dalam jajahan Muar Kiri. Pada masa itu Jementah merupakan sebuah kampung yang penuh dengan dusun buah-buahan dan sawah padi.

Dalam pertempuran di Jementah inilah Panglima Besar Sancu

telah bertindak liar. Selain merampas harta benda penduduk-penduduk di situ, mereka juga membakar beberapa buah rumah. Mujurlah Penghulu Jementah sempat melarikan diri dan terus membuat aduan kepada pihak pemerintah di Johor.

Kemenangan dalam pertempuran di Jementah itu telah mendorong Tengku Nong mengisyiharkan dirinya sebagai Raja Muda sementara Wan Daud diisyiharkan sebagai Temenggong Paduka Tuan. Kesannya pemerintah Johor lantas mengirimkan sebuah angkatan perang diketuai oleh Ungku Ahmad iaitu saudara sepupu kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Maharaja Johor ke Jementah.

Kepintaran Ungku Ahmad dalam tipu muslihat perang telah menyebabkan beberapa buah kubu musuh dalam kawasan Lubuk Bandan ditawan. Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu beserta pengikut-pengikut mereka berundur ke hulu Sungai Jementah berhampiran dengan kaki Gunung Ledang. Di satu tempat bernama Kampung Lela mereka telah mendirikan sebuah kubu berbentengkan tanah. Sementara itu, pada 2 Disember 1879 Dato' Bentara Luar iaitu Encik Mohammed Salleh bin Perang telah dihantar oleh kerajaan Johor untuk membantu Ungku Ahmad dan Encik Esa yang sedang bertahan di sebuah kubu dalam jajahan Jementah.

Dato' Mohammed Salleh Perang telah membawa sebanyak 400 laras senapang jenis Senader dan meriam bersama.

Memandangkan pertahanan musuh masih kuat, Ungku Ahmad dan Dato' Bentara Luar telah merangka satu strategi untuk menyerang kubu-kubu musuh. Empat buah pasukan telah dibentuk dan setiap pasukan mengandungi 100 orang.

- a. Panglima Besar Esa memimpin pasukan pertama.

- b. Panglima Kiri Awang memimpin pasukan kedua.
- c. Panglima Besar Yusuf memimpin pasukan ketiga.
- d. Panglima Dalam Lamit memimpin pasukan keempat.

Kira-kira dua belas hari selepas pembentukan pasukan perang itu, angkatan perang Dato' Bentara Luar pun sampai di satu tempat bernama Dusun Dedap. Di Dusun Dedap dan di kawasan sekitarnya beberapa buah kubu dan benteng telah dibina. Yang anehnya kubu-kubu dari kedua-dua pihak yang terlibat dalam peperangan itu terletak berhampiran antara satu sama lain.

Menurut Haji Hassan bin Penuh sekurang-kurangnya lima buah kubu telah dibina oleh pengikut-pengikut Dato' Bentara Luar dan pihak Tengku Nong di kawasan sekitar Dusun Dedap. Tiap-tiap kubu itu mempunyai namanya tersendiri.

Diantara kubu-kubu yang penting ialah Kubu Dedap, Kubu Lubuk Bandan, Kubu Sungai Siput, Kubu Macang Padang dan Kubu Raja Lela. Kononnya di salah sebuah kubu kepunyaan Tengku Nong, sebuah meriam bernama 'Gegak Gempita' telah diletakkan di atas sebatang dahan pokok dedap.

Haji Hassan bercerita bahawa satu peristiwa ganjil telah berlaku sebelum Kubu Dedap yang termasyhur itu dibina. Manaf Khatib, orang yang ditugaskan untuk membersihkan kawasan sekeliling dusun dedap itu telah jatuh pengsan sebaik sahaja beliau memulakan kerja menebang anak-anak pokok hutan. Pada waktu itu hujan panas turun berderai. Hanya setelah campur tangan seorang pawang barulah kerja membersihkan kawasan di situ dapat diteruskan.

Haji Yahya bin Kubu pula mengaku bahawa datuknya Pawang Abib turut terlibat dalam pembinaan Kubu Dedap itu. Kononnya

semasa kubu itu dibina beberapa peristiwa ganjil telah berlaku antaranya dengan semena-mena hujan panas turun berderai diikuti dengan tiupan angin kencang. Pada sebelah malamnya pula bunyi burung-burung hutan dan binatang-binatang liar bertalu-talu hingga ke waktu subuh. Kubu Dedap tempat pertahanan orang-orang Dato' Bentara luasnya 40 kaki dan bentengnya dibuat daripada tanah setinggi dua belas kaki.

Semasa membina Kubu Dedap itulah, orang-orang Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu telah membuat serangan secara mengejut ke atas pengikut-pengikut Dato' Bentara Luar. Tektik pukul curi itu telah menyebabkan tiga orang pengikut Dato' Bentara Luar terkorban sementara enam orang mendapat cedera.

Pada pertengahan bulan Disember 1879 pengikut-pengikut Dato' Bentara Luar berjaya menawan sebuah kubu musuh di Padang Juling. Mengikut catatan Encik Daud bin Sulaiman, seorang ahli sejarah di Batu Pahat, Johor bahawa semasa bertahan di Kubu Padang Juling, Dato' Bentara Luar telah menyusun satu rancangan yang rapi dan lengkap bertujuan untuk menamatkan Perang Jementah dengan segera. Beliau telah memerintahkan seratus orang menebang pokok buluh dan setiap orang dikehendaki mengikat buluh-buluh itu menjadi seberkas.

Pada keesokan harinya, tiga ratus orang dato' Bentara Luar 'berpura-pura' menyerang kubu Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu. Dan semasa serangan olok-olok itu dibuat, Dato' Bentara Luar menyuruh enam puluh orang pengikutnya membuat satu jalan pintas menuju ke arah kubu musuh.

Empat buah meriam dipasang dengan arah muncungnya dihalakan

ke arah kubu musuh. Panglima Besar Yusuf dan Panglima Kiri Awang merangkak perlahan-lahan mengambil tempat perhampiran pagar kubu musuh. Panglima Lamit bersama orang-orangnya mengangkut berkas-kas buluh itu sementara Dato' Bentara Luar dan Panglima Esa disertai oleh lima orang pengikutnya membuat benteng.


Kebetulan pada malam itu hujan turun dengan lebatnya. Ini memudahkan lagi kerja Dato' Bentara Luar. Menjelang pagi Dato' Bentara Luar mengarahkan semua meriam dan senapang ditembakkan serempak.

Serangan mengejut waktu subuh itu menyebabkan orang-orang Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu dalam kubu menjadi kelam-kabut. Kebanyakan mereka sedang tidur nyenyak pada masa itu.

Pihak musuh yang mulai panik lantas memukul gendang dengan tujuan menaikkan semangat mereka. Mereka sempat juga membalaas tembakan dengan secara membuta-tuli. Ekoran daripada serangan pada waktu subuh itulah akhirnya membawa kepada tamatnya Perang Jementah pada 30 Disember 1879. Perang saudara itu berakhir dengan kemenangan di pihak Dato' Bentara Luar. Tengku Nong dapat ditawan dekat Gunung Ledang kira-kira sehari perjalanan dari Cohong. Wan Daud pula diberkas setengah jam selepas Tengku Nong ditangkap. Turut diberkas pada hari itu ialah ketua-ketua pemberontak iaitu Tengku Mat, Panglima Besar Sancu, Panglima Besar Layot dan Raja Berambut Panjang.

Panglima Sarip, seorang lagi panglima yang handal ditugaskan untuk mengawal keselamatan Tengku Mat semasa diberkas cuba melawan tetapi telah ditembak oleh Panglima Perang Awang. Manakala saki baki musuh terus diburu.

SEGAMAT - SEJARAH & MITOSNYA



Halaman Masjid Lubuk Batu dinaiki air. Berhampiran masjid inilah kononnya Bendahara Tepuk melontarkan batu. Peristiwa ini dikenali dengan nama 'Sumpah Lubuk Batu'.



Pemandangan di satu kawasan berhampiran Masjid Lubuk Batu, Segamat. Dongeng masyarakat Segamat menyatakan bahawa sesekali 'tempayan tajau' dan dulang emas pernah timbul di permukaan air di kawasan ini.

Pak Yusuf bin Kamit atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Osop berasal dari Muar dan sudah menetap lebih 40 tahun di Segamat mendakwa bahawa pembukaan beberapa petempatan dan kampung di Segamat ada kaitan dengan tamatnya Perang Jementah.

MEMBUKA KAMPUNG

Menurut Pak Osop menjelang tamaynya Perang Jementah, ramai pengikut Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu telah melarikan diri. Mereka seolah-olah sudah terasa kemenangan akan berada di pihak Dato' Bentara Luar dan Ungku Ahmad. Malah ramai daripada pengikut Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu mulai insaf. Mereka sedar perjuangan mereka adalah sia-sia belaka. Menentang Dato' Bentara Luar dan Ungku Ahmad samalah seperti menentang Duli Yang Maha Mulia Maharaja Abu Bakar.

Justeru itu ramai daripada mereka tanpa mematuhi arahan ketua-ketua mereka lantas melarikan diri ke Segamat menaiki perahu menghilir Sungai Legal dan Sungai Muar untuk terus ke Segamat. Dipercayai merekalah merupakan pendatang-pendatang awal yang membuka beberapa buah kampung di daerah Segamat.

Di Segamat tempat yang didatangi oleh orang-orang Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu itu dipercayai kebanyakannya berhampiran dengan sungai. Mengikut kajian sekurang-kurangnya sepuluh buah kampung atau kawasan telah dibuka oleh orang-orang Tengku Nong dan Panglima Besar Sancu. Kampung-kampung tersebut ialah:

1. Kampung Pogoh
2. Kampung Alai
3. Kampung Lubuk Batu

4. Kampung Paya Dalam
5. Kampung Ulu Gemereh
6. Kampung Batu Badak
7. Kawasan berhampiran Danau Lanjut
8. Kawasan Berhampiran Danau Kongkong
9. Kawasan berhampiran Tebing Tinggi
10. Kampung Tenang

Mengikut Pak Osop lagi di Kampung Paya Dalam, empat kilometer dari bandar Segamat, dua buah kubur yang masih dapat dilihat hingga sekarang dipercayai adalah kubur-kubur pengikut-pengikut Panglima Besar Sancu yang melarikan diri itu dan berkemungkinan mati di Kampung Paya Dalam. Di Kampung Paya Dalam juga terdapat kesan peninggalan Perang Jementah seperti kubu-kubu dan benteng-benteng.

MUKIM POGOH

Salah sebuah mukim di daerah Segamat yang banyak mempunyai kesan-kesan sejarah dan cerita-cerita aneh mengenainya ialah Mukim Pogoh. Mukim Pogoh ini yang penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu merupakan salah sebuah mukim terbesar di daerah Segamat ini. Ianya terbagi kepada sembilan kampung iaitu Kampung Paya Pulai, Kenawar, Pogoh Asli, Tengkoi, Bukit Limau Manis, Chodan, Bukit Senggeh, Tekam dan Melayu Raya.

Dari segi sejarah boleh dikatakan tiap-tiap mukim ada mempunyai kesan-kesan sejarah dan mitosnya tersendiri. Diantara kesan-kesan sejarah yang boleh dilihat hingga sekarang ialah Makam Tok Kali yang terletak berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Pogoh Kampung Kenawar dan Bukit Piatu di Kampung Danau Lanjut.

Mengikut cerita orang tua-tua, Mukim Pogoh ini mula dibuka seratus tahun dahulu. Mukim ini dibuka oleh Tok Lembek bin Bandar bersama-sama dengan Tok Nolah dan Pawang Khamis. Dan Kampung Danau Lanjut merupakan kampung yang pertama dalam mukim Pogoh itu yang dibuka oleh Tok Lembek bersama kawan-kawannya.

Menurut cerita seorang tua di Mukim Pogoh ini, Pak Uda Jali bin Tenggok, 97 tahun bahawa nama Danau Lanjut itu diambil daripada nama pokok yang banyak terdapat di kawasan itu pada masa kampung dibuka. Pokok lanjut biasanya tumbuh di tepi-tepi sungai dan mempunyai batang yang besar dan daun yang lebar. Buahnya seakan-akan buah binjai berwarna merah seperti biji saga dan sedap pula dimakan. Kadang-kadang isi buah lanjut itu ditumbuk dijadikan sambal.

Semasa mukim Pogoh dibuka menurut kajian, terdapat hanya sepuluh buah rumah sahaja. Selain Tok Lembek, Tok Nolah dan Pawang Khamis bersama-sama keluarga mereka yang merupakan penduduk pertama di mukim itu, ada juga keluarga lain yang datang untuk tinggal menetap di kawasan yang baru dibuka itu. Ada diantara mereka yang datang dari Legi, sebuah kawasan yang terletak 20 batu jauhnya dari Kampung Danau Lanjut.

Menurut Pak Uda Jali lagi, mata pencarian penduduk-penduduk awal Kampung Danau Lanjut itu ialah menjual hasil-hasil hutan seperti damar, getah grit, rotan batu dan kajang (diperbuat daripada daun mengkuang). Penduduk-penduduk awal itu juga menanam huma (padi bukit) di kawasan-kawasan bukit yang berhampiran. Disebabkan pada masa itu belum ada jalan raya, terpaksa segala barang-barang jualan dibawa dengan perahu. Penduduk awal Kampung Danau Lanjut terpaksa menjual hasil jualannya itu di Bukit

SEGAMAT - SEJARAH & MITOSNYA



Pemandangan di satu persimpangan di Kampung Paya Dalam. Orang tua-tua Segamat menceritakan bahawa di kawasan inilah seratus tahun dulu orang-orang Tengku Nong melarikan diri selepas tamatnya Perang Jementah.



Pemandangan jalan menuju ke Kampung Gemereh. Menurut cerita orang tua-tua Bendahara Tepuk dan orang-orangnya pernah menggunakan kawasan ini sebagai petempatan sementara mereka.

Kepong dari Kampung Danau Lanjut mengikut jalan sungai mengambil masa sehari suntuk.

Penduduk-penduduk awal Kampung Danau Lanjut mendirikan rumah-rumah mereka berdekatan antara satu sama lain. Dindingnya diperbuat daripada kulit kepong sementara daun-daun rumbia dijadikan atap. Boleh dikatakan kesemua rumah mereka bertiang. Sebuah surau kecil juga telah didirikan secara gotong-royong di kampung itu.

Selang beberapa tahun kemudian, barulah kampung-kampung lain seperti Paya Pulai, Kenawar, Pogoh Asli, Tengkoi dan lain-lain dibuka oleh orang-orang luar yang datang ke kawasan baru itu. Kebanyakan daripada kaum pendatang itu terdiri daripada orang-orang Melayu yang berkeluarga besar.

PEMBUNUHAN PANGLIMA PASAK

Salah satu peristiwa yang tetap menjadi ingatan kepada setiap penduduk Mukim Pogoh ini ialah Peristiwa Pembunuhan Panglima Pasak yang berlaku selepas sahaja kampung-kampung baru itu dibuka. Tiap-tiap penduduk Mukim Pogoh khususnya orang tua-tua menganggap peristiwa itu sebagai satu tragedi berdarah lagi menakutkan.

Seorang penduduk Mukim Pogoh yang mengetahui secara terperinci mengenai peristiwa Pembunuhan Panglima Pasak ialah Cikgu Ibrahim Taban, bekas guru Sekolah Kebangsaan Pogoh dan yang secara kebetulannya, berdasarkan dakwaannya adalah cicit kepada Panglima Pasak.

Menurut Cikgu Ibrahim Taban, Panglima Pasak adalah seorang

panglima Bugis yang handal. Panglima Pasak berhijrah ke negeri Johor semasa menyertai angkatan Bugis untuk menyerang orang-orang Melayu yang bertahan di Kubu Pupuk di Jementah.

Selepas berakhir Perang Jementah, kebanyakan orang-orang Bugis pulang ke negeri asal mereka kecuali segelintir daripada mereka yang bercadang hendak menetap di kawasan Segamat. Salah seorang daripada mereka ialah Panglima Pasak. Menurut ceritanya, dari kawasan Jementah, beliau telah merayau-rayau hingga sampai ke Mukim Pogoh.

Beberapa tahun kemudiannya, di Mukim Pogoh itulah Panglima Pasak telah mendirikan rumah tangga dengan seorang perempuan tempatan. Hasil daripada perkahwinan, mereka dikurniakan ramai anak. Sebagai seorang pahlawan dan juga perantau dari luar, beliau banyak menaburkan jasa di kampung yang baru didiaminya itu. Beliau sentiasa menyertai tiap-tiap kerja gotong-royong bagi memajukan kampung. Penduduk-penduduk kampung mula memberi penghormatan kepadanya. Sifatnya yang ramah-tamah disamping sentiasa sahaja melibatkan diri dalam apa juga kerja sosial menyebabkan kehadirannya di kampung amat disenangi.

Tetapi beberapa tahun kemudiannya, kelakuan Panglima Pasak mulai berubah. Ini mungkin disebabkan anggapan beliau bahawa tiada seorang pun di dalam kampung yang gagah dan handal seperti. Beliau bukan sahaja seorang yang cekap bermain senjata malah kononnya boleh menghilangkan diri pada bila-bila masa.

Menurut kepercayaan orang-orang kampung, badan Panglima Pasak tidak boleh ditembusi peluru dan senjata. Matanya pernah dicucuk dengan sebatang kayu yang tajam tetapi tidak meninggalkan

apa-apa kesan. Dan pada suatu ketika Panglima Pasak pernah digunakan sebagai peluru meriam. Pendeknya Panglima Pasak bukanlah calang-calang orang.

Perasaan takut dan bimbang mulai menyerupai seluruh Mukim Pogoh apabila Panglima Pasak mula menunjukkan belangnya. Orang-orang kampung terutamanya orang-orang perempuan sering dikacau. Sesiapa yang cuba menghalangnya pasti menerima padah.

Mukim yang mulai membangun itu menjadi lengang terutama menjelang malam. Tiada sesiapa pun yang berani keluar pada waktu malam. Anak-anak dara pula terpaksa menyembunyikan diri.

Dua buah tempat dalam Mukim Pogoh itu yang selalu didatangi Panglima Pasak ialah Bukit Piatu dan di tebing Sungai Kenawar. Seolah-olah kedua-dua tempat itu adalah kubu baginya. Selalunya di tempat-tempat itulah Panglima Pasak berehat-rehat selepas bermaharajalela di seluruh mukim.

Walaupun penduduk mukim tidak berani menentang Panglima Pasak secara terang-terang namun demikian mereka sentiasa sahaja berikhtiar secara diam-diam untuk memberkas pahlawan dari Tanah Bugis itu. Akhirnya tampillah seorang pawang yang juga merupakan seorang panglima bernama Sidek yang sanggup menangkap Panglima Pasak.

Pada mulanya Panglima Sidek dan orang-orang kampung bercadang hendak menangkap Panglima Pasak dengan menggunakan senjata. Tetapi setelah diselidiki didapati cara itu tidak berkesan. Sebagai seorang pahlawan yang banyak berguru disamping pula menjadi bomoh, akhirnya Panglima Sidek mendapati hanya melalui

satu cara sahaja panglima bongkak dari Tanah Bugis itu dapat diberkas. Caranya ialah dengan menyeletkan minyak khinzir kepada tujuh helai benang yang berlainan warna.

Benang-benang itu kemudian perlulah digeselkan ke badan **Panglima Pasak**. Menurut ilmu pendukunan Panglima Sidek hanya **cara inilah** sahaja dapat melemahkan anggota Panglima Pasak dan **seterusnya** menangkapnya.

Pada suatu petang hari Jumaat waktu asar, Panglima Sidek dengan penduduk-penduduk mukim berjaya memberkas Panglima Pasak setelah menggeselkan ke badannya tujuh helai benang berwarna. Penduduk-penduduk mukim lantas mengikat Panglima Pasak dengan rotan. Kemudian orang-orang Mukim Pogoh pun mencampakkan Panglima Pasak ke dalam sebuah lubuk yang dikenali dengan panggilan Lubuk Keladan.

Kononnya selepas tiga hari barulah Panglima Pasak menghembuskan nafasnya yang terakhir. Kawasan tempat Panglima Pasak menemui ajalnya lantas digelar Lubuk Pasak.

Peristiwa pembunuhan Panglima Pasak dianggap sebagai satu peristiwa penting yang menjadi ingatan penduduk-penduduk Mukim Pogoh. Begitu penting peristiwa berdarah itu bagi generasi tua di daerah Segamat lantas terciptalah beberapa rangkap pantun mengenainya.

**Awalnya Pogoh hutan belantara,
Menjadi kampong permai nan indah,
Panglima Pasak punya angkara,
Hati nan tenteram menjadi gundah.**

Panglima Pasak pahlawan handalan,

**Bermaharajalela membawa kapak,
Hanya benang digsel badan,
Menemui ajal di Lubuk Pasak.**

Seperti yang dinyatakan pada awal rencana ini bahawa dua buah tempat yang lazim dikunjungi Panglima Pasak ialah Bukit Piatu dan di tebing Sungai Kenawar. Kedua-dua tempat tersebut kata orang tua-tua mempunyai cerita anehnya yang tersendiri.

MITOS BUKIT PIATU & SUNGAI KENAWAR

Kononnya Bukit Piatu itu didiami oleh masyarakat Bunian. Satu masa dahulu, orang-orang kampung yang ingin mengadakan majlis perkahwinan atau kenduri kendara bolehlah meminjam pinggan mangkuk dari Bukit Piatu itu.

Seketul kemenyan yang sudah dijampi hendaklah diletak di atas sebuah batu berlubang yang terdapat di bukit itu. Orang yang meminjam pinggan mangkuk itu kemudiannya akan menyatakan jumlah pinggan mangkuk yang hendak dipakai. Kononnya pada keesokan harinya segala pinggan mangkuk yang diperlukan itu tersusun rapi di atas batu yang berlubang itu. Tetapi disebabkan segelintir penduduk kampung yang enggan memberitahu jumlah sebenar pinggan mangkuk yang pecah semasa digunakan kepada masyarakat Bunian, selepas itu masyarakat Bunian langsung tidak memperdulikan apa juga permintaan orang-orang kampung.

Dan mengenai Sungai Kenawar pula, airnya hitam dan amat seuk. Kononnya sebelum sungai itu mendapat nama, seorang penduduk yang menghidap sejenis penyakit kulit telah mandi di sungai itu. Entah macam mana, selang beberapa hari orang itu mendapati penyakitnya itu sudah sembah. Disebabkan peristiwa itu orang-orang kampung

menganggap bahawa air sungai itu dapat menyembuhkan segala penyakit. Lantas dinamakanlah orang sungai itu ‘Sungai Kenawar’ (asalnya Sungai Penawar).

Di sepanjang Sungai Kenawar terdapat banyak lubuk diantaranya Lubuk Kelandan dan Lubuk Pasak. Tempat Panglima Pasak menemui ajalnya ialah di Lubuk Pasak dan di sekitar kawasan lubuk-lubuk itu tumbuh pokok-pokok kelandan.

TEMASYA LAGA KERBAU

Menjelang tahun 1910 apabila landasan keretapi mula dibina di Segamat, penduduk-penduduk di Mukim Pogoh bertambah ramai. Pokok-pokok getah mulai ditanam orang dan penghulu serta imam kampung pun mulai dilantik.

Orang pertama dilantik menjadi penghulu Kampung Pogoh ialah Encik Othman sementara Encik Abdullah menjadi imam pertama di kampung itu. Imam Abdullah juga mengajar anak-anak kampung mengaji Qur'an dan Muqaddam. Selepas Penghulu Othman, Encik Maarof bin Perang dilantik menjadi penghulu dan seterusnya penghulu ketiga Kampung Pogoh ialah Encik Mohd. Alib bin Abu Bakar.

Dua puluh tahun kemudiannya, kira-kira dalam tahun 1931 dengan daya usaha Penghulu Mohd. Alim bin Jim beserta penduduk-penduduk kampung sebuah sekolah pun dibina dalam Kampung Kenawar. Sekolah itu dibina secara gotong-royong oleh penduduk-penduduk kampung. Menurut ceritanya sejak dari awal tahun 1930-an itu, Mukim Pogoh pun padat dengan penduduknya dan peringkat demi peringkat mukim itu mulai berkembang. Dari perspektif sejarahnya Mukim Pogoh terkenal kerana sejarah Panglima Pasaknya dan tidak

dapat disangkal lagi cerita-cerita aneh yang ada kaitan dengan panglima ini ciptaan masyarakat tua telah menjadikan Pogoh sebagai sebuah mukim paling termasyhur di daerah Segamat.

Sebenarnya menurut kajian, bukan sahaja Pogoh yang memasyhurkan nama daerah Segamat tetapi wujudnya sejenis temasya yang dikenali dengan nama ‘Temasya Laga Kerbau’ yang meletakkan nama daerah Segamat sebagai sebuah daerah penuh lagenda. Menurut Tuan Haji Yahya bin Kubu atau Pak Utih bahawa temasya laga kerbau mula diperkenalkan di daerah Segamat sekitar tahun 1910. Temasya laga kerbau ini biasanya diadakan pada bulan Safar di satu kawasan lapang berhampiran Pengkalan Lubuk di Sungai Segamat. Pada masa itu Segamat dipanggil ‘Rantau Panjang’. Timbulnya nama Rantau Panjang kerana keadaan pantai tebing sungai yang begitu lurus dan pasirnya putih dan kelihatan berseri-seri disinar cahaya matahari.

Menurut ceritanya, pada hari temasya itu jelasnya pada waktu sebelah pagi penduduk-penduduk setempat akan melibatkan diri dalam temasya ‘Mandi Safar’. Seorang pawang akan mencacakkan sebatang kayu yang telah dijampi di tebing sungai. Selepas itu dibawah pengawasan pawang itu, orang-orang kampung akan merendamkan badan di dalam sungai berhampiran tempat kayu itu terpacak.

Sementara itu beberapa orang perempuan tua ditugaskan menyediakan daun palas dan dimuatkan dalam sebuah perahu yang telah ditambat pada sebatang pokok leban. Sebaik sahaja pawang selesai menuturkan jampi mentera, semua yang terlibat dalam temasya tersebut akan berebut-rebut mendapatkan pulut itu untuk dimakan dengan tujuan mendapat ‘berkat’.

Kebiasaan selepas berakhirnya temasya mandi safar itu, orang-orang kampung tidak pulang ke rumah sebaliknya mereka akan bergegas ke satu kawasan di tebing Sungai Segamat itu untuk mencari telur tuntong di satu kawasan yang dinamakan ‘Pasir Balai’. Temasya pungut telur tuntong itu hingga ke waktu zohor. Mereka yang berjaya memungut telur tersebut dengan jumlah yang paling banyak akan menerima hadiah sepinggan pulut kuning.

Selepas waktu zohor pada hari yang sama dilangsungkan pula lagi satu temasya iaitu laga kerbau. Laga kerbau ini merupakan acara kemuncak dalam temasya setahun sekali itu. Walaupun pada waktu itu sekitar tahun 1920 tidak terdapat sebarang sawah padi di mana penggunaan kerbau diperlukan namun terdapat juga segelintir penduduk daerah Segamat yang ada memelihara kerbau. Kerbau pada waktu itu digunakan untuk mengangkut hasil-hasil hutan seperti damar, gula kabung, sagu, kayu arang, lilin lebah, gula kelapa, rotan dan sebagainya dari kawasan pendalamannya ke pengkalan.

Pada masa itu terdapat tiga buah pengkalan iaitu Pengkalan Lubuk, Pengkalan Gemereh dan Pengkalan Batu Badak yang dijadikan sebagai tempat mengangkut hasil-hasil hutan untuk diperdagangkan ke Singapura melalui Bukit Kepong dan Muar. Aktiviti perdagangan inilah yang menyebabkan tenaga kerbau diperlukan.

Temasya laga kerbau kebiasaan diadakan di sebuah kawasan lapang berhampiran dengan Pengkalan Lubuk. Menurut ceritanya kerbau-kerbau yang terlibat dalam pertandingan diberi dengan pelbagai gelaran seperti Kumbang, Bonggol, Hitam, Jaguh dan sebagainya. Semasa pertandingan dijalankan hanya pengadil beserta tuan-tuan punya kerbau sahaja dibenarkan berdiri di luar gelanggang.

Terdapat seorang pawang bernama Pak Monok yang akan mengelolakan pertandingan dari awal hingga akhir. Sebelum pertandingan dimulakan Pak Monok akan 'memagar gelanggang'.

Upacara 'memagar gelanggang' dilakukan dengan pembacaan mentera bertujuan supaya semasa temasya laga kerbau berlangsung, tidak ada sebarang kejadian buruk berlaku. Pak Monok jugalah yang akan menutup gelanggang selepas pertandingan tamat.

Dalam pertandingan itu kerbau yang berjaya menyondollawannya sehingga terkeluar dari garisan sempadan dianggap menang. Tuan punya kerbau yang menang akan menerima hadiah seperti telur tuntung dan madu lebah. Sebaik sahaja keputusan pertandingan diumumkan, para penonton yang semasa pertandingan dijalankan itu bersembunyi di celah-celah pokok besar akan keluar menerpa pemenang sambil bersalam-salaman dan mengucapkan tahniah.


Menjelang tahun 1925, semasa Dato' Omar bin Endut menjadi Pegawai Daerah Segamat, temasya laga kerbau dan mandi safar semakin kurang mendapat sambutan. Masyarakat mula sedar bahawa temasya yang mereka amalkan itu jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Akhirnya atas inisiatif beberapa orang ahli agama, temasya laga kerbau dan mandi safar itu pun diberhentikan sekitar pertengahan tahun 1930-an.

PASIR JENALIM

Namun begitu untuk tujuan bersukaria bersama keluarga, orang-orang Segamat tetap berkunjung ke sebuah kawasan yang bernama Pasir Jenaling untuk berkelah. Pasir Jenalim merupakan sebuah kawasan, airnya jernih dan pasirnya putih terletak berhampiran

Pengkalan Esah (sekarang terletak di belakang Pawagam Cathay). **Adacerita** yang mengatakan bahawa orang-orang luar yang datang ke **Segamat** melalui sungai biasanya akan berhenti di Pengkalan Esah. Kononnya disebabkan di tepi-tepi tebing sungai itu tumbuh pokok **jambu** dan leban dan keadaannya condong pula lantas orang luar menamakan Segamat sebagai ‘Jambu Condong’ dan juga ‘Leban Condong’.

Jelasnya keunikan daerah Segamat atau Rantau Panjang nama lamanya bukanlah kerana di buminya telah tersemadi jasad pahlawan **Melayu** iaitu Bendahara Tepuk ataupun kerana tercetusnya Perang **Jementah**, perang saudara yang pertama di negeri Johor tetapi adalah disebabkan temasya tahunan iaitu laga kerbau yang telah disambut setiap tahun oleh masyarakat Segamat sekitar tahun dua puluhan itu. Berdasarkan kajian hanyalah di daerah Segamat sahajalah diadakan temasya laga kerbau dan tidak di daerah-daerah lain di negeri Johor. Dalam aspek ini, disinilah terletak keunikan dan keistimewaan daerah **Segamat**.





PENGKALAN ESAH - SEJARAH & MISTERINYA

KEDUDUKANNYA yang begitu strategik di tebing Sungai Segamat di samping suasannya yang sentiasa nyaman dan tenteram telah menjadikannya sebuah kawasan paling penting di daerah Segamat kira-kira seabad yang lalu. Pada waktu itu dimana sungai masih lagi digunakan sebagai jalan perhubungan, ianya sering menjadi tumpuan orang-orang luar dari daerah Segamat ini. Selama suku abad selepas pembukaannya, peranannya sebagai tempat persinggahan dan istirehat bagi pedagang-pedagang luar yang menyusur di Sungai Segamat begitu dirasakan. Kawasan yang dimaksudkan itu ialah Pengkalan Esah - sebuah pengkalan di Sungai Segamat yang dikatakan banyak menyimpan pelbagai cerita menarik dan misteri sehingga buat beberapa ketika penduduk tempatan menamakannya sebagai 'Pengkalan Lagenda'.

Berdasarkan kajian Pengkalan Esah dikatakan mempunyai sejarahnya yang unik dan tersendiri. Pengkalan ini dipercayai dibuka sekitar tahun 1912 oleh Ungku Sulaimen bin Daud, bekas Residen Muar dan Kesang. Sekitar awal tahun 1900, Segamat di samping Parit Jawa, Cohong (Tangkak) dan Bukit Kepong (Lenga) adalah

merupakan daerah-daerah kecil dalam daerah Muar. Tiap-tiap daerah tersebut diletakkan di bawah pentadbiran Pegawai Daerah masing-masing.

Kedatangan Ungku Sulaimen bin Daud dan keluarganya merupakan **satu rahmat** kepada penduduk-penduduk daerah Segamat khususnya **mereka** yang tinggal di tebing-tebing sepanjang Sungai Segamat pada **masa itu**. Tindakan awal yang dilakukannya ialah mendirikan sebuah **rumah papan** di tebing sungai di samping mengarahkan orang-orangnya **membersihkan** sebuah kawasan pengkalan yang kemudiannya dikenali **dengan** nama Pengkalan Esah. Begitu juga kawasan sekitar pengkalan turut dibersihkan untuk dijadikan dusun.

KEGIATAN PERDAGANGAN

Menjelang tahun 1930-an sungai masih lagi digunakan sebagai **jalan** perhubungan oleh penduduk-penduduk Segamat dan juga **orang-orang** luar. Kebanyakan orang luar yang datang ke Segamat **melalui** jalan sungai akan membawa barang-barang dagangan seperti **pinang**, ubi kayu, arang, garam, ayam hutan dan sebagainya untuk **diperniagakan**. Mereka akan berhenti di setiap pengkalan di Sungai Segamat untuk menjual barang-barang dagangannya. Pada masa itu terdapat empat buah pengkalan iaitu Pengkalan Batu Badak, Pengkalan Kuala Gemereh, Pengkalan Lubuk dan Pengkalan Esah yang berfungsi **sebagai** 'Pasar Tepi Sungai' dan boleh dikatakan setiap pagi terutamanya pada pagi Jumaat suasana di pengkalan-pengkalan tersebut menjadi riuh-rendah dengan kebanjiran orang-orang luar **dan** penduduk tempatan.

Pada masa itu jugalah orang-orang Segamat turut juga melibatkan

diri dalam perniagaan walaupun secara kecil-kecilan sahaja. Setiap pagi terutamanya hari Jumaat mereka membawa hasil jualan ke Pengkalan Esah. Barang-barang yang diperniagakan pada masa itu termasuklah hasil-hasil hutan seperti sarang burung, damar, rotan, akar-akar kayu, madu lebah, pucuk-pucuk paku dan juga telur ikan terubuk.

Berhampiran Pengkalan Esah terentang sebuah kawasan yang berpasir putih lagi halus dengan pokok-pokok leban tumbuh berceracak di pinggirnya. Tempat itu dinamakan orang ‘Pasir Jenalim’. Menurut ceritanya, orang-orang luar memudiki Sungai Segamat untuk membawa hasil-hasil jualan mereka di Pengkalan Esah pasti akan meluangkan masa untuk beristirehat di Pasir Jenalim. Ada juga yang sempat mandi-manda di situ.

Bagi penduduk tempatan pula yang selalu berkunjung ke Kampung Tenang, sebuah kampung di ulu Sungai Segamat untuk membeli kerbau kebiasaan mereka akan menjadikan Pengkalan Esah sebagai tempat persinggahan. Semasa singgah di Pengkalan Esah seperti orang-orang luar juga mereka beristirehat dan ada juga yang berkelah di Pasir Jenalim sebelum meneruskan perjalanan.

Kebanjiran orang-orang luar terutamanya pada tiap-tiap pagi Jumaat menjadikan Sungai Segamat sebagai laluan yang paling sibuk pada masa itu. Hari demi hari Sungai Segamat dipenuhi dengan perahu, sampan, balok dan rakit sarat dengan muatannya. Sepanjang sungai dari kuala hingga ke Pengkalan Esah, keriuhan suara penduduk-penduduk tempatan menjalankan aktiviti harian mereka seperti memancing ikan, menangguk udang, menahan lukah menambahkan lagi keindahan pemandangan Sungai Segamat di

samping memeriahkan suasana. Hal sedemikian menjadikan Pengkalan Esah kawasan di tepi Sungai Segamat paling sibuk dan tidak putus-putus dikunjungi orang. Pengkalan Esah bagaikan nyawa kepada Sungai Segamat dan penduduknya.

Apabila orang bercakap tentang sejarah Segamat atau Rantau Panjang, gelaran yang diberi kepada daerah ini keitar tahun 20-an secara tidak langsung orang juga bercakap tentang sejarah sungainya. Hal ini tidak menghairankan kerana sejarah Segamat bermula dari sejarah sungainya. Berdasarkan kajian semua peristiwa penting yang pernah berlaku di daerah Rantau Panjang atau Segamat seperti peristiwa pembunuhan Panglima Pasak, banjir besar tahun 1926, sumpahan Bendahara Tepuk, temasya laga kerbau, pertandingan pungut telur tuntung dan sebagainya semuanya berlaku di tepi-tepi tebing Sungai Segamat atau di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Sungai Segamat. Dan kemuncak segala peristiwa tersebut seperti pembunuhan Panglima Pasak yang berlaku di kawasan berhampiran Pengkalan Esah juga dapat dikaitkan dengan sejarah Sungai Segamat.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Sungai Segamat dan sering dikaitkan dengan Pengkalan Esah inilah yang meletakkan Pengkalan Esah sebagai tempat paling bersejarah di seluruh daerah Segamat. Tidak hairanlah jika orang berkata, "Untuk mengenali Segamat, kenalilah sungainya. Untuk mengenali sungainya kenalilah Pengkalan Esahnya". Nyawa Segamat adalah sungainya dan nyawa sungainya adalah Pengkalan Esahnya.

Kebiasaan apabila sesuatu tempat itu dianggap terlalu penting dan masyhur dalam sesebuah daerah lahirlah pelbagai cerita yang

aneh dan dongeng dikaitkan dengan tempat tersebut. Keadaan inilah yang berlakupada Pengkalan Esah. Justeru itulah apabila kita mengkaji sejarah Pengkalan Esah, unsur dongengnya terseret bersama.

PENGKALAN UNGKU AISAH

Peristiwa penemuan dan pembukaan Pengkalan Esah oleh Ungku Sulaimen bin Daud kira-kira tiga suku abad yang lalu hingga kini masih menjadi rahsia kepada penduduk Segamat. Malah di kalangan generasi tua pun hanya segelintir sahaja yang benar-benar mengetahui sejarah Pengkalan Esah. Menurut Tuan Haji Yahya Kubu atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Utih berusia 95 tahun dan berasal dari Kampung Paya Dalam, Segamat bahawa kira-kira enam bulan selepas pembukaan Pengkalan Esah, pengkalan belum mempunyai namanya yang khusus. Orang-orang luar termasuk juga penduduk setempat hanya menamakan Pengkalan Esah sebagai 'Pengkalan Ulu'. Panggilan ini mungkin didasarkan pada kedudukan Pengkalan Esah yang berhampiran dengan ulu Sungai Segamat.

Keadaan ini tentulah merisaukan Ungku Sulaimen Daud. Hari demi hari jumlah orang yang datang ke Pengkalan Esah semakin bertambah. Pada mulanya Ungku Sulaimen mencadangkan supaya pengkalan itu dinamakan Pengkalan Zahrah mengikut nama anak perempuan kesayangannya, Ungku Ara Zahrah. Nama Pengkalan Zahrah ini tidak kekal kerana pengunjung Pengkalan Esah masih tetap menggunakan nama Pengkalan Ulu.

Diceritakan pada masa itu Pegawai Daerah Segamat ialah Encik Menthol bin Haji Ahmad. Beliau mencadangkan agar pengkalan itu dinamakan mengikut nama Ungku Sulaimen sendiri. Tetapi panggilan



Allahyarham Engku Sulaimen bin Daud, bekas Residen Muar-Kesang bersama isterinya Ungku Aishah bte Abdul Majid. Engku Sulaimen menamakan Pengkalan Esah sempena nama isterinya itu.

'Pengkalan Sulaimen' pun tidak dapat bertahan lama. Entah mengapa orang masih gemar menggunakan panggilan Pengkalan Ulu. Menurut cerita orang tua-tua, suatu hari penjaga dusun Ungku Sulaimen seorang Habsyi berasal dari Kabul bernama Mohammed Zaman menyarankan supaya nama Pengkalan Ulu itu ditukar kepada Pengkalan Ungku Aishah, mengikut sempena nama isteri Ungku Sulaimen sendiri. Ditakdirkan saranan penjaga dusun itu diterima dan sejak hari itu Ungku Sulaimen menamakan pengkalan yang dibukanya itu dengan nama 'Pengkalan Ungku Aishah'. Kononnya daripada panggilan 'Pengkalan Ungku Aishah' itu lama kelamaan ianya bertukar menjadi 'Pengkalan Esah'.

Panggilan 'Pengkalan Esah' itu agaknya terlalu sesuai hingga dalam jangka masa yang singkat nama baru itu telah digunakan secara meluas. Baik orang luar maupun orang tempatan setiap kali menyusuri Sungai Segamat akan melaungkan nama Pengkalan Esah apabila perahu atau sampan mereka menghampiri pengkalan itu. Daripada sumber yang diperolehi menyatakan begitu masyhurnya nama Pengkalan Esah sehingga nama Rantau Panjang yang diberi pada Segamat pada masa itu langsung tidak kedengaran buat beberapa ketika.

Seperti yang telah disinggung pada awal rencana terdapat empat buah pengkalan di sepanjang Sungai Segamat pada zaman kemasyhuran Pengkalan Esah. Sebenarnya keempat-empat pengkalan tersebut mempunyai fungsinya masing-masing. Justeru itu apabila orang mengkaji sejarah Segamat dengan menyentuh sejarah sungainya, sudah pasti mereka akan bersua dengan satu ungkapan khas untuk keempat-empat pengkalan tersebut. Ungkapan itu berbunyi:

**'Sejernih air Pengkalan Batu Badak
Selazat telur tuntong Pengkalan Kuala Gemereh
Seliar kerbau laga Pengkalan Lubuk
Sehalus pasir Pengkalan Esah'.**

Ungkapan tersebut dicipta tentulah berdasarkan peristiwa dan keadaan sesebuah pengkalan itu. Menurut ceritanya pada awal tahun 1900 hingga membawa ke zaman kemasyhuran Pengkalan Esah, orang-orang luar khususnya dari Muar dan Melaka yang menyusuri Sungai Segamat sudah menjadi kebiasaan mereka akan berhenti di **keempat**-empat pengkalan tersebut.

BERHENTI DI PENGKALAN

Kebiasaannya apabila mereka sampai di Pengkalan Batu Badak, mereka akan melabuhkan sampan atau perahu mereka untuk mencari pucuk-pucuk paku yang tumbuh dengan banyaknya di kawasan berhampiran. Selain itu mereka juga akan mengambil air untuk bekalan kerana air di situ amat jernih lagi bersih.

Tidak jauh dari Pengkalan Batu Badak ialah Pengkalan Kuala Gemereh. Di pengkalan ini orang akan berhenti lama sedikit untuk mencari telur tuntong di satu kawasan berhampiran yang bernama Pasir Balai. Kalau nasib baik sebakul besar dapat dipenuhi dengan telur tuntong untuk dibawa pulang.

Dari pengkalan Kuala Genereh orang hanya mendayung sampan buat seketika untuk sampai ke Pengkalan Lubuk. Pengkalan Lubuk tidaklah sebegitu terkenal seperti Pengkalan Esah tetapi dalam sejarah Segamat ianya tercatat sebagai satu-satunya kawasan dalam daerah Segamat yang menyaksikan temasya laga kerbau. Temasya lagakerbau ini dijalankan dalam bulan Safar dan lokasinya ialah di sebuah

kawasan berhampiran dengan kawasan makam orang-orang lama tidak jauh dari Pengkalan Lubuk itu sendiri.

Berhampiran kawasan laga kerbau itu ialah kawasan makam orang-orang Islam. Di situdalah orang-orang lama termasuk pahlawan-pahlawan Melayu yang terkenal seperti Bendahara Tepuk, Pahlawan Telinga Bergegar dan Selamat Gagah disemadikan.

MITOS BUNGA TANJUNG

Orang-orang tua daerah Segamat ini menceritakan terdapat banyak pokok bunga tanjung yang tumbuh dengan subur di kawasan makam tersebut. Kononnya sekitar tahun 1920-an, apabila tiba musim pohon berbunga, ramailah anak gadis berkunjung ke situ untuk memungut bunga tanjung. Ada diantara mereka membawa bunga tanjung itu ke Pengkalan Esah untuk dijual kepada orang-orang luar. Justeru itu kata orang tua-tua kalau sesiapa yang menyusuri Sungai Segamat pada masa itu tidak singgah sebentar di kawasan makam untuk memungut bunga tanjung kononnya segala hajatnya atau pekerjaan yang dilakukan di bumi Segamat tidak akan berjaya.

Sebab itulah hingga ke hari ini kalau seseorang jejaka yang hendak meminang anak gadis daerah Segamat mestilah menyediakan sedulang yang berisi dengan bunga tanjung. Kononnya kalau adat ini dipatuhi pasangan pengantin akan menjalani hidup dengan penuh kebahagiaan. Namun begitu kini adat menyediakan bunga tanjung sebagai salah satu barang hantaran tidak lagi diamalkan orang.

BERMULANYA PEMBANGUNAN

Bermula pada tahun 1917 dan berterusan hingga ke beberapa tahun kemudiannya, arus pembangunan mula melanda daerah Segamat



Allahyarham Encik Menthol bin Haji Ahmad, Pegawai Daerah Segamat yang pertama. Beliau banyak membantu Ungku Sulaimen Daud membangunkan Pengkalan Esah.

atau Rantau Panjang. Pada jangka masa tersebut beberapa pejabat kerajaan mula didirikan diantaranya Pejabat Pegawai Daerah, Pejabat Polis, Pejabat Syahbandar, Pejabat Kastam, Pejabat Pos, Pejabat Perikanan, Pejabat Tanah Lembaga Bandar, Stesen Keretapi dan Rumah Persinggahan.

Pembangunan yang dijalankan di daerah Segamat secara berperingkat-peringkat itu mula menggugat kepentingan dan peranan Sungai Segamat dan Pengkalan Esah. Dengan terbinanya jalan-jalan raya oleh kerajaan sejak tahun 1914 lagi, sedikit demi sedikit orang-orang tempatan termasuk juga orang-orang luar mula meninggalkan Sungai Segamat dan mengalihkan perhatian kepada jalan raya untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Sungai Segamat dan Pengkalan Esah menerima tamparan hebat apabila orang-orang Segamat mula menumpukan perhatian kepada bidang pertanian. Sekitar tahun 1920-an ladang-ladang getah mula dibuka di Segamat dan serentak dengan itu juga rancangan pengluasan jalan dan skim jalan raya yang menghubungi kawasan luar dari Segamat dilaksanakan. Kebanyakan jalan-jalan itu diambil alih oleh pihak kerajaan daripada jagaan ladang-ladang getah. Peralihan minat penduduk dari menangkap ikan di sungai ke bidang pertanian bagaikan ‘mencabut nyawa Sungai Segamat dan Pengkalan Esah’.

Pada masa yang sama tanaman padi paya atau padi sawah mula diusahakan di Segamat. Memandangkan daerah Segamat mempunyai tanah yang begitu subur, penduduk tempatan juga melibatkan diri dalam aktiviti pekebunan ubi kayu. Hasil sagu ubi kayu merupakan pengeluaran yang kedua pentingnya selepas getah, begitu juga halnya dengan perusahaan pinang.

Dalam tahun 1922, seorang pegawai Inggeris yang bernama **P.J.Wilkinson** didatangkan ke Segamat untuk menjawat jawatan **Penolong Penasihat Daerah Segamat**. Setahun kemudian Segamat menerima lagi seorang pegawai Inggeris bernama Mr.Norman yang dilantik mengetuai Pejabat Ukur. Pada masa itu Pegawai Daerah **Segamat** ialah Encik Omar bin Endut yang juga diberi kuasa sebagai **Pemungut Hasil Tanah dan Magistret Kelas Satu**.

Ketiga-tiga mereka yang bertanggungjawab membangunkan **Segamat**. Tidak dinafikan juga dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, mereka sering dibantu oleh beberapa orang penghulu pada masa itu diantaranya ialah Penghulu Aji, Penghulu Husin, Penghulu **Abdul Kahar**, Penghulu Mohd.Alip, Penghulu Omar Senol, Penghulu **Jamaluddin**, Penghulu Madon dan Penghulu Abdullah Mahat (**pengasas Mukim Buluh Kasap**).

Menurut Fawzi Basri dan Hasrom Haron dalam bukunya 'Sejarah **Moden Johor 1885-1940**' bahawa Segamat dalam tahun 1917 lagi **sudah** berada dalam tingkat sedang membangun. Masa depan daerah itu banyak bergantung kepada hasil getah, kewujudan jalan keretapi dan sistem jalan raya yang baik. Kemajuan dalam tahun 1930-an yang dikecapi itu menyebabkan taraf pentadbiran Segamat dinaikkan dan ditadbir oleh seorang Pesuruhjaya Kerajaan. Mulai tahun 1933 daerah **Segamat** disamaratakan dengan pentadbiran Muar dan Batu Pahat sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.

Dalam kerancakan pembangunan walaupun secara perlahan-lahan yang berlaku di Segamat, sekitar pertengahan tahun 1930-an berlakulah dua peristiwa yang sekaligus terus melenyapkan peranan dan kemasyhuran Sungai Segamat dan Pengkalan Esah. Dua peristiwa itu ialah peristiwa merebaknya epidemik atau wabak cacar atau pada

orang Segamat ianya lebih dikenali dengan panggilan 'Penyakit Orang Baik-Baik'. Sebelum itu telah berlaku peristiwa 'Banjir Besar'.

LENYAPNYA KEMASYHURAN SUNGAI SEGAMAT


Peristiwa Banjir Besar yang mengorbankan banyak nyawa dan memusnahkan harta benda menyebabkan penduduk-penduduk tempatan khususnya mereka yang tinggal di tepi tebing Sungai Segamat mula meninggalkan rumah mereka dan berpindah di tempat lain yang difikirkan lebih selamat. Sejak peristiwa itu Sungai Segamat menjadi semakin sepi. Jumlah sampan, perahu, balok dan rakit yang pada satu masa dulu sering memenuhi Sungai Segamat kini hanya kelihatan sesekali sahaja.

Beberapa tahun berikutnya berlaku pula Wabak Cacar atau 'Penyakit Orang Baik-Baik'. Sesetengah penduduk daerah Segamat menganggap berlakunya penyakit itu berpunca daripada kedatangan orang-orang luar mengikut jalan sungai. Timbul pula cerita dongeng pada masa itu yang mengatakan bahawa berlakunya peristiwa banjir besar dan penyakit itu kerana Puteri Bukit Hampar yang menjaga Sungai Segamat dan Pengkalan Esah menjadi murka lantaran sikap tidak senonoh sesetengah orang yang menyusuri Sungai Segamat.


Sekitar tahun 1937 Ungku Sulaimen, pengasas Pengkalan Esah dan keluarganya berpindah ke Johor Bahru. Perpindahan Ungku Sulaimen dan keluarganya itu bagaikan 'meragut nyawa' Pengkalan Esah. Nyawa Sungai Segamat pun turut terbunuh.

Dan selepas meletusnya Perang Dunia Kedua hingga ke hari ini, sejarah kegemilangan Sungai Segamat dan Pengkalan Esah hanyalah menjadi kenang-kenangan sahaja. Cerita-cerita menarik

dan peristiwa-peristiwa manis yang sering dikaitkan dengan Sungai Segamat dan Pengkalan Esah seperti temasya laga kerbau, pertandingan pungut telur tuntong, kemeriahinan gadis-gadis ayu memungut bunga tanjung, kesibukan orang-orang tempatan dan luar membanjiri Pengkalan Esah untuk menjalankan perniagaan dan sorak-sorai orang-orang kampung berkelah di Pasir Jenalim sudah tidak dituturkan lagi. Kini tinggallah Sungai Segamat dan Pengkalan Esah dengan seribu kedukaan dan kesepian.



Bekas kawasan Pasir Jenalim di Pengkalan Esah. Orang-orang dulu mengunjungi tempat ini untuk berkelah dan membeli-belah hasil-hasil hutan di Pengkalan Esah.



PUTERI BUKIT HAMPAR

Menjelang tahun 1910, apabila stesen keretapi mula dibina di bandar Segamat, penduduk-penduduk Kampung Lubuk Batu mulai bertambah. Pekerja-pekerja membuat landasan keretapi pada masa itu ialah orang-orang Benggali (sebelum orang-orang India datang bekerja di situ).

Tiap-tiap petang pekerja-pekerja Benggali itu duduk berkumpul dan bersembang di hadapan kawasan stesen itu.

Mak Saodah menceritakan Puteri Bukit Hampar (Bukit Hampar ialah kawasan tempat kediaman Pegawai Daerah sekarang dan jauhnya kira-kira sebatu setengah dari Kampung Lubuk Batu) selalu datang ke makam Lubuk Batu untuk mengutip bunga-bunga tanjung.

Pokok bunga tanjung itu tumbuh di kawasan makam Lubuk Batu. Dan selalunya puteri yang boleh bertukar-tukar rupa itu meredah jalan di hadapan stesen keretapi itu.

Satu petang puteri itu menjelma menjadi seorang tua yang hodoh. Seperti biasa selepas mengutip bunga tanjung, puteri itu lalu di hadapan stesen.

Kebetulan pekerja-pekerja Benggali seramai 30 orang sedang duduk bersempang di stesen itu. Benggali-Benggali itu mengejek-ngejek perempuan tua yang hodoh itu.

Tiba-tiba Puteri Bukit Hampar menjelma semula ke wajah asalnya. Demi terlihat perempuan yang amat cantik itu, Benggali-Benggali itu lantas mengejar puteri itu hingga sampai ke Bukit Hampar, tempat asal puteri itu.

Dan dalam masa kejar mengejar itulah 6 orang daripada Benggali-Benggali itu menemui ajal di situ juga. Mak Saodah mengakui cerita ini adalah 'benar'.

Mengikut pendapat setengah orang tua-tua kononnya puteri itu masih ada lagi di Bukit Hampar hingga sekarang. Selalunya di malam-malam bulan terang, dia akan keluar bermain-main di atas batu-batu besar yang berselerak di bukit itu.

Hanya orang-orang yang mempunyai ilmu batin saja yang dapat melihat puteri itu.

PENUNGGU

Seperti yang diterangkan di awalnya, terdapat banyak lubuk di sungai di Kampung Lubuk Batu. Antaranya ialah Lubuk Kucing, Lubuk Tok Kadir dan Lubuk Berata.

Mengikut kepercayaan orang tua-tua kampung ini, tiap-tiap lubuk itu ada penunggunya. Lubuk Kucing penunggunya ialah seekor harimau berkaki tiga. Manakala kawasan sekitar Lubuk Tok Kadir dikawal oleh seorang keramat yang sedang bertapa.

Di situ juga terdapat seekor harimau penunggu. Dan di Lubuk

Berata pula penunggunya ialah seekor buaya putih.

Kira-kira 100 elai sahaja dari kawasan makam Lubuk Batu itu ialah Teluk Engkuang. Berhampiran dengan Teluk Engkuang terdapat sebuah danau kecil. Kononnya pada masa dahulu kawasan berhampiran dengan danau itulah didapati seekor labi-labi putih, harimau putih dan tupai putih. Labi-labi putih itu biasanya merayau-rayau di seluruh kawasan paya di kampung itu. Dipercayai ketiga-tiga binatang ganjil itulah penunggu bagi kawasan di danau itu.

Di satu ketika seorang perempuan tua yang sedang memancing di paya telah bersua dengan labi-labi putih itu. Labi-labi itu telah memakan umpan kail perempuan itu. Ini menyebabkan perempuan tua itu menjadi marah. Lantas diterbalikkannya badan labi-labi itu.

Seminggu kemudian perempuan tua itu telah jatuh sakit. Kononnya kelakuannya semasa sakit menyerupai kelakuan labi-labi itu. Beberapa hari kemudian perempuan tua itu pun meninggal dunia.

Ada pula yang percaya binatang-binatang yang menjadi penunggu-penunggu itu ialah jelmaan orang-orang yang sedang bertapa di beberapa kawasan di dalam kampung. Selain daripada itu buang air kecil atau air besar di merata-rata tempat di kawasan-kawasan yang berpenunggu itu perlulah dielakkan. Sesiapa yang melanggar pantang larang ini selalunya jatuh sakit.

Mak Chu Rahmah bte Mahmud, 53 tahun yang tinggal di Kampung Bukit Paya Dalam menceritakan beliau pernah memungut pucuk-pucuk paku dan cemperai untuk dijadikan lauk di tepi-tepi paya di satu petang. Selepas pucuk-pucuk paku itu dipungut, beliau lantas hendak pulang ke rumah. Tiba-tiba beliau merasa amat mengantuk.

Kawasan paya dilihat seolah-olah seperti hutan tebal. Beliau sesat jalan. Dan hanya setelah pucuk paku itu dibuang barulah dia dapat mencari jalan menuju ke rumahnya.

Seorang dukun mengatakan Mak Chu Rahmah mengutip pucuk-pucuk paku itu tanpa meminta izin daripada penunggu paya itu.

MISTERI MAKAM LUBUK BATU

Pada kira-kira tahun 1925 sebuah surau papan telah didirikan berhampiran dengan kawasan makam Lubuk Batu. Surau ini bukan sahaja digunakan sebagai tempat sembahyang bahkan juga sebagai tempat orang-orang kampung berteduh. Dan hanya pada 1929 surau itu dirobohkan dan di tempatnya didirikan sebuah masjid batu.

Adapun Pegawai Daerah Segamat pada masa itu ialah Allahyarham Mohd.Taft Haji berasal dari Muar. Beliau menggantikan Allahyarham Dato' Omar bin Endut pada kira-kira tahun 1926.

Di atas dayausaha Haji Mohd.Taftlah masjid Lubuk Batu dan kawasan makam diperbaiki. Usaha memelihara masjid dan kawasan makam dilanjutkan dari masa ke semasa. Dan dalam masa pemerintahan Jepun semasa Allahyarham Dato' Awang bin Omar menjadi Pegawai Daerah Segamat usaha memelihara masjid dan kawasan makam dilipatgandakan.

Cik Maimunah bte Montel, 51 tahun, seorang penduduk kampung itu menceritakan bahawa beliau pernah menjadi askar wanita (W.S.C.) semasa darurat dahulu.

Sebuah pusat kawalan telah didirikan di kawasan berhampiran dengan makam Lubuk Batu. Terdapat juga beberapa orang askar

Inggeris bersama-sama berkawal di situ.


Askar-askar Inggeris itu telah diberitahu supaya jangan berkelakuan tidak senonoh di kawasan itu. Tetapi mereka bukan sahaja tidak mengendahkan larangan itu bahkan telah mengejek-ngejek orang-orang yang bercerita mengenai makam Lubuk Batu itu.

Satu hari salah seorang tentera Inggeris itu telah mengambil gambar dua orang kawannya di hadapan makam Lubuk Batu itu. Apabila gambar itu siap orang Inggeris itu amat hairan kerana di dalam gambar itu terdapat seorang budak kecil berdiri di antara kedua-dua kawan mereka. Setahunya semasa gambar itu diambil tiada seorang budak kecil pun berada di situ.



Kawasan kubur Kampung Lubuk Batu, Segamat. Menurut cerita orang tua-tua di kawasan inilah kira-kira lima ratus tahun dahulu,

Bendahara Tepuk dan orang-orangnya mula membuat petempatan. Di sebelah kawasan kubur pernah dijadikan gelanggang laga kerbau pada tahun 20-an dan 30-an dahulu.



SEGAMAT DAERAH LAGENDA

Segamat sebuah daerah paling tua di negeri Johor Darul Ta'zim **kaya** dengan sejarah silamnya. Terletak di utara negeri Johor dan **bersempadan** dengan negeri bersejarah, Melaka ini sering disebut **sebagai** 'Daerah Lagenda'. Lantaran di buminya itulah tersimpan **berbagai**-bagai khazanah budaya warisan bangsa termasuk juga cerita-cerita lagenda dan puisi-puisi lama ciptaan generasi tua setempat.

Sebenarnya keunikan dan keunggulan daerah Segamat ini lebih **dihubungkaitkan** dengan kemasyhuran puisi-puisi lama khususnya **pantun** ciptaan masyarakat tua pada masa dahulu. Kelahiran puisi-puisi lama di daerah Segamat ini memperlihatkan beberapa **keistimewaannya** yang tersendiri. Diantara puisi-puisi tersebut khasnya **pantun** adalah hasil rekaan generasi tua yang buta huruf dan rendah **pula** ilmu pengetahuan tetapi berkemampuan mentafsir atau **menterjemah** sesuatu peristiwa ke dalam bentuk pantun yang indah **dan** kemas ciptaannya.

Apa yang agak menarik tentang ciptaan puisi-puisi lama tersebut **terutamanya** pantun di daerah Segamat atau daerah penuh lagenda **ini** ialah kesemua puisi lama itu disamping kukuh dan elok ciptaannya **mempunyai** daya tahan. Kesemua puisi lama yang direka itu walaupun

berlatar blakangan unsur-unsur alam sekeliling dapat bertahan lama dan masih segar dilafazkan hingga ke hari ini.

Menyisipkan pantun dan bahasa berirama ke dalam cerita-cerita daerah dan kisah-kisah yang berunsur sejarah merupakan satu ciri penting dan seolah-olah menjadi kemestian bagi generasi tua semasa mereka menyampaikan cerita seperti penglipur lara orang tua-tua daerah ini mempunyai kecekapan mendendangkan puisi-puisi lama semasa bercerita. Nada suara mereka begitu mempesona dan mengasyikkan. Tidak hairanlah sesiapa yang mendengar orang-orang tua daerah Segamat bercerita selalunya terpegun seolah-olah dipukau dan inilah keistimewaan pencipta-pencipta puisi lama daerah ini.

Sejarah silam daerah Segamat sering dikaitkan dengan kehebatan kerajaan Malim Dewa yang kononnya pada satu masa dahulu pernah wujud di satu kawasan luas merintangi Kuala Muar hingga ke hulu daerah Segamat. Menurut cerita orang tua-tua putera kepada Raja Malim Dewa iaitu Raja Malim Deman pernah mencintai seorang puteri bernama Puteri Santan Bertapis. Malangnya puteri yang digilakan oleh Malim Deman itu telah dibawa lari oleh seorang putera dari kayangan. Keadaan ini menimbulkan kemarahan yang amat sangat pada Malim Deman. Puas sudah dicarinya Puteri Santan Bertapis itu tetapi gagal. Kegagalan itu menyebabkan baginda membuat satu sumpahan iaitu selagi puteri yang dicintainya itu tidak ditemui maka daerah Segamat akan dilanda banjir. Peristiwa mitos ini telah mendorong orang tua-tua mencipta sebuah pantun mengenainya.

**Apa risau banjir melanda
Banjir melanda tengah laman
Apa risau sumpah mengena
Sumpahan Raja Si Malim Deman**

Dari perspektif sejarahnya peristiwa Bendahara Tepuk iaitu **Bendahara Melaka** yang terakhir berserta rombongannya melarikan diri ke Segamat apabila Melaka ditawan Portugis merupakan kisah yang tidak putus-putus diceritakan orang di daerah Segamat ini. Menurut ceritanya tempat yang mula-mula didatangi oleh Bendahara **Tepuk** dan orang-orangnya ialah satu kawasan berhampiran Sungai **Segamat**. Kawasan tersebut berbukit bukau dan terdapat sebatang **anak sungai** yang penuh dengan lubuk dan tebingnya pula batu-batu kecil putih berserakan.

Keadaan kawasan sedemikian itu telah menyebabkan Bendahara **Tepuk** menamakan penempatan yang ditemuinya ‘Kampung Lubuk Batu’. Peristiwa pembukaan Kampung Lubuk Batu itu menjadi satu kebanggaan kepada penduduk Segamat. Rasa kebanggaan itu telah dimanifestasikan oleh orang tua-tua dalam sebuah bahasa berirama yang berbunyi:

**Sungai ada lubuk
Di pinggir ada batu
Kalau kiasannya elok
Kita namakan sahaja Si Lubuk Batu**

Sekitar abad ke 18, Segamat sering juga disebut sebagai ‘Rantau Panjang’. Timbulnya sebutan ‘Rantau Panjang’ itu ada kaitannya dengan keadaan muka bumi sekitar kawasan Sungai Segamat pada masa itu. Kata orang tua-tua pada masa dahulu kawasan tebing Sungai Segamat begitu lurus dengan pasir di tebingnya halus dan apabila sinaran matahari melimpah ke seluruh kawasan tebing itu, sepanjang tebing sungai kelihatan seperti hamparan permaidani putih. Tambahan pula air sungai jernih dan berkilau-kilau menambahkan lagi keindahan kawasan sekitar itu. Lantas diciptalah orang sebuah bahasa berirama

mengenainya.

**Segamat belum bernama Segamat
Segamat bernama Rantau Panjang
Muar belum bernama Muar
Muar bernama Teluk Dalam
Muar air keruh
Segamat air jernih
Hukum Segamat keras
Cincang tak bertanya
Dagang datang takkan pulang**

Salah satu peristiwa atau tragedi yang paling penting pernah berlaku di bumi Jementah dalam daerah Segamat ialah perang. Perang ini yang bermula pada tanggal 25 Oktober 1879 merupakan perang saudara yang pertama berlaku di negeri Johor.

Meletusnya perang saudara ini adalah disebabkan oleh 'Sekeping Kertas' yang merupakan wasiat Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Ali, Yang DiPertuan Negeri Kesang. Beberapa juam sebelum mangkat Sultan Ali telah mewasiatkan Yang Maha Mulia Tengku Mahmud yang baru berusia 11 tahun, putera Almarhum Sultan dengan isterinya yang ketiga iaitu orang kebanyakan menggantikan tempatnya. Perlantikan melalui wasiat ini telah ditentang oleh Tengku Alam, putera sulung dari isteri tua Sultan Ali. Tengku Alam yang tidak berpengaruh ini telah membantah tindakan Kolonel Archibald I. Anson, Pemangku Gabenor yang meletakkan jajahan Kesang di bawah pentadbiran Sultan Abu Bakar Johor buat sementara waktu.

Perang saudara ini telah melibatkan berpuluhan-puluhan pendekar dan pahlawan Melayu di kedua-dua pihak terlibat. Di pihak kerajaan Johor muncullah beberapa orang pemimpin dan pahlawan seperti

Dato' Bentara Luar Muhammed Salleh Perang, Ungku Ahmad Isa, **Panglima Kiri Awang**, Panglima Besar Yusuf dan Panglima Dalam Lamit manakala pihak lawan pula membariskan Panglima Besar **Sancu**, Tengku Nong, Tengku Ahmad, Panglima Besar Layot, Panglima Besar Salim, Panglima Besar Tok Siban, Raja Berambut Panjang, Wan Daud dan Wan Abbas.

Perang Jementah yang berlaku di bumi Jementah ini berakhir pada tanggal 30 Disember 1879 dengan kemenangan di pihak kerajaan Johor. Disebabkan peristiwa itu julung-julung kali berlaku di Segamat dan dianggap penting maka kisahnya telah dijelmakan dalam beberapa buah pantun diantaranya dalam sebuah nyanyian rakyat tempatan:

Pintar-pintar Dato' Bentara
Keras-keras Panglima Sancu
Garang-garang Panglima Layot
Pantas-pantas Tok Siban
Gopoh-gapah Tengku Alam
Tamak Wan Daud

Selain Perang Jementah, peristiwa Pembunuhan Panglima Pasak juga merupakan sebuah tragedi berdarah yang pernah berlaku di bumi Segamat. Peristiwa yang berlaku seratus tahun dahulu ini melibatkan seorang pahlawan handal dari negeri seberang bernama Panglima Pasak. Pada mulanya kedatangan Panglima Pasak ke Mukim Pogoh, sebuah mukim yang terbesar di daerah Segamat amat disenangi oleh penduduk kampung, tetapi menjelang beberapa tahun kemudiannya Panglima Pasak yang dikatakan mempunyai ilmu kebal mulai menunjukkan belangnya. Tindakan yang keterlaluan itu menyebabkan kampung disekupi kebimbangan. Berbagai usaha untuk menghapuskannya telah menemui kegagalan. Akhirnya atas cadangan

seorang bomoh, Panglima Pasak dapat diberkas setelah badannya digeselkan dengan tujuh helai benang. Mengenai peristiwa ini terciptalah beberapa buah pantun, diantaranya berbunyi:

**Asalnya Pogoh hutan belantara,
Menjadi kampung permai nan indah,
Panglima Pasak punya angkara,
Hati nan tenteram menjadi gundah.**

**Panglima Pasak Pahlawan handalan,
Bermaharajalela membawa kapak,
Sebab benang tergesel di badan,
Mati dicampak ke Lubuk Pasak.**

Menurut kejadiannya pada masa dahulu Segamat dan Muar berjiran rapat tetapi penduduk di kedua-dua daerah itu mengamalkan adat berbeza. Orang-orang Muar mengamalkan adat Temenggong manakala Segamat adatnya Perpatih. Namun begitu penduduk dari dua daerah ini yang mengamalkan adat yang berbeza sentiasa saja hidup dalam harmoni. Mereka sentiasa bantu membantu dalam apa jua keadaan yang dihadapinya. Suasana harmoni ini dijelmakan dalam sebuah pantun.

**Muar beradat Temenggong,
Segamat beradat Perpatih,
Hidup tolong menolong,
Badan penat tak rasa letih.**

Sekitar tahun 1834 orang-orang Segamat mulai berniaga. Hasil pengeluaran daerah termasuklah beras, gading, sagu, kayu arang, habuk emas, timah, lilin lebah, kapur barus, kemenyan, rotan, damar, gula kabong dan gula kelapa. Penduduk daerah dianggarkan berjumlah

2,400 orang. Pada masa itu lah beberapa rumah pasong telah didirikan di tepi tebing-tebing sungai. Sebuah daripadanya telah didirikan di Tebing Tinggi di bawah penyeliaan seorang merinyu bernama Encik Musa bin Muhammad Akil. Menurut ceritanya rumah pasong Tebing Tinggi begitu terkenal sehingga terciptalah sebuah pantun mengenainya.

**Rumah Pasong Tebing Tinggi,
Nampak dari Kuala Segamat,
Sudah terlangsung saya ke mari,
Mudah-mudahan beroleh selamat.**



Sebuah rumah ditenggelami air pada waktu banjir melanda daerah Segamat. Rumah ini adalah dalam Kampung Batu Badak, Segamat. Cerita Rakyat daerah Segamat mengisahkan bahawa Tuanku Malim Deman pernah merayau-rayau di kampung ini pada masa dahulu semasa mencari kekasihnya, Tuan Puteri Santan Bertapis.



CERITA 'BATU DARA BUNTING'

Sebuah cerita rakyat di daerah Segamat yang juga tidak kurang masyhurnya ialah cerita 'Batu Dara Bunting'. Batu Dara Bunting terletak bersempadan dengan Kampung Mensudut Lama dan Sungai Palong. Menurut cerita orang tua-tua ada seorang perempuan hamil anak sulung menanti kepulangan suaminya yang telah lama pergi berperang. Perempuan itu begitu setia menunggu kepulangan suaminya. Hari demi hari suaminya tetap tidak muncul. Kononnya lantaran terlalu lama menunggu kepulangan suaminya, perempuan itu akhirnya bertukar menjadi batu. Orang tua-tua di daerah Segamat menamakan batu itu dengan panggilan 'Batu Dara Bunting'. Batu Dara Bunting ini mempunyai keanihannya tersendiri. Batu itu dikatakan akan berubah kedudukannya apabila berlaku air pasang dan surut.

Terdapat beberapa pantang larang yang mestilah diikuti bagi sesiapa sahaja yang menghampiri kawasan Batu Dara Bunting itu. Diantara pantang larangnya ialah:

- a. Semasa berhampiran dengan Batu Dara Bunting itu, mulut tidak boleh celupar.

- b. Tidak boleh melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh.
- c. Batu itu tidak boleh dilihat lebih daripada tiga kali.

Kononnya sesiapa yang mendatangi Batu Dara Bunting itu dan gagal mematuhi segala pantang-larangnya, natijahnya dia akan jatuh sakit.

Selain cerita-cerita rakyat yang dikaitkan dengan pembukaan kawasan atau perkampungan, terdapat juga cerita rakyat daerah Segamat ini yang melibatkan makhluk halus. Menurut kajian hanya orang tua-tua sahaja itupun yang benar-benar berminat terhadap cerita-cerota lama yang dapat menuturkan cerita-cerita rakyat yang melibatkan makhluk bukan manusia.

SUMPAHAN SANG KELEMBAI

Pada zaman dahulu berlakulah satu peristiwa ganjil di sebuah kawasan berhampiran sungai dalam daerah Segamat. Di tepi sungai itu terdapat sebuah batu yang bahagian permukaannya begitu licin dan rata. Kononnya di atas batu itulah tiap-tiap petang menjelang senja Sang Kelembai menghabiskan masa berehat-rehat.

Pada suatu petang semasa Sang Kelembai sedang berehat, lalulah tujuh ekor badak berhampiran batu tempat Sang Kelembai berehat itu untuk menyeberangi sungai. Badak-badak itu membuat bising dan ini menimbulkan kemarahan kepada Sang Kelembai.

Sang Kelembai lantas menyumpah ketujuh-tujuh ekor badak itu. Menurut cerita orang tua-tua pada masa itu juga kaki-kaki badak itu bagaikan terpaku di dasar sungai dan tidak dapat bergerak lagi.

Tiba-tiba kedengaranlah bunyi petir membelah bumi dan diikuti dengan tiupan angin begitu kencang. Air sungai berkocak. Dan sebaik-baik sahaja tiupan angin kencang reda, kesemua badak itu telah bertukar menjadi batu.

Daripada peristiwa inilah orang-orang kampung lantas menamakan kampung mereka dengan nama 'Kampung Batu Badak'. Kononnya hingga ke hari ini kesan batu badak itu boleh dilihat terutamanya semasa air surut.

KISAH PUTERI BONGSU

Kira-kira 6 kilometer dari Kampung Batu Badak terdapat sebuah kampung Melayu yang dikenali dengan nama Kampung Lubuk Batu. Seorang perempuan tua yang lebih terkenal dengan panggila Mak Ngah Sodah, 90 tahun, dianggap sebagai Penglipur Lara Daerah Segamat. Mak Ngah Sodah dikatakan mengetahui banyak cerita rakyat.

Salah satu cerita rakyat yang sering menjadi perbualannya ialah mengenai kemunculan tujuh orang puteri cantik di hujung kampung. Kisah ini menurutnya berlaku pada suatu masa yang lampau. Tujuh orang puteri itu adalah adik-beradik dan puteri yang paling bongsu ialah yang tercantik.

Di hujung kampung tinggal seorang pemuda yang setiap hari kerjanya masuk ke dalam hutan mencari hasil-hasil hutan. Telah ditakdirkan pada suatu hari pemuda itu telah terserempak dengan puteri yang paling bongsu itu.

Kecantikan yang puteri itu miliki menyebabkan pemuda itu terus jatuh cinta pandang pertama. Tanpa menyiasat asal-usul puteri itu, pemuda itu terus mencurahkan perasaan hatinya dan keinginannya



Batu-batu yang menyerupai badak dijumpai dalam sungai di Kampung Gemereh, Segamat. Kononnya batu-batu ini asalnya badak yang bertukar menjadi batu setelah disumpah oleh Sang Kelembai.



untuk memperisterikan puteri itu.

Berkali-kali puteri cantik itu cuba mententeramkan perasaan kecamuk pemuda itu. Puteri itu juga menasihati pemuda itu supaya jangan terburu-buru dalam tindakannya. Pemuda itu bagaikan terpukau setiap kali matanya menikam wajah ayu puteri bongsu itu.

Untuk tidak menghamparkan harapan si pemuda itu, puteri bongsu itu sanggup diperisterikan sekiranya pemuda itu dapat memenuhi syarat yang dimintanya. Apabila hati sudah terpikat, semua kerja berat sanggup dibuat. Begitu janji pemuda itu; apa juga permintaan puteri bongsu itu sanggup dipenuhi.

Puteri bongsu itu meminta pemuda itu mencari labi-labi putih untuk dipeliharanya. Itu sahaja syarat yang diminta.

Kalau pemuda itu dapat mengadakan seekor labi-labi putih maka puteri bongsu rela menjadi isterinya.

Menurut ceritanya sebaik-baik sahaja mendengar syarat yang dikenakan itu, si pemuda pun terus menjelajah ke seluruh kampung mencari labi-labi putih.

Nasibnya baik; setelah seminggu menjelajah ke setiap pelusuk kampung dan meredah hutan, akhirnya pemuda itu berjaya menemui seekor labi-labi putih.

Tetapi malangnya semasa pemuda itu membawa labi-labi putih itu mencari puteri bongsu, tiba-tiba labi-labi itu terlepas dari tangannya dan terus ghaib. Puas pemuda itu mencari labi-labi itu tetapi tidak berjaya.

Kononnya pemuda itu bersumpah bahawa dia akan mencari labi-

labi putih yang terlepas daripada tangannya itu sehingga ke akhir hayatnya.

Menurut cerita orang tua-tua ada juga orang yang pernah terjumpa **labi-labi** putih. Kebiasaannya labi-labi putih itu muncul pada waktu **tengah** hari semasa hujan panas turun berderai. Sebaik-baik sahaja **orang** cuba menangkap labi-labi itu, labi-labi itu serta-merta ghaib.

Cerita rakyat itu tidak berakhir di situ sahaja. Untuk membuktikan **peristiwa** yang dikisahkan dalam cerita rakyat itu benar-benar pernah **berlaku**, menurut Mak Ngah Sodah ada juga orang yang mengaku **pernah** terjumpa puteri bongsu itu pada malam terang bulan.

JIN KEPALA TUJUH

Ada juga cerita rakyat di daerah Segamat yang melibatkan watak **bukan manusia** iaitu jin. Pada zaman dahulu ada seorang jin berkepala **tujuh** yang sering mengganas dan menimbulkan huru-hara. Kononnya **jin itu** gemar memakan daging manusia.

Setiap petang menjelang senja kelihatan jin itu merayau-rayau **mencari** mangsa. Baik orang tua mahupun kanak-kanak yang **berserempak** dengan jin itu pasti dapat menyelamatkan diri.

Maka berkumpullah orang-orang kampung mencari jalan untuk **membunuh** jin itu. Seorang bomoh mencadangkan supaya diletakkan **beratus-ratus** batang jarum di dalam gua yang menjadi rumah jin itu. **Rupa-rupanya** jin itu amat takutkan jarum.

Sebaik sahaja jin itu terpijak jarum-jarum itu sambil mengerang **kesakitan** jin itu lantas mlarikan diri. Kononnya suara jin itu mengerang **kesakitan** sesekali masih kedengaran hingga ke hari ini.

PEREMPUAN DENGAN DULANG EMAS

Diantara cerita rakyat daerah Segamat yang dianggap paling popular ialah cerita 'Perempuan Dengan Dulang Emas'. Pada masa dahulu dalam sebuah kampung ada seorang perempuan muda yang setiap hari mencuci kain di tebing sebatang sungai. Ditakdirkan pada suatu hari sedang dia mencuci kain, tiba-tiba di permukaan air timbulah sebuah dulang emas. Dengan menggunakan ranting yang panjang, dulang emas itu dapat dikaitnya lalu dibawa pulang.

Pada malam hari dia bermimpi didatangi seorang perempuan tua badannya bongkok tiga. Perempuan tua itu mengarahkan supaya dulang emas itu dicampakkan ke dalam sungai pada waktu tengah hari apabila hujan panas turun berderai. Ini hendaklah dilakukan selama 44 kali dan selepas itu barulah dulang emas itu akan menjadi milik perempuan muda itu.

Rupa-rupanya perempuan yang menjumpai dulang emas itu adalah seorang yang tamak. Hanya sebanyak tujuh kali sahaja dulang emas itu dicampakkan ke dalam sungai semasa hujan panas turun berderai. Perasaan tamak mulai menguasai dirinya. Dia berhasrat untuk berpindah ke tempat lain membawa bersama-sama dulang emas itu.

Pada keesokan harinya alangkah terperanjat perempuan itu apabila didapatinya dulang emas itu sudah ghaib.

Segera dia bergegas ke sungai. Tetapi dulang emas itu tidak timbul-timbul di permukaan air. Hari demi hari begitulah keadaan perempuan muda itu berdiri di tebing sungai mencari dulang emas itu.

Menurut cerita orang tua-tua dulang emas itu masih berada dalam

sungai daerah Segamat. Sesekali dulang emas itu kelihatan terapung-apung kebiasaannya pada waktu tengah hari semasa hujan panas turun berderai. Bukan semua orang dapat melihat dulang emas itu; hanya orang yang dikatakan mempunyai hati yang bersih sahaja dapat melihat dulang emas itu. Dulang emas itu hanya timbul beberapa saat sahaja dan kemudian ghaib di dasar sungai.



Bekas Pengkalan Esah yang terletak di tebing Sungai Segamat. Seratus tahun dahulu Pengkalan Esah merupakan 'Pasar Tepi Sungai' paling sibuk di Segamat. Pengkalan ini menjadi tempat perkelahan yang termasyhur dulu.



KISAH FELDA CEMPELAK

Felda Cempelak merupakan satu rancangan Felda yang menyerupai sebuah perkampungan. Ia mula dibuka pada sekitar tahun 1960-an. Kesemua penduduk terdiri daripada orang-orang Melayu. Felda Cempelak ini sama seperti Felda-Felda yang lain iaitu diketuai oleh Pengurus Felda dan dibantu oleh para pegawai.

Semua penduduk Felda Cempelak ini menjalankan pekerjaan menoreh getah. Namun kini, hasil pendapatan mereka beralih ke kelapa sawit pula. Menurut penduduk terawal di Felda Cempelak ini nama Cempelak diambil sempena suatu cerita.

Sebelum Felda Cempelak dibuka ia merupakan satu petempatan biasa yang dipenuhi hutan. Di sini terdapat banyak pokok-pokok cempedak. Ramai orang-orang Cina datang ke hutan ini untuk mencari rotan. Biasanya setelah penat bekerja mereka akan berehat. Maka pada suatu hari, ada seorang Cina telah bersandar di sebatang pokok cempedak. Oleh kerana buah cempedak itu telah masak maka ia gugur berhampiran dengan tenpat orang Cina berehat. Orang Cina itu bertanya kepada seorang lelaki Melayu nama buah yang gugur itu.

Lelaki Melayu itu berkata bahawa buah itu ialah buah cempedak.

Namun lelaki Cina itu tidak tahu hendak membunyikan perkataan cempedak tetapi sebaliknya dia menyebut perkataan 'cempelak'.

Oleh kerana orang-orang Cina telah menyebut perkataan cempedak ke 'cempelak' maka nama itu terus berkekalan hingga ke hari ini. Dan tempat itu dibuka menjadi satu petempatan Felda.

KAMPUNG PAYA BESAR

Kampung Paya Besar merupakan satu diantara kampung yang terdapat di daerah Segamat. Ia terletak kira-kira 15 km daripada bandar Segamat. Penduduknya kira-kira 500 orang dan mereka terdiri daripada orang-orang Melayu dan Jawa.

Kebanyakan penduduk kampung itu bekerja sebagai penoreh getah dan berkebun. Menurut cerita, Kampung Paya Besar mendapat nama daripada paya dan bukit bukau yang ada di sana.

Di Kampung Paya Besar terdapat banyak bukit yang agak besar bentuknya. Paya pula mengelilingi hampir sebahagian besar kawasan kampung. Oleh itu perkataan paya diperolehi daripada paya-paya yang mengelilingi kampung dan perkataan besar pula didapati daripada keadaan bukit-bukau yang besar itu. Dengan sebab itu nama Kampung Paya Besar kekal hingga ke hari ini.

KOLAM BOM

Di dalam kawasan Paya Besar, terdapat sebuah kolam yang dinamakan Kolam Bom. Menurut pencerira, asal usul kolam ini tidaklah diketahui tarikhnya dengan tepat. Ia dipercayai wujud pada zaman Bintang Tiga memerintah di Tanah Melayu. Sebelum pembukaan Kampung Paya Besar, tempat itu pernah menjadi kawasan


pertempuran diantara Bintang Tiga dengan penduduk kampung.

Sewaktu pertempuran itu, pihak Bintang Tiga telah menggunakan bom untuk melawan penduduk kampung. Kawasan di mana bom itu meletup telah mewujudkan tanah yang berlekuk. Semenjak dari itu, tanah itu telah bertukar menjadi kolam dan di sekitarnya telah menjadi kebun buah-buahan. Pemilik kebun itu seorang Cina dan ketika orang-orang kampung bertanyakan di mana punca air di dalam kebunnya, dia telah berkata, "Itu bom kolam sana".

Perkataan 'bom kolam' itu telah menjadi 'kolam bom' dan nama itu kekal hingga kini. Walau bagaimanapun, kolam itu telah tidak berfungsi sebagai punca air kerana telah kering.



Pemandangan di satu kawasan bukit Kampung Lubuk Batu. Kata orang tua-tua kawasan inilah pernah menjadi tempat lalu-lalang pengikut-pengikut Bandahara Tepuk dulu.



SEJARAH PEMBUKAAN FELDA MEDOI

Felda Medoi terletak lebih kurang 9 km dari bandar Segamat. Ia telah dibuka pada tahun 1969 dan mempunyai seramai 800 orang penduduk dan bertambah dari masa ke semasa. Felda Medoi juga adalah Felda yang tertua di daerah Segamat. Ia juga mempunyai pelbagai kemudahan termasuklah kemudahan api, air dan kemudahan pengangkutan bas serta sistem jalan raya yang bertar.

Menurut cerita yang diperolehi nama Medoi diambil sempena nama Tok Medoi yang telah membuka kawasan Felda Medoi ini. Kawasan Felda ini dahulunya adalah kawasan hutan tebal yang mempunyai pokok-pokok sebesar sepemeluk setiap satunya. Ia juga dipenuhi dengan binatang buas.

Tok Medoi dikatakan terlalu berani dan juga tidak takut dengan binatang buas yang ditemui. Tok Medoi mempunyai ilmu yang sangat tinggi. Tok Medoi dikatakan berasal dari Jambi, Sumatera yang dikatakan boleh bertukar menjadi harimau jadian (yang dikenali sebagai harimau kerinci atau harimau cinaku). Sebab itulah dia tidak takut dengan binatang buas seperti harimau.

Pernah satu hari rakannya melihat Tok Medoi menampar pipi seekor harimau yang telah memakan ternakannya dan ternakan orang kampung. Mereka melihat harimau itu tidak berbuat apa-apa dan jatuh tersembam di bumi apabila ditampar oleh Tok Medoi. Mulut harimau itu kelihatan berbuih-buih. Setelah dilihat dari dekat dan diperiksa didapati muka harimau itu lekuk seperti disinggahi pukulan yang terlalu kuat lagi berat. Begitu juga apabila Tok Medoi dipatuk ular, ianya tidak akan memberi kesan terhadap dirinya.

Semenjak hari itu Tok Medoi dikagumi dan dihormati oleh penduduk kampung. Binatang-binatang buas juga tidak berani mengganggunya lagi seolah-olah terlalu takut kepadanya.

Satu hari gempar seluruh kampung mengatakan Tok Medoi telah ghaib tidak tahu ke mana. Puas dicari seluruh kampung tetapi tidak ditemui. Ramai yang membuat tanggapan Tok Medoi telah mati dibaham binatang buas. Setahun selepas kehilangan Tok Medoi gempar seluruh kampung mengatakan mereka telah terjumpa sebuah kubur yang mempunyai batu nisan yang bersalut dengan kain kuning di tepi sebuah sungai ketika mereka hendak pergi mandi di sungai itu.

Penduduk kampung berpendapat kubur itu mungkin kubur orang bunian dan ada yang mengatakan kubur itu kepunyaan Tok Medoi yang hilang setahun yang lalu. Kubur itu dikatakan sentiasa berbau eangi terutama ketika waktu senja hingga membawa ke larut malam dan bau wangi itu akan hilang sebaik sahaja subuh menjelang.

Ramai yang mempercayai kubur itu adalah kubur Tok Medoi dan menganggap kubur itu adalah keramat. Orang-orang kampung telah membersihkan dan memagar kubur itu. Apabila tanah hutan itu telah diterangkan untuk dijadikan kawasan Felda, Keramat Tok Medoi itu

telah tertimbus. Semenjak hari itu tidak ada siapa yang bertemu dengan Keramat Tok Medoi itu lagi.

Sehingga hari ini ada juga yang menyatakan pernah bertemu dengan keramat ini. Hanya orang yang tertentu sahaja yang dapat bertemu dengan Keramat Tok Medoi ini.



Tuan Haji Yahya bin Kubu atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Uteh, 97 tahun. Beliau dikenali sebagai tokoh sejarah tempatan.



PEMBUKAAN KAMPUNG LUBUK KASAI

Kampung Lubuk Kasai dikenali sebagai Selumpur bagi penduduk Kampung Sepinang. Ia dikenali sebagai Selumpur kerana kawasan ini dahulunya adalah kawasan berlumpur. Kampung Lubuk Kasai adalah nama yang terdahulu sebelum Selumpur.

Menurut cerita penduduk asal Kampung Sepinang dahulunya tempat ini didiami oleh sepasang suami isteri yang tinggal berhampiran dengan satu lubuk di kampung itu yang dikatakan berpenunggu bernama Kasai. Mereka bercucuk tanam dan bersawah padi.

Suatu petang setelah pulang dari sawah, si suami telah pergi menangguk ikan di lubuk itu. Walaupun dinasihati oleh isterinya agar jangan pergi ke lubuk itu tetapi dia tetap berdegil. Setelah hampir senja suaminya masih juga belum pulang. Isteri mula berasa bimbang. Untuk menyedapkan hatinya dia mengagak tentu suaminya mendapat banyak ikan.

Tidak lama kemudian kedengaran suatu benda berat diletakkan di atas pelantar rumahnya. Nunchu mengagak tentu suaminya pulang membawa banyak ikan. Tetapi apabila Nunchu mendengar suara di

Nantarnya menyuruhnya mengambil barang yang dibawa itu kerana dia **belum mandi** di perigi, Nunchu merasakan suara itu bukan suara **suaminya**. Setelah pasti orang itu telah pergi ke perigi, Nunchu pergi **untuk dilihat** apakah benda yang berada di dalam guni itu. Nunchu sungguh **terkejut** apabila dilihatnya terdapat seorang manusia dalam guni itu dan **membuluh** dia seorang manusia itu adalah seorang suaminya dan yang pulang **dari perigi itu** adalah hantu Kasai, penunggu lubuk tempat suaminya **menangguk ikan**.

Nunchu terus mengambil guni itu lalu diletakkan di dapur. **Kemudian** kedengaran hantu Kasai pulang dari perigi lalu bertanya **kepadanya** Nunchu sama ada dia sudah mengambil barang itu. Setelah **mendapat** jawapan dari Nunchu, Kasai terus pergi ke tempat berdiang **kerana** kesejukan setelah mandi.

Dengan tidak membuang masa Nunchu terus masuk ke bilik. Di **dalam** kelambu dia telah memotong lantai yang dibuat dari buluh **semuat** badannya. Nunchu juga telah mengambil tempat bara api **yang** diletakkan di dalam periuk. Setelah dibakar kemenyan Nunchu **turun** dari lubang yang dibuatnya lalu berlari dengan sekuat-kuat **badan**.

Apabila hantu Kasai menyedari Nunchu telah lari Kasai telah **berteriak**:

"Nunchu Nanchi Nanchu Nannanchuk..."

"Nunchu lari bawa api dalam periuk..."

"Nunchu Nanchi Nanchu Nannanchuk..."

"Nunchu lari bawa api dalam periuk..."


Nunchu berlari sekuat-kuat hatinya. Apabila dirasakan hantu Kasai **tidak** mengejarnya lagi, Nunchu telah mematahkan daun lawit (sejenis

daun yang digunakan oleh dukun untuk mengebas) sambil msngibas daun lawit ke kiri dan ke kanan.

Setelah berlari hampir 7 km, Nunchu telah sampai ke rumah ibu bapanya. Sampai sahaja di pintu rumah, Nunchu terus jatuh pingsan. Mereka sungguh terkejut. Kebetulan bapa Nunchu adalah seorang dukun. Setelah dilihatnya di tangan Nunchu ada daun lawit, bapanya merasakan ada sesuatu yang berlaku ke atas anaknya. Setelah dijmpai dan diberi minum, anaknya pun sedar dari pingsan. Nunchu telah menceritakan segala-galanya kepada bapanya. Apabila mendengar peristiwa yang berlaku bapa Nunchu menyuruhnya tinggal sahaja di rumah dan jangan pergi ke mana-mana.

Bapa Nunchu telah mengambil parang puting dan membuat tetuju. Keesokan harinya apabila mereka melihat di rumah Nunchu terdapat banyak pokok sakat. Menurut kata orang tua-tua pokok sakat adalah sejenis pokok seperti pokok langsuir yang dikatakan berhantu. Menurut cerita lagi lubuk itu sangat dalam apabila dibaling dengan kayu tidak jejak ke dasarnya.

Dari itulah nama Kampung Lubuk Kasai diperolehi.




SEGAMAT SEJARAH & MITOSNYA



Batu-batu hidup di Bukit Hampar. Kononnya di atas bukit inilah Puteri Bukit Hampar bermain-main pada setiap malam.



Satu kawasan di Lubuk Batu. Kononnya menurut cerita orang tua-tua, kawasan inilah yang menjadi tempat lalu-lalang orang-orang Bendahara Tepuk dahulu.



KERAMAT TUJUH BERADIK & SUNGAI KAPIH

Menurut yang empunya cerita, pada zaman dahulu terdapat sepasang suami isteri beserta tujuh orang anak mereka yang terdiri daripada enam orang lelaki dan seorang perempuan tinggal di dalam sebuah hutan belantara. Kehidupan mereka ibarat kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Makanan mereka terdiri daripada batang kayu buruk dicicah dengan manisan. Dalam keadaan yang sedemikian, ada juga insan yang bersimpati lalu menghulurkan bantuan berupa sedikit beras dalam anggaran secupuk dua. Namun demikian, jumlah beras yang diperolehi tidak cukup untuk mereka. Disebabkan oleh sifat tamak sepasang suami isteri tersebut, mereka telah menyuruh anak mereka pergi ke Sungai Kapih. Setiap seorang daripada anak mereka diberikan sehelai kain yang berwarna hitam dan mereka telah disuruh agar membasuhnya sehingga bertukar menjadi warna putih. Kedua-dua suami isteri tersebut berbuat demikian kerana hanya dengan cara begitu sahajalah mereka berdua dapat menikmati hidangan tanpa gangguan daripada anak-anak mereka. Pada anggapan kedua-dua suami isteri ini, ketujuh-tujuh anak mereka akan berada di sungai untuk satu jangka masa yang agak lama kerana kain hitam yang

diberikan itu adalah semulajadi hitam dan tidak mungkin akan bertukar menjadi putih walau dibasuh dengan air tujuh lautan sekalipun.

Namun tanpa disangka-sangka, sedang sibapa masih berada di tanah dan nasi yang ditanak masih belum masak, ketujuh-tujuh anak mereka telah pulang dengan membawa kain hitam yang telah bertukar menjadi putih. Bertitik tolak dari peristiwa inilah mereka dianggap keramat. Selepas daripada peristiwa luarbiasa itu, mereka sekeluarga berhuma di Padang Tasik dan beroleh rezeki yang lumayan.

Keramat Tujuh Beradik ini terdiri daripada Tok Mengkudu selaku ~~anak~~ yang sulung, diikuti oleh Tok Jeram, seterusnya Tok Gubah, Tok ~~gegeh~~, Tok Caleng, Tok Pahang dan yang bongsunya Sirih Sekapur.

Keramat Tujuh Beradik ini dikatakan amat berpengaruh. Apa ~~rahaja~~ yang dinazarkan akan dimakbulkan. Sebagai contoh, "Dengan berkat Tok Mengkudu, dapatlah aku anak lelaki". Dengan izin Allah, ~~orang~~ yang bernazar itu memperolehi anak lelaki. Lantas, sebagai ~~sembayar~~ nazar, orang yang berkaitan melepaskan seekor kambing atau memasang kain putih di sepanjang Sungai Kapih.

SUNGAI KAPIH


Sungai Kapih mendapat nama sempena satu peristiwa yang berlaku semasa majlis perkahwinan Tuan Puteri Santan Bertapis dengan Tengku Malim Dewah.

Tuan Puteri Santan Bertapis amat cantik rupa parasnya dan tiada bolok bandingnya pada ketika itu. Tengku Malim Dewah kerap kali mengintip Tuan Puteri Santan Bertapis mandi di sungai lalu dia pun jatuh hati dan menghantar rombongan untuk meminang tuan puteri. Pinangan itu telah diterima. Semasa majlis perkahwinan inilah secara

tidak sengaja telah tertumpah santan yang telah ditapis. Santan itu mengalir masuk ke dalam sebatang sungai sehingga menyebabkan air sungai berubah menjadi keruh. Selepas itu, peristiwa tersebut telah menjadi bahan cerita oleh mereka yang hadir di majlis tersebut iaitu "Air sungai keruh kerana santan bertapis tumpah". Semakin lama semakin dipersingkat dan dipermudahkan oleh mereka yang berecerita. Tapis menjadi Tapih langsung akhirnya menjadi Kapih. Akhirnya sungai tersebut diberi nama sebagai Sungai Kapih sehingga ke hari ini.



Bekas kawasan sawah padi di Kampung Paya Dalam Segamat. Menurut cerita orang tua-tua di kawasan inilah kira-kira seratus tahun dahulu semasa berakhirnya Perang Jementah, pengikut-pengikut Tengku Nong dan Panglima Sancu bersembunyi selepas mereka diburu oleh orang-orang Dato' Bentara Luar. Mereka lah yang membuka sawah padi di kawasan tersebut.



KAMPUNG LIMAU HANTU & DANAU BEROMBOK

Asal-usul nama sesuatu tempat diberi berdasarkan dari sesuatu peristiwa atau kejadian yang memberi kesan kepada penduduk di situ. Begitulah yang terjadi di 'Kampung Limau Hantu'. Dahulu Kampung Limau Hantu ini merupakan satu kawasan paya. Di kawasan paya inilah terdapatnya sebatang pokok limau yang hidup subur dan inilah satu-satunya pokok limau di kawasan itu. Pokok limau ini mempunyai sebiji buah yang sangat besar dan masak. Tetapi tidak dinyatakan berapa besar buah limau tersebut.

Jika dilihat, apabila sebiji buah limau dimakan oleh serangga atau binatang, selalunya buah tersebut akhirnya akan busuk. Tetapi sebalinya berlaku pada limau ini. Ianya tidak busuk walaupun dimakan oleh serangga atau binatang. Semakin lama buah limau ini semakin mengecil. Seolah-olah telah diambil seulas demi seulas. Sehinggalah buah limau itu hilang begitu sahaja, hilang tanpa kesan.

Kejadian ini telah mengejutkan penduduk-penduduk kampung. Mereka beranggapan bahawa buah limau tersebut sebenarnya bukan dimakan oleh binatang telapi telah dimakan oleh orang bunian atau hantu.

Apabila mereka melintasi kawasan di mana pokok limau ini tumbuh, mereka akan mengatakan bahawa itu ialah pokok limau berhantu. Kejadian ini telah tersebar luas. Berdasarkan peristiwa inilah, penduduk penduduk kampung telah menamakan kampung tersebut sebagai Kampung Limau Hantu.

DANAU BEROMBAK

Menurut kisah yang telah diceritakan oleh seorang penduduk kampung, di sebalik cerita dongeng Danau Berombak ini terdapat kebenarannya. Kebenaran ini telah dibuktikan dengan beberapa peristiwa yang dialami oleh beberapa penduduk kampung.

Berdekatkan dengan kawasan danau ini pada mulanya adalah tempat menanam padi. Menurut ceritanya, bagi mengelakkan para petani kehabisan makanan pada waktu banjir, mereka telah membuat satu tempat dinamakan 'Suaan' iaitu lubang yang digali tidak berapa dalam. Lubang ini ditutup dengan pelepas kelapa. Apabila banjir reda, banyaklah ikan yang terdapat dalam suaan itu. Mereka perlu memancing atau menyauknya sahaja.

Menurut ceritanya lagi, pada suatu ketika, dua orang nelayan telah pergi untuk mencari rezeki. Malangnya pada hari itu mereka tidak bermasib baik. Sedang mereka berkayuh pulang tiba-tiba perahu mereka tersangkut pada sesuatu. Setelah diperiksa, mereka mendapati ada suatu benda berwarna kuning yang menyerupai akar pokok. Apabila diteliti dengan betul, akar tersebut sebenarnya ialah emas.


Maka kedua-dua nelayan tersebut menarik akar emas tersebut ke dalam perahu mereka. Semakin ditarik, semakin panjang emas tersebut keluar. Sedang mereka menarik, seekor katak berbunyi 'krat' meminta

~~delayan~~ tersebut mengerat akar tersebut.

Semakin lama semakin galak katak itu berbunyi. Namun begitu, ~~delayan~~ tersebut tidak menghiraukannya. Kerana sikap tamak, mereka ~~terus~~ menarik emas tersebut sehingga perahu mereka sarat dengan emas dan akhirnya tenggelam.

Seorang pawang yang menyiasat danau tersebut mendapati ada ~~sekor~~ naga yang berkepala tujuh yang menjaga emas sebanyak tujuh tempayan. Boleh dikatakan setahun sekali, naga tersebut akan bergerak ~~untuk~~ menukar kedudukannya. Akibat dari pergerakan tersebut, ~~lawasan~~ danau itu kelihatan seolah-olah berombak-ombak seperti air laut. Melihatkan keadaan itu orang-orang kampung menamakan ~~lawasan~~ danau tersebut sebagai 'Danau Berombak'.

Dalam satu peristiwa, seorang pemuda telah masuk ke kawasan ~~danau~~ itu untuk memancing. Sewaktu hendak menahan lukah, suatu ~~kejadian~~ yang luarbiasa telah berlaku dimana semasa hendak ~~memancangkan~~ kayu ke dalam danau tersebut, seolah-olah dia ~~memancang~~ sebatang kayu di tanah selut. Walau sepanjang manapun ~~kayu yang~~ dipancang, hasilnya tetap sama. Oleh kerana terlalu takut, dia ~~dikatakan~~ hilang akal hingga sekarang.





KAMPUNG KUALA PAYA & TELUK ACAU

Kampung Kuala Paya merupakan sebuah perkampungan yang terletak di dalam mukim Buluh Kasap, Segamat. Jarak Kampung Kuala Paya dari Segamat kira-kira 12 km iaitu 20 minit jika menaiki kenderaan. Jarak Kampung Kuala Paya dari Buluh Kasap pula lebih kurang 3 km.

Sebelum Kampung Kuala Paya diteroka, kawasan asalnya di tepi sungai. Ini kerana pada zaman dahulu masyarakat lebih suka memilih petempatan di tepi-tepi sungai kerana tempat tersebut adalah strategik. Ini memandangkan sungai menjadi jalan utama dan sumber protein iaitu ikan menjadi makanan. Selain itu air sungai digunakan untuk keperluan harian dan mengairi tanam-tanaman terutamanya padi.

Pada zaman dahulu masyarakat suka berpindah randah. mereka akan meninggalkan sesuatu tempat jika didapati tidak sesuai untuk kawasan pertanian. Oleh kerana tapak asalnya sesuai maka masyarakat pada ketika itu telah memilih Kampung Kuala Paya sebagai petempatan kekal. Sejak itulah Kampung Kuala Paya telah dimajukan, hutan rimba di sekitar kawasan sungai telah ditebusguna untuk dijadikan kawasan petempatan baru.

Kampung Kuala Paya telah mengalami banjir setiap berlaku musim tengkujuh. Kawasan yang berhampiran dengan sungai akan mengalami banjir. Apabila banjir berlaku, air sungai yang melimpah akan menenggelami kawasan paya iaitu tempat padi ditanam. Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk memilih kawasan tinggi yang berhampiran dengan kawasan asal. Ini menjadikan Kampung Kuala Paya lebih besar.

Setiap kali berlaku banjir, air dari kuala sungai dan air dari paya akan bertemu. Kejadian ini menjadi sumber bagaimana terhasilnya nama Kampung Kuala Paya. Daripada pemerhatian tersebut maka lahirlah idea untuk menamakan kampung. Air paya berwarna lebih keruh dari air sungai, apabila dilihat dari kuala sungai kelihatan satu pemandangan yang menarik. Air kuala yang bertemu dengan air paya adalah asal nama Kampung Kuala Paya.

TELUK ACAU

Sungai Muar yang mengalir melalui Kampung Kuala Paya merupakan salah satu nadi kehidupan di kampung tersebut. Di pinggir kampung itu terdapat sebuah teluk yang berpunca daripada Sungai Muar. Kawasan di sekitar teluk itu didiami oleh orang-orang Cina. Manakala di kawasan-kawasan lain di kampung itu didiami oleh orang-orang Melayu.

Nama teluk di Sungai Muar itu adalah Teluk Acau. Menurut orang-orang tua nama teluk itu diambil daripada nama seorang penduduk Cina yang mendiami kawasan itu. Oleh itu, muncullah nama Teluk Acau. Kemungkinan nama penduduk Cina itu ialah Ah Cau atau nama yang hampir dengannya. Orang-orang Cina telah mendiami sekitar


teluk itu sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu pada tahun 1940-an. Aktiviti penduduk-penduduk Cina itu kebanyakannya bermiaga.

Dikatakan bahawa, terdapat sederet kedai yang dibina di kawasan Teluk Acau itu. Kedai-kedai itu merupakan kedai runcit, 2 buah kedai kopi dan sebuah kedai gunting rambut. Orang-orang kampung yang lain juga sering mengunjungi kedai-kedai itu bagi mendapatkan barang-barang keperluan harian mereka. Sebuah sekolah Cina dibina oleh orang-orang Cina di kawasan itu untuk anak-anak mereka belajar.

Walau bagaimanapun, kawasan di sekitar tempat tersebut berubah sama sekali setelah kedatangan Jepun ke Tanah Melayu. Kini, kawasan yang terletak di hujung Kampung Kuala Paya itu tidak lagi didiami oleh orang-orang Cina, malahan kawasan kediaman mereka tidak mempunyai apa-apa kesan peninggalan.

Kini kawasan bekas kediaman orang-orang Cina di Teluk Acau itu telah didirikan rumah-rumah penduduk kampung, ditanam pokok-pokok getah dan selebihnya adalah kawasan terbiar. Kampung itu kini hanya didiami oleh orang-orang Melayu sahaja. Namun demikian, orang-orang Cina masih lagi mengunjungi Kampung Kuala Paya untuk mencari rezeki dengan menoreh getah dan berdusun.

Nama Teluk Acau tetap wujud walaupun tidak sepopular suatu ketika dahulu.





ASAL USUL NAMA LABIS

Kononnya berpuluhan-puluhan tahun dahulu, Labis belum lagi dikenali sebagai nama 'Labis' sehingga lah menurut cerita orang tua-tua bahawa asal nama tempat ini adalah daripada perkataan 'labi-labi'.

Pada masa itu, kawasan Labis masih diliputi hutan tebal. Binatang-binatang liar masih berkeliaran. Dan di satu kawasan paya terdapat banyak labi-labi. Labi-labi ialah sejenis binatang yang mempunyai bentuk badan serupa dengan kura-kura dan tuntong.

Menurut cerita daripada orang-orang dahulu, kawasan yang menjadi tumpuan labi-labi ialah Sungai Paya Merah. Pada ketika itu, Sungai Paya Merah ini ditumbuhi sejenis rumput yang berupa seperti pokok tebu kecil setinggi tiga ela. Tetapi yang menghairankan, rumput ini hanya tumbuh di tepi sungai tanah paya itu dan tidak terdapat di tepi sungai lain.

Jenis rumput ini telah menjadi makanan kegemaran labi-labi. Anehnya, apabila rumput ini hampir mati layu, ia akan bertukar menjadi warna merah. Selepas layu, ia akan terendam ke dalam sungai, warna merah yang ada pada tumbuhan ini akan meluntur


keluar dan mewarnai air sungai menjadi merah seperti darah. Daripada sinilah, orang kampung menamakan sungai itu sebagai Sungai Paya Merah dan kampung mereka sebagai Labi-Labi.

Kira-kira pada kurun kesembilan belas, orang putih melawat Kampung Labi-Labi. Mereka hairan dan terperanjat melihat banyak labi-labi merayap lalu bertanya akan nama binatang tersebut. Penduduk di situ pun menjawab, "Labi-labi tuan," berulang kali. Tetapi pegawai orang putih itu menggelengkan kepala seolah-olah tidak faham.

Kemudian, pegawai itu pun berfikir sejenak dan tersenyum, "Labis, oh theses are labis." Pada pendapat orang putih kata jamak perkataan labi-labi dalam Bahasa Inggeris dikenali sebagai labis. Maka, nama Labi-Labi yang digunakan kemudian ditukarkan kepada Labis atas nasihat pegawai Inggeris itu.

Maka, orang ramai pun datang beramai-ramai membuka petempatan di sekitar paya itu. Sawah padi telah dibuka. 'Rumput merah' yang dikenali oleh penduduk kampung dibersihkan dan labi-labi yang banyak itu kehilangan sumber makanan utama.

Selepas kejadian itu, bilangan labi-labi kian berkurangan. Akhirnya labi-labi tidak lagi kelihatan di Labis sehingga sekarang.





KAMPUNG BATU HAMPAR MENDAPAT NAMA & CERITA JALAN PEMUDA

Kebanyakan nama sesebuah tempat diambil daripada sesuatu peristiwa, kejadian dan sebagainya bergantung kepada ceritanya yang tersendiri.

Menurut kata orang-orang tua yang masih ada di kampung ini, Kampung Batu Hampar diambil daripada satu kejadian dimana berlakunya pergaduhan diantara dua orang lelaki yang mahu memiliki seorang wanita yang sangat cantik. Mereka tidak boleh bertemu langsung kerana sekiranya bertemu, mereka akan bergaduh. Pelbagai langkah diambil oleh penduduk-penduduk kampung agar dapat mengatasi masalah ini tetapi gagal.

Suatu hari datang seorang fakir bernama Si Hampar ke kampung ini. Dia mendapat tahu mengenai perkara ini. Si Hampar ini walaupun miskin tetapi kaya dengan ilmu. Dia mencadangkan supaya satu pertandingan diadakan diantara dua lelaki tersebut dimana dia mencadangkan dua lelaki tersebut memecahkan seketul batu yang besar. Sesiapa yang berjaya melakukan tugas tersebut akan dijodohkan

dengan wanita tersebut. Pelbagai cara telah dilakukan oleh dua lelaki itu bagi memecahkan batu itu tetapi tidak berjaya. Dua lelaki ini kemudian mencabar fakir ini untuk memecahkan batu itu dan mereka sanggup menyerahkan wanita itu padanya. Dengan kuasa Allah Spt. Hampar berjaya memecahkan batu itu lalu dia dikahwinkan dengan wanita tersebut. Oleh itu kampung itu dinamakan Kampung Batu Hampar sempena kejadian itu.

Sehingga ke hari ini masih terdapat banyak batu besar di merata-rata tempat di kampung ini.

CERITA JALAN PEMUDA

Peristiwa-peristiwa atau kejadian-kejadian yang berlaku pada masa dahulu sering dikaitkan dengan bagaimana terciptanya nama sesebuah tempat atau kawasan. Kisah-kisah tersebut adakalanya tidak masuk akal dan sukar diterima oleh masyarakat moden.


Jalan Pemuda mempunyai sejarah pembukaannya yang tersendiri. Tahun atau tarikh serta nama penduduk asal Jalan Pemuda agak sukar untuk diketahui kerana tiada sumber yang tepat mengenainya. Mengikut cerita orang tua-tua, satu peristiwa telah berlaku sebelum pembukaan Jalan Pemuda. Satu perbalahan telah berlaku antara dua peringkat umur iaitu kaum muda dan kaum tua. Sebelum terciptanya nama Jalan Pemuda, tempat tersebut belum mempunyai satu nama yang khusus.


Pada suatu hari salah seorang penduduk kampung telah mencadangkan agar dijalankan satu mesyuarat bagi menentukan nama tempat mereka. Cadangan ini telah diterima sebulat suara tanpa sebarang bantahan. Dalam masa mesyuarat inilah punca tercetusnya

satu perbalahan atau perselisihan antara kaum muda dan kaum tua. Kaum tua menegaskan mahukan tempat mereka ini dinamakan Kampung Tuaan sebagai menghormati golongan tua yang telah lama menetap di tempat tersebut. Namun cadangan ini telah mendapat tentangan yang hebat daripada kaum muda.

Bagi meredakan keadaan tegang ini, ketua kampung telah mengadakan satu mesyuarat antara wakil kaum muda dengan wakil kaum tua. Satu persetujuan telah dilakukan oleh ketua kampung dimana nama kampung atau nama tempat ini lebih berpihak kepada kaum muda. Dengan keputusan tersebut, tempat itu telah dinamakan Jalan Pemuda.

Disebabkan kekalahan yang telah dialami kaum tua merasa terkilan dan jauh hati. Disebabkan rasa kecewa yang amat sangat, sebahagian orang-orang tua telah berpindah ke tempat lain. Nama Jalan Pemuda masih lagi kekal sehingga ke hari ini. Banyak perubahan yang telah berlaku di Jalan Pemuda yang menandakan kemakmuran negara dan masyarakat khasnya.





ASAL USUL NAMA BUKIT SIPUT & CERITA NAGA

Menurut cerita orang tua-tua, Bukit Siput mendapat nama disebabkan kawasan di sekitarnya merupakan satu kawasan bukit dipenuhi dengan siput babi. Lalu kawasan berkenaan telah dinamakan Bukit Siput oleh seorang lelaki Cina tua yang dipercayai datang dari negeri China sekitar tahun 1930-an.

Terdapat juga lagi satu peristiwa yang menyebabkan kawasan itu dinamakan Bukit Siput. Penduduk di situ yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Cina tidak dapat menjalankan aktiviti bercucuk tanam disebabkan siput yang terlalu banyak itu. Untuk mengelakkan daripada siput itu membiak dengan lebih banyak, penduduk di situ pun bersepakat menghapuskan siput-siput itu dengan menangkapnya dan dikumpulkannya di satu lubang besar yang digali lalu dibakar.

Di kawasan Bukit Siput ini juga terdapat panggung opera Cina yang masih kekal hingga kini. Panggung opera Cina ini dipercayai tempat masyarakat di situ berhibur pada setiap awal bulan. Sehinggalah hari ini masih terdapat siput di kawasan ini.


CERITA NAGA

Di daerah Segamat dipercayai terdapat seekor naga yang besar dan panjang bertapa di bawah tanah. Panjangnya dianggarkan ialah kepalanya di Kampung Paya Dalam dan ekornya di sekitar Surau Kampung Berata, Segamat.

Naga ini dipercayai telah bertapa selama berpuluhan-puluhan tahun yang lalu. Sekiranya naga berkenaan bergerak sedikit dari tempatnya, dipercayai banjir besar akan berlaku. Ini telah berlaku pada tahun 1951 dimana daerah Segamat telah mengalami banjir besar dan ini dipercayai disebabkan oleh naga itu yang telah bergerak sedikit dari kedudukan asalnya.

Menurut cerita orang tua-tua dahulu, banjir ini berlaku kerana apabila naga itu bergerak terdapat ruang kosong. Ruang kosong inilah yang dipercayai menyebabkan banjir besar berlaku.

Banjir yang berlaku sekitar tahun 1951 itu merupakan banjir terbesar di daerah Segamat. Pada ketika itu, jalan keretapi turut tenggelam dan jambatan Sungai Segamat hanya tinggal sejengkal saja lagi untuk tenggelam. Semenjak dari tahun 1951, banjir sebesar ini tidak pernah berlaku sehingga hari ini. Dipercayai juga naga itu masih lagi bertapa di daerah Segamat ini.





KAMPUNG MERIGI BATU ANAM

Lazimnya dalam kehidupan kita sehari-hari, manusia jarang memberi perhatian terhadap cerita asal-usul sesuatu tempat. Cerita asal-usul ini menceritakan bagaimana Kampung Merrigi mendapat nama.

Cerita asal-usul kampung disampaikan secara lisan oleh penduduk tua di kampung ini. Masyarakat Melayu lama bersifat tradisional, ketinggalan dari segi teknologi, mempunyai sistem sosial yang masih terikat kepada semangat kerjasama dan kolektif, statik serta tidak banyak hubungan dengan masyarakat luar.

Penduduk di kampung ini mengamalkan corak hidup yang sederhana dan dipercayai menghuni di kawasan-kawasan hulu dan bekerja sebagai petani dan memungut hasil-hasil hutan. Menurut sumber tertentu Kampung Merigi mendapat namanya berdasarkan dari nama 'perigi' yang banyak terdapat di kawasan ini.

Pada masa dahulu penduduk menggunakan perigi sebagai bekalan utama bagi kegunaan harian kerana belum lagi mendapat kemudahan asas seperti bekalan air. Mereka menggunakan perigi untuk membasuh baju, memasak dan sebagainya. Merigi diambil berdasarkan nama

perigi. Setiap rumah di kawasan kampung ini mempunyai perigi bagi kegunaan mereka. Oleh kerana terdapatnya banyak perigi, mereka memanggil kampung itu sebagai Perigi. Oleh kerana terdapat penduduk yang hendak menyedapkan sebutan nama kampung ini maka ditukarkan nama Perigi kepada Merigi.

Menurut satu sumber lagi iaitu dari seorang tua yang tinggal di sini, Kampung Merigi mendapat nama berdasarkan cantuman 'mari' dan 'pergi'. Menurut sumber ini lagi penduduk kampung berkenaan selalu pergi melakukan kerja memungut hasil-hasil hutan. Terdapat juga penduduk yang mengalau-alukan kedatangan penduduk lain. Akibat aktiviti ini, penduduk menamakan kampung ini sebagai Kampung Merigi atas cantuman perkataan di atas.



Satu kawasan lagi tempat lalu lalang orang-orang Bendahara Tepuk dulu. Kawasan ini juga dalam Kampung Lubuk Batu.



CERITA PAYANG KELULUT, KUING PATAH & PUTERI BUNIAN BUMBUN

Berhampiran dengan Kampung Sermin dan Keretak terdapat sebuah tempat yang dinamakan Payang Kelulut. Mengikut sumber yang diperolehi, nama Payang diperolehi daripada nama sebatang pokok. Pokok ini dikatakan sangat besar. Di atas pokok payang ini terdapat sejenis serangga membuat sarang. Serangga ini dikenali sebagai kelulut. Oleh kerana tempat tersebut tidak mempunyai nama maka penduduk awal di situ menamakannya sebagai Kampung Payang Kelulut.

Di Payang Kelulut juga ada sebuah masjid lama dibina pada tahun 1918. Ia terletak di atas sebuah bukit dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ia dibina tanpa menggunakan sebatang paku pun dan keadaannya dipenuhi dengan ukiran yang sangat cantik. Walau bagaimanapun masjid ini tidak digunakan lagi. Dipercayai masjid ini masih tetap teguh walaupun sudah kelihatan agak usang.

KUING PATAH

Di dalam daerah Segamat terdapat sebuah tempat dinamakan Buluh Kasap sempena nama serumpun buluh yang dianggap pelik. Di kawasan ini banyak terdapat pokok buluh dan diantara pokok-pokok buluh tersebut terdapat serumpun pokok buluh yang agak unik iaitu batangnya licin dan berbeza dari buluh yang lain. Berpuluhan-puluhan tahun kemudian kawasan ini semakin maju dan wujud pelbagai kampung di sekitarnya. Diantaranya ialah Kampung Kuing Patah.

Jika diteliti daripada namanya, kampung ini mempunyai nama yang unik. Mengikut cerita penduduk tempatan di dalam satu kawasan rimba yang berpaya, terdapat pelbagai jenis pokok kayu. Diantaranya, terdapat sebatang pokok yang dikatakan sangat keras. Batang pokok ini juga dikatakan amat sesuai untuk dijadikan tiang apabila membina rumah.

Telah diketahui umum, pokok keruing (kuing) ini tidak mudah patah dan batangnya keras. Namun demikian, pada suatu hari telah berlaku satu peristiwa iaitu ada sepohon pokok keruing yang patah. Mengikut cerita lisan penduduk kampung di sini, pada suatu hari telah berlaku hujan lebat berserta dengan ribut yang sangat kuat. Pada ketika itu juga berlaku petir sabung-menyalung. Semasa kejadian ini berlaku salah satu pokok keruing telah dipanah petir dan patah. Mengikut kepercayaan orang-orang tua zaman dahulu pokok tersebut dipanah petir kerana ada makhluk halus berlindung padanya.

Kejadian ini telah memeranjatkan penduduk sekitarnya. Akibatnya, mereka telah menamakan kampung itu sebagai Kampung Kuing Patah sempena kejadian itu.

BUKIT KEMAN

Asal-usul sesuatu nama tempat itu selalunya berdasarkan cerita-cerita atau peristiwa yang berlaku dan memberi kesan kepada penduduk setempat sehingga sekarang. Di kawasan Buluh Kasap terdapat sebuah tempat yang dinamakan Bukit Keman. Bukit Keman yang ada pada hari ini pada asalnya merupakan kawasan yang berbatu-batan.

Kawasan yang berbatu-batan ini sudah tentunya tidak sesuai ditanam dengan apa jua jenis tanaman. Pernah dicuba oleh beberapa orang penduduk kampung dengan menanam pelbagai pokok renik dan tumbuhan lain tetapi tidak berjaya. Namun begitu dalam banyak-banyak jenis tanaman, hanya satu sayuran sahaja yang boleh tumbuh di kawasan bukit yang berbatu-batan ini.

Nama sayuran tersebut ialah sayur maman. Dari hari ke sehari, sayuran itu tumbuh segar dan merata. Memang tidak diduga bahawa kawasan berbatu-batan ini hanya boleh ditanam dengan sayur maman. Dari sinilah penduduk-penduduk kampung telah menamakan bukit tersebut sebagai Bukit Maman.

Dari satu generasi ke satu generasi yang lain nama tersebut juga turut berubah iaitu daripada Bukit Maman ke Bukit Keman.


PUTERI BUNIAN DI KAMPUNG BUMBUN

Di Kampung Bumbun terdapat sebuah cerita yang mengisahkan seorang Puteri Bunian. Puteri itu dikatakan sangat cantik dan bersikap pemurah. Puteri itu tinggal di sebuah bukit dan seringkali meminjamkan pinggan mangkuk kepada penduduk yang ingin mengadakan majlis

kenduri. Syarat yang dikenakan ialah peminjam harus bersikap amanah iaitu mesti memulangkan semula pinggan mangkuk tersebut walaupun pecah. Pada suatu ketika sewaktu penduduk kampung ini mengadakan kenduri terdapat salah satu pinggan yang dipinjam pecah. Apabila tiba masa pinggan itu harus dipulangkan, pinggan yang pecah itu tidak dipulangkan bersama. Akibatnya puteri tersebut berasa marah dan tidak membentarkan orang ramai meminjam pinggan mangkuknya lagi.



Pemandangan di satu kawasan menuju ke Kampung Tanjung Sengkawang. Benarkah kawasan ini pernah menjadi tempat beristirehat orang-orang Panglima Sancu yang diburu oleh orang-'Orang Dato' Bentara Luar sebaik sahaja Perang Clementah tamat?



KAMPUNG PUDU

Kampung Pudu merupakan salah satu kampung yang terletak di dalam jajahan batu Anam. Tempat ini terletak diantara Tambang Estate dengan Mensudut Lama. Penduduknya yang seramai 100 hingga 150 orang itu rata-rata bekerja sebagai penoreh getah dan bekerja kampung. Mereka hidup sebagai satu rangkaian komuniti yang rukun damai, saling bermuafakat dan saling membantu.

Kemudahan prasarana yang mencukupi seperti sekolah, jalanraya, masjid dan balairaya menyenangkan para penduduknya menjalani kehidupan sehari-hari. Namun begitu, kemudahan yang belum dinikmati sehingga kini adalah pondok telefon awam. Para penduduk di sini merasa bersyukur dapat menikmati zaman pembangunan setelah negara kita bebas dari cengkaman pihak penjajah.


Kedamaian, ketenangan dan kehijauan yang masih belum dinodai oleh ancaman pencemaran sesuai untuk wargakota yang ingin menikmati kehidupan suasana desa yang nyaman, tenang dan menyegarkan badan. Ini ditambah lagi dengan keramahan penduduknya yang hidup sebagai rangkaian komuniti yang saling membantu. Ianya lebih terserlah apabila adanya kenduri kahwin dan apabila salah seorang daripada unit komuniti ini ditimpa kesusahan

Namun begitu, di sebalik ketenangan dan kedamaian di sini, tersirat satu rahsia pembukaan kampung ini dan bagaimana namanya diperolehi. Apabila mendengar nama Kampung Pudu pasti ada yang menyangka ianya ada kena mengena dengan Penjara Pudu ataupun Perhentian Pudu Raya di Kuala Lumpur. Sebenarnya tanggapan ini meleset sama sekali. Menurut Encik Mohd. Ali bin Kundur, 60 tahun, peneroka awal Kampung Pudu ini ialah seramai 13 orang setelah mendapatkan kawasan ini amatlah sesuai bagi dijadikan sebagai kawasan petempatan. Maka mereka ini telah memulakan operasi untuk membuka sebuah kampung.


Tanah yang mereka perolehi ini sebenarnya adalah dari Rancangan GSA iaitu Rancangan Tanah Kurnia kepada golongan bumiputera. Sebelum ini mereka telah mengemukakan permohonan kepada pihak kerajaan untuk menduduki kawasan itu. Semasa proses pembukaan kampung ini dijalankan, peneroka-peneroka awal ini mendapat terlalu banyak pokok mengkudu. Pokok mengkudu ini hidup dengan begitu subur di kawasan itu. Pokok-pokok mengkudu ini juga boleh didapati di tepi-tepi sungai kampung ini. Disebabkan kawasan ini belum diberi nama lagi lantas peneroka-peneroka awal ini bermuafakat menamakan kampung yang bakal mereka terokai ini dengan nama Kampung Mengkudu. Tetapi lama kelamaan Kampung Mengkudu bertukar nama menjadi Kampung Kudu kerana mereka lebih suka menggunakan nama singkatan saja. Maka dari Kampung Mengkudu ke Kampung Kudu, lalu jadilah Kampung Pudu.

Menurut sumber lagi, nama kampung ini diperolehi daripada bilangan anak-anak berudu yang terlalu luar biasa jumlahnya. Mungkin

disebabkan pada awal penerokaan kampung ini suhu yang terdapat di sini adalah rendah. Keadaan hawanya yang sedemikian rupa menyebabkan haiwan jenis amfibia sahaja yang sesuai mendiaminya. Maka dari jumlah berudu yang begitu banyak, lahirlah nama Kampung Pudu.



Pemandangan di satu kawasan berpaya dalam Kampung Lubuk Batu. Menurut cerita orang tua-tua kononnya di kawasan inilah 'labi-labi putih' yang dianggap keramat pernah dijumpai orang. Dongeng labi-labi putih kini tidak lagi diceritakan orang.



KAMPUNG SEPINANG & ATUK BONDA SEPINANG

Menurut ceritanya, Kampung Sepinang ini dahulu asalnya semak-samun dan ketika mula-mula diterokai dahulu, seohon pokok pinang tunggal telah ditemui. Bertepatan dengan itulah kampung ini dinamakan Kampung Sepinang. Ada juga pendapat lain menyatakan bahawa ia dinamakan ‘Sepinang’ sempena nama buah pinang yang ditemui. Ada menyatakan nama ini berasal dari sebuah sekolah yang dibina berdasarkan batang-batang pinang, dipanggil ‘Sekolah Batang Pinang’ atau ringkasnya ‘Sepinang’.

Menurut sejarahnya, kampung ini dahulunya dikatakan dibuka oleh seorang Temenggong dan kemudiannya diperintah oleh keturunan raja. Tidak dapat dipastikan namanya kerana peristiwa ini telah berlaku terlalu lama dan tidak ramai yang dapat mengingati cerita ini sepenuhnya lebih-lebih lagi tentang salasilah atau keturunan raja tersebut.

Selain itu, menurut cerita orang-orang lama dahulunya penduduk kampung ini sangat dihormati oleh penduduk-penduduk kampung lain. Sebagai contoh, ketika penduduk Kampung Sepinang ini

menghadiri sesuatu kenduri perkahwinan, mereka telah dikhaskan untuk duduk di satu balai khas yang dibina lebih tinggi kedudukannya daripada balai-balai yang lain. Walau kemana pun mereka pergi penduduk kampung ini amat disegani dan dihormati oleh penduduk sekitar kawasan ini. Ini disebabkan pada ketika itu Kampung Sepinang adalah satu-satunya kampung yang diperintah oleh keturunan raja.

Namun tidak diketahui mengapa pemerintahan beraja itu lenyap begitu sahaja. Ianya hanya tinggal kenangan.

Asal-usul 'Sepinang' ini tetap menjadi lagenda begitu juga dengan pemerintahan berajanya yang penuh misteri itu.

BAGAIMANA ATUK BONDA SEPINANG MENJADI SEORANG BIDAN

Nama sebenar Atuk Bonda ialah Wan Kundur bte Wan Abu Bakar. Beliau berasal dari Kampung Belimbing, Pahang Darul Makmur. Tidak diketahui mengapa dan bagaimana beliau boleh sampai ke daerah Segamat dan seterusnya ke Kampung Sepinang. Beliau telah menetap dan berkahwin dengan penduduk di sini. Namun ketika zaman pemerintahan Jepun dahulu, suaminya telah ditembak oleh komunis. Sejak dari itu beliau tinggal kesaorangan sambil membesarikan anak-anaknya.

Sehingga pada suatu hari, ketika beliau sedang menidurkan anaknya yang kecil beliau didatangi oleh seseorang untuk meminta pertolongan daripada beliau. Pada waktu itu, keadaan kampung masih diselubungi oleh semak-samun dan rumah didirikan berjauhan diantara satu sama lain. Beliau memberi alasan tidak dapat pergi kerana tidak ada orang untuk menjaga anaknya yang masih kecil.


Lebih-lebih lagi keadaan pada waktu itu tidak mengizinkan kerana bahaya ada di mana-mana. Tetapi orang tersebut mendesak kerana dia mengatakan hal itu terlalu penting dan mengatakan juga ada orang yang akan menjaga anaknya.


Setelah didesak beberapa kali beliau akhirnya bersetuju. Beliau telah melalui satu kampung dan jalan itu tidak pernah beliau lalui sebelum ini. Sepanjang perjalanan tersebut beliau dapat melihat satu pemandangan yang indah. Perjalanan itu dirasakan terlalu jauh. Apabila tiba di rumah tersebut barulah beliau mengetahui bahawa isteri pemuda tersebut sedang sakit untuk bersalin.

Dari situlah beliau mengetahui cara-cara membidangkan orang bersalin setelah beliau diajar oleh seorang wanita lain yang turut berada di situ. Setelah segalanya selesai beliau dihantar pulang. Namun perjalanan ketika pulang dirasakan lebih cepat berbanding perjalanan ketika pergi. Apabila sampai di rumah beliau melihat anaknya sedang tidur nyenyak seolah-olah ada orang menjaganya.

Dari saat itulah beliau mula membidangkan orang bersalin. Beliau mempunyai kelebihan iaitu beliau dapat merasakan sesuatu apabila ada orang memerlukan bantuan beliau.

Segalanya kini hanya tinggal sejarah dan kenangan setelah beliau kembali ke Rahmatullah. Hanya satu misteri yang belum terjawab, siapakah pemuda itu, di manakah rumahnya dan siapakah wanita yang mengajarkan ilmu perbidanan kepada Atuk Bonda?





KAMPUNG GUDANG GARAM

Sekiranya anda mendengar perkataan Gudang Garam, pastinya anda teringat kepada rokok kretek buatan Indonesia yang termasyhur itu. Namun sayang, anda tidak akan bertemu sebarang kilang atau gudang rokok kretek di kampung ini. Cuma anda akan mendengar cerita yang cukup menarik mengenai asal-usul ia mendapat namanya itu, dan ianya lebih seronok dari semata-mahu mencari gudang rokok kretek!

Terbitnya nama Gudang Garam mempunyai variasinya. Variasi pertama ianya dikatakan dinamakan oleh segolongan pemburu sementara variasi kedua adalah berkait dengan kisah Raja Malim Deman. Walau bagaimana pun, kedua-dua variasi cerita ini membawa kepada persetujuan tentang wujudnya tempat menyimpan garam.

Menurut Pn. Hatijah bte Mokhtar, 62 tahun, kampung ini dahulunya adalah satu kawasan hutan. Kawasan hutan ini merupakan satu kawasan pemburuan bagi pemburu-pemburu yang suka memburu pelbagai binatang. Kawasan hutan ini dahulunya dipenuhi dengan pelbagai jenis binatang.

Walaupun kawasan ini merupakan hutan namun tidak semu

tempat dipenuhi pohon-pohon kayu besar tetapi terdapat juga petempatan. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan ini untuk menenangkan fikiran sambil melihat binatang yang ada di situ.

Menurut Pn.Hatijah lagi, pada suatu hari ada pemburu sedang memburu terlihat ada binatang sedang menjilat tanah. Pemburu itu amat pelik tetapi meneruskan pemburuannya. Apabila sampai ke tempat lain pula kejadian yang sama juga berlaku. Setelah membuat pemeriksaan, barulah pemburu-pemburu tersebut mengetahui bahawa tanah di kawasan itu adalah masin. Mereka merasa pelik dengan kejadian itu lantas bercerita kepada keluarga mereka.

Dalam perjalanan pulang, kononnya mereka menjumpai satu rumah kosong dan setelah diteliti di dalam rumah itu kelihatan seperti gudang. Namun Pn.Hatijah tidak pasti sama ada gudang itu pernah digunakan atau tidak.

Kewujudan sebuah rumah berbentuk gudang dan kawasan yang dikatakan menyimpan garam akhirnya mendorong pemburu-pemburu mengambil keputusan untuk menamakan kawasan berkenaan sebagai 'Kampung Gudang Garam'.

Sebuah variasi lagi disumbangkan oleh Encik Mohd.Sheth bin Mohd.Yusof, 37 tahun, cucu kepada peneroka asal kampung ini. Ia telah mendapat cerita ini dari Allahyarhamah Tok Minah, ibu patinya ketika mendengar cerita-cerita penglipur lara sekitar tahun 50 dahulu lagi. Cerita yang sama juga diketahui oleh beberapa orang penduduk asal yang lain termasuk Encik Abdullah Othman, 60 tahun, dan Encik Ayub bin Lamin, 65 tahun.

Menurut Tok Munah, pada zaman dahulu Paya Berombak yang tetak dipinggir kampung itu adalah merupakan sebuah kuala tempat

kapal-kapal berlabuh. Di situ lah dikatakan tempat di mana kapal Malim Deman tenggelam. Kapal itu dikatakan membawa banyak harta. Di zaman itu, tiang layar kapal Malim Deman yang tenggelam itu dapat dilihat dengan jelas dari pinggir Kampung Gudang Garam yang letaknya hampir dengan rumah Tok Minah.

Dari kuala itulah dikatakan para pedagang mendarat membawa barang dagangan mereka. Ada pedagang yang membawa garam. Garam itu disimpan di suatu tempat di sebuah gaung di Kampung Gudang Garam sebelum dihantar ke destinasi yang memerlukannya. Garam yang disimpan disitu banyak jumlahnya. Sebahagiannya tertumpah ke tanah lantas menjadikan tanah sekitar tempat itu menjadi masin dan lazat pada tekak binatang.

Apabila masa berlalu, kuala itu menjadi semakin kering airnya. Tempat yang pada suatu ketika menjadi pengkalan untuk mengangut garam ke darat tidak lagi boleh digunakan. Lantaran itu 'gudang' tempat menyimpan garam itu tidak berfungsi lagi.

Tanah sekitar tempat menyimpan garam itu dikatakan menjadi masin akibat lungguhan garam yang telah dilaruti hujan. Mereka yang lalu lalang pada masa itu sering melihat berbagai jenis binatang menjilat-jilat tanah masin berkaitan. Akibat dari peliknya perangai binatang-binatang itulah ramai penduduk asal bertanya kepada yang lebih tua lantas mengetahui perihal cerita bagaimana tanah berkaitan menjadi masin. Ramai penduduk mengetahui perihal wujudnya gudang garam di situ dan ia bukanlah sebuah cerita rekaan.

Dipercayai bahawa nama Kampung Gudang Garam telah wujud sejak dari zaman Malim Deman lagi lantas terus digunakan oleh peneroka asal kampung ini sebagai namanya yang penuh bermakna.

SEGAMAT - SEJARAH & MITOSNYA



Pemandangan jalan menuju ke Kampung Gemereh, Segamat. Menurut ceritanya nama kampung ini diambil daripada nama 'Pokok Mereh'. Pada masa dulu, pokok mereh ini boleh didapatkan di Pengkalan Gemereh di tepi Sungai Segamat.



Jalan menuju ke Kampung Tanjung Sengkawang dan Kampung Gudang Garam. Kampung Gudang Garam mempunyai cerita rakyat dan sejarahnya yang tersendiri.



MAK NGAH SA'ODAH - PENGLIPUR LARA SEGAMAT

DARI perspektif sejarah, Kampung Lubuk Batu yang terletak kira-kira 3 km dari bandar Segamat merupakan sebuah kampung Melayu tertua dan terkenal lantaran, menurut ceritanya, kampung inilah yang mula-mula dijadikan tempat persembunyian oleh Bendahara Tepuk iaitu Bendahara Melaka yang terakhir dan pengikut-pengikutnya semasa mereka diburu Portugis sekitar tahun 1511 dahulu.

Kemasyhuran kampung ini sering menjadi perbualan orang-orang daerah Segamat. Namun begitu tidak ramai yang mengetahui sekalipun di kalangan penduduk daerah Segamat sendiri bahawa di kampung yang pernah menjadi petempatan awal Bendahara Tepuk dan orang-orangnya kini terdapat seorang perempuan tua yang mempunyai kebolehan luar biasa dimana jika dinilai pasti akan menambahkan lagi kemasyhuran Kampung Lubuk Batu itu.

Perempuan tua yang dimaksudkan itu ialah Mak Ngah Sa'odah, berusia hampir 100 tahun. Walaupun Mak Ngah Sa'odah atau nama sebenarnya Sa'odah bte Haji Raya sudah begitu lanjut usianya dan berbongkok tiga disamping buta huruf namun kebolehannya

menuturkan cerita-cerita rakyat dan sejarah tempatan amat dikagumi. Tidak hairanlah sesetengah orang di daerah Segamat yang menyedari kebolehannya itu menggelarnya ‘Penglipur Lara Segamat’.

Satu keistimewaan perempuan tua dari Kampung Lubuk Batu itu **jalah** beliau masih boleh mengingati berpuluhan-puluhan cerita rakyat dan peristiwa-peristiwa berunsur sejarah tempatan dan bukan itu sahaja malah berkeupayaan menuturkannya dengan lancar dan terang. Lebih menghairankan, ‘Penglipur Lara Segamat’ ini dapat menyesuaikan **nada** dan suaranya semasa bercerita.

Untuk menyedapkan cerita, kadang-kadang Mak Ngah Sa’odah menyulamkan pantun dan bahasa berirama ke dalam cerita-ceritanya. Sulaman puisi-puisi lama ke dalam cerita bertujuan menarik perhatian pendengar. Sesekali apabila sampai kepada bahagian puisi-puisi khususnya pantun, Mak Ngah Sa’odah tidak malu-malu menuturkan puisi-puisi itu sambil menyanyi.

Mak Ngah Sa’odah memulakan cerita dengan cara yang tersendiri dan begitu bersahaja. Cerita akan dimulakan dengan menyebut nama **tajuk** atau jodolnya. Semasa bercerita Mak Ngah Sa’odah akan duduk bersimpuh. Para pendengar diarah duduk berhadapan dengannya. Mak Ngah Sa’odah akan memulakan cerita hanya setelah semua pendengar yang di depannya duduk dan diam.

Sesudah itu perempuan tua ini akan memandang tepat ke muka setiap para pendengar sambil menggerakkan kedua-dua belah tangannya seolah-olah memberi isyarat bahawa cerita akan dimulakan. Apabila dia sampai ke mana-mana bahagian yang dianggap penting dalam cerita, Mak Ngah Sa’odah akan berhenti seketika seolah-olah cuba mengingati sesuatu. Para pendengar akan mudah dapat



Mak Ngah Sa'odah, berumur hampir seratus tahun dan mendapat gelaran 'Penglipur Lara Segamat'. Dia berasal dari Kampung Lubuk Batu.

menangkap bahagian-bahagian penting dalam cerita kerana kelazimannya pada bahagian-bahagian tersebut Mak Ngah Sa'odah akan mengulang-ngulangkan ayat.

Semasa menuturkan cerita-cerita yang berunsur sejarah tempatan, keistimewaan Mak Ngah Sa'odah ialah beliau berupaya menyusun pelbagai peristiwa dalam cerita-cerita secara kronologi. Justeru itu sesiapa yang mendengar dia bercerita begitu mudah dapat mengingati keseluruhan jalan cerita. Lagi satu keistimewaan perempuan tua ini ialah beliau dapat memberi gambaran fizikal seseorang tokoh yang terlibat secara jelas. Ini dapat beliau lakukan kerana Mak Ngah Sa'odah menurut kebiasaannya tidak terburu-buru cuba menghabiskan ceritanya.

Berdasarkan kajian, Mak Ngah Sa'odah masih mampu mengingati pelbagai cerita rakyat daerah Segamat ini diantaranya:

1. Puteri Tujuh Beradik
2. Dulang Emas
3. Labi-Labi Putih
4. Harimau Kaki Tiga
5. Puteri Hijau
6. Kerbau Naik Minyak
7. Hantu Gigi Tajam
8. Puteri Santan Bertapis
9. Puteri Bunga Tanjung
10. Puteri Gelang Cincin

Manakala cerita-cerita yang berunsur sejarah tempatan yang masih dalam ingatannya antaranya:

1. Perang Jementah
2. Peristiwa Laga Kerbau
3. Pembukaan Balai Polis Pertama di Segamat
4. Pembinaan Landasan Keretapi di Segamat
5. Banjir Besar Segamat
6. Penderhakaan Panglima Pasak
7. Peristiwa 'Penyakit Orang Baik-Baik'.
8. Bukit Yatim Piatu
9. Pembukaan Mukim Pogoh
10. Peristiwa di Bukit Mambai.
11. Banjir di Pengkalan Esah.
12. Temasya Pungut Telur Tuntong.

Apabila ditanya tentang rahsia yang dimiliki yang membolehkan dia menghafal berpuluhan cerita walaupun dalam usianya yang amat lanjut itu, Mak Ngah Sa'odah mengakui bahawa beliau kuat berpegang pada petua dan pantang-larang orang tua-tua. 'Penglipur Lara Segamat' ini menyatakan bahawa salah satu petua yang diamalkannya sejak dia masih anak dara lagi ialah beliau sentiasa minum air masak (air jarang) setiap pagi sebaik sahaja matahari muncul. Beliau membasuh muka dengan air embun. Di samping itu menjadi kegemarannya mengunyah cengkih. Pendapatnya dengan mengamalkan mengunyah cengkih setiap hari dapat menguatkan ingatan dan daya hafalan.

Di samping berkeupayaan bercerita, Mak Ngah Sa'odah semasa umurnya dalam lingkungan 60 hingga 80 tahun masih boleh memanfaatkan tenaga fizikalnya. Ia tidak suka berdiam diri di rumah. Agak menghairankan perempuan tua ini sering turun ke kebun di belakang rumahnya untuk bercucuk tanam. Kini sekeliling rumahnya

dipenuhi dengan pokok-pokok buah-buahan yang kebanyakannya adalah hasil dari cucuk-tanamnya.

Prinsip hidupnya bekerja keras dan berpegang teguh kepada petua-petua orang tua-tua. Beliau begitu memanfaatkan masa. Inilah nasihatnya yang selalu diberi pada cucu-cicitnya.

Kini, Mak Ngah Sa'odah, 'Penglipur Lara Daerah Segamat' yang sudahpun mempunyai berpuluhan-puluhan ciet dan piut-piut masih sihat dan mampu berperanan sebagai penglipur lara. Walaupun perempuan tua ini kini jarang keluar dari rumah dan tidak dapat bergaul dengan masyarakat seperti perempuan-perempuan lain namun ditinjau dari segi peranan dalam konteks dunia sastera, sumbangannya tidak boleh diperkecikkan. Sekurang-kurangnya keupayaannya mengingati dan menuturkan berpuluhan-puluhan cerita rakyat tempatan dapat memperkayakan lagi khazanah sastera dan budaya tempatan.



Rumah Mak Ngah Sa'odah (Penglipur Lara Segamat). Menurut Mak Ngah Sa'odah kawasan sekitar rumahnya pernah satu masa dulu menjadi tempat beristirahat pengikul-pengikul Bendahara Tepuk.



ASAL-USUL KAMPUNG TENANG

Setiap kampung di daerah Segamat mempunyai berbagai-bagai cerita menarik. Ada cerita benar, ada yang berunsur mitos. Generasi kini patut mengetahui dan memelihara agar cerita-cerita demikian tidak akan pupus.

Salah satu cerita ialah mengenai asal-usul Kampung Tenang yang terletak di Labis, daerah Segamat. Menurut ceritanya, kampung ini telah dibuka pada hari Rabu 22 Ramadhan 1221 Hijrah bersamaan 3 haribulan Disember 1806 Miladiah. Orang yang membuka kampung ini ialah seorang pengembara dan pengembang ajaran Islam dari Pagar Ruyung, Minangkabau Indnesia. Beliau ialah Tuan Haj Muhamad Arifin bin Aladin bin Gandarashid atau dikenali sebagai 'Tok Tenang' atau 'Tok Maarib'.


Sebelum kampung ini dibuka, asalnya adalah hutan rimba yang luas. Tempat itu didiami oleh orang-orang asli yang mencari rezeki dengan memungut hasil-hasil hutan di sekitarnya. Justeru itu dapatlah dikatakan bahawa terdapat 2 kawasan di mana di sebelah mudik sungai ialah tempat bercucuk tanam dan mencari rezeki manakala sebelah hilir pula ialah tempat tinggal mereka.

Kedatangan Tok Tenang dan beberapa orang pengikutnya membawa binatang seperti kerbau, kambing telah mengubah keadaan seumpat itu. Beliau dan pengikutnya telah menebas hutan untuk mencucuk tanam dan membina petempatan. Lama-kelamaan ramailah orang datang dan menetap di kampung itu. Mereka telah bersetuju untuk menamakan kampung itu sempena nama orang yang mula-mula membukanya iaitu Kampung Tenang atau Kampung Tok Tenang.

Tok Tenang meninggal dunia ketika berusia 117 tahun.



Allahyarham Tuan Haji Jiman bin Abd. Ghani atau lebih dikenali dengan panggilan Cikgu Jiman. Beliau merupakan ahli sejarah tempatan. Beliau banyak membuat catatan sejarah Segamat.



KAMPUNG TASIK ALAI

Tasik Alai adalah satu kawasan yang terletak di Jalan Muar. Ianya kini menjadi kawasan kediaman bagi sebahagian penduduk-penduduk di Segamat ini.

Nama Tasik Alai ini berasal daripada sebuah tasik yang mana di hadapan tasik tersebut terdapat sebuah paya yang dalam. Penurut ceritanya, di dalam tasik tersebut ada lubuk yang sukar dilihat, lubuk ini hanya dapat dilihat oleh orang-orang tertentu sahaja. Tasik ini dipercayai berpuaka. Ada segelintir penduduk di kawasan itu yang 'membuang ancak' di dalam tasik tersebut. Kononnya pembuangan ancak telah membuat penunggu tasik tersebut marah dan dia telah mengamuk ke seluruh kawasan kampung itu. Disebabkan itu juga, ramai yang takut untuk menghampiri tasik tersebut.

Selain itu juga, berhampiran dengan tasik itu ada pohon mengkuang yang begitu subur. Apabila hari hujan ataupun sebelum hujan ketika langit mendung sesiapa yang lalu di situ melihat seolah-olah ada manusia sedang memancing. Kononnya manusia jelmaan ini ialah penunggu kawasan itu sedang beristirehat.

Menurut ceritanya lagi, sekiranya sesiapa yang melihat jelmaan itu


janganlah sekali-kali menegurnya kerana ianya dipercayai akan memudaratkan diri.

Disebabkan tasik itu mempunyai banyak kisahnya di kampung tersebut maka kampung itu dinamakan sempena nama tasik dan Alai pula bererti sempadan. Sempadan di sini bermaksud tasik ini mempunyai banyak halangannya untuk dihampiri. Oleh itu tasik itu menjadi 'sempadan' penduduk kampung.

Dari peristiwa inilah terciptanya nama Kampung Tasik Alai.



Kawasan makam Kampung Lubuk Batu, Segamat. Makam Bendahara Tepuk dan orang kanannya Selamat Gagah serta pengikut-pengikutnya didapati di kawasan makam di Kampung Lubuk Batu ini.



KAMPUNG PAYA JAKAS

Alkisah beberapa kurun yang lalu maka tersebutlah cerita tentang suatu tempat di sebuah kampung pendalaman. Kampung ini dikelilingi oleh sawah padi dan kawasan paya. Penduduk asal kampung ini kebanyakannya bekerja sebagai petani dan juga mengusahakan tanaman padi.

Akan tetapi penduduk di situ menghadapi masalah kurangnya kawasan untuk bertani dan menanam padi. Kawasan itu terhad. Ini adalah kerana hampir keseluruhan kawasan di situ terdiri daripada kawasan berpaya. Kawasan paya ini tidak begitu sesuai untuk bertani tambahan pula di sekitar paya ini terdapat pokok renik dan amat ketara sekali pokok jakas yang amat banyak dan hidup subur di kawasan paya tersebut.

Sesungguhnya pokok-pokok jakas ini memang begitu banyak. Penduduk-penduduk kampung berusaha untuk menebangnya tetapi malangnya pokok-pokok itu tumbuh semula walaupun sudah beberapa kali ditebang. Semakin lama semakin banyaklah pokok jakas itu tumbuh dan terus hidup subur.


Disebabkan kawasan itu terdiri daripada kawasan yang berpaya,

tambahan pula di kawasan paya inilah pokok-pokok jakas membiak dengan suburnya, maka penduduk tempatan serta penduduk kampung berhampiran mula menggelarkan kawasan ini sebagai Kampung Pava Jakas.

Sekiranya kita berkunjung ke kampung tersebut, kita masih dapat melihat pokok-pokok jakas hidup di dalam semak-samun. Tetapi pokok-pokok ini tidak lagi di dapati dalam kawasan paya kerana kawasan berkaitan telah ditebus-guna untuk membina infrastruktur bagi penduduk tempatan.



Pada satu masa dulu kawasan ini (kawasan yang berhampiran Masjid Lubuk Batu) merupakan sebuah pengkalan. Air di sini dalam. Bendahara Tepuk dan pengikut-pengikutnya dipercaya mula-mula mendarat di pengkalan di kawasan ini.



KISAH LIMA KAMPUNG MENDAPAT NAMA

Berikut adalah bagaimana lima buah kampung yang terletak di dalam daerah Segamat mendapat nama masing-masing:

KAMPUNG GELUGOR

Kampung ini terletak lebih kurang 1 km dari Pekan Jementah. Penduduknya tidak berapa ramai. Hanya terdapat beberapa buah rumah sahaja di situ. Ramai penduduknya bekerja sebagai penoreh getah. Menurut cerita Encik Daud bin Abdul Rahman, kampung ini mendapat nama daripada pokok gelugor yang banyak terdapat di situ pada suatu masa dahulu.

KAMPUNG SEBERANG GELUGOR

Kampung ini adalah lanjutan daripada Kampung Gelugor. Ia terletak di belakang Sekolah Kebangsaan Jementah. Untuk sampai ke kampung ini terpaksa kita menyeberang sebatang anak sungai. Nama kampung ini ditambah perkataan 'seberang' kerana ia terletak di seberang sungai. Kerana itulah ia dinamakan Kampung Seberang Gelugor. Penduduk kampung ini juga tidak berapa ramai.

KAMPUNG LUBUK BANDAN

Kampung ini terletak di Batu 10, Jalan Segamat-Muar. Dipercayai kampung ini mendapat nama sempena nama hantu bernama Bandan. Hantu ini dikatakan berwarna hitam dan selalu muncul di sebuah lubuk yang terdapat berhampiran dengan surau di kampung ini. Sempena peristiwa itu maka Kampung Lubuk Bandan mendapat namanya.

KAMPUNG KUBU DEDAP

Kampung ini terdapat di Jementah. Asalnya ia adalah sebuah medan pertempuran. Pada masa Perang Jementah, sebuah kubu telah dibina di kampung ini. Kubu yang dibina itu bertiangan sebatang pokok dedap. Asal daripada kisah itulah maka kampung ini dinamakan Kampung Kubu Dedap. Pada masa perang itu ada seorang panglima bernama Sancu. Menurut cerita apabila Panglima Sancu membuang air kecil, air kecilnya boleh sampai ke seberang tebing tempat dia berdiri.

KAMPUNG KADUT

Pembukaan kampung ini dipercayai berlaku sezaman dengan kedatangan Bendahara Tepuk ke Segamat. Segelintir orang-orangnya telah membuat keputusan memilih satu kawasan untuk dijadikan tempat tinggal. Bila sampai di satu kawasan yang banyak ditumbuhi daun kaduk, iaitu sejenis daun yang tumbuh liar, mereka mengambil keputusan untuk menetap di situ. Mereka sebulat suara menamakan tempat itu dengan nama Kampung Kadut.

Jika ditinjau, hingga ke hari ini daun kaduk masih banyak terdapat di kampung berkenaan.



ASAL-USUL KAMPUNG MENSUDUT & SANGLANG

Berikut adalah kisah-kisah bagaimana Kampung Mensudut Lama, Kampung Mensudut Pindah dan Kampung Sanglang mendapat namanya:

KAMPUNG MENSUDUT LAMA

Kampung Mensudut Lama telah dibuka sebelum zaman Perang Dunia Kedua lagi. Menurut penduduk kampung pada mulanya nama kampung ini ialah Mensudut sahaja. Perkataan Mensudut digunakan kerana kampung itu terletak di kawasan pendalaman yang jauh dari bandar Segamat. Letaknya jauh tersorok seolah-olah berada di suatu sudut menyebabkan mereka menggunakan perkataan Mensudut tersebut.

Nama Kampung Mensudut Lama timbul kerana selepas itu dibuka pula sebuah kampung lain yang juga menggunakan perkataan 'Mensudut' iaitu Kampung Mensudut Pindah. Kerana wujudnya kampung baru yang sama namanya inilah penduduk kampung menambah perkataan 'Lama' untuk Kampung Mensudut bagi sebagai tanda bahawa kampung Mensudut dibuka lebih awal.


KAMPUNG MENSUDUT PINDAH


Menurut Encik Omar bin Said, kampung Mensudut Pindah telah dibuka sejak zaman Perang Dunia Kedua. Oleh kerana terdapat berbagai masalah yang timbul di Kampung Mensudut ketika perang itu maka sebahagian penduduk Kampung Mensudut telah berpindah ke kawasan yang baru dan membuka perkampungan baru di situ. Sempena peristiwa perpindahan orang-orang Kampung Mensudut itulah maka kampung baru ini dinamakan Kampung Mensudut Pindah.

KAMPUNG SANGLANG

Kampung ini mempunyai kira-kira 100 orang penduduk, kebanyakannya terdiri dari orang-orang Melayu. Ramai penduduk di kampung ini bekerja sebagai pekebun kecil. Terdapat banyak kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan untuk kampung ini termasuklah pondok telefon, balai raya, sekolah dan lain-lain.

Asal-usul nama Kampung Sanglang ini adalah sempena nama banyaknya sang helang yang sering berterbangan di kampung tersebut. Letaknya Kampung Sanglang ini ialah di hilir sungai selepas Kampung Serdang.





ASAL-USUL KAMPUNG JAWA & FELDA REDONG

Pernahkah anda mendengar nama kampung yang dipanggil Kampung Jawa? Setiap orang pasti selalu mendengar nama kampung itu. Kalau hendak dihitung, terdapat lebih dari 20 buah kampung yang dipanggil 'Kampung Jawa' di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Di Segamat sendiri terdapat sebuah kampung yang dipanggil Kampung Jawa. Letaknya lebih kurang 2 km dari bandar Segamat.

Menurut kajian, didapati Kampung Jawa pernah menjadi tempat tinggal orang-orang Jawa yang datang dari Riau, Aceh dan Jambi semasa akhir zaman pemerintahan Sultan Melaka suatu masa dahulu. Semasa itu mereka adalah merupakan pedagang rempah-ratus dan kain dari Riau, Aceh dan Jambi. Tidak kurang juga yang menetap di Melaka dan digelar 'orang laut'.

Semasa di Melaka, orang-orang Jawa sering diperkecilkan oleh orang-orang Bendahara Tepuk kerana dianggap tidak tahu mencari jalan sendiri untuk hidup. Orang-orang Jawa ini mempunyai sifat pemalu dan sabar. Semasa Bendahara Tepuk dan pengikutnya melarikan diri ke Segamat, dipercayai sekumpulan orang Jawa telah

mengekori kumpulan itu secara sembunyi-sembunyi hingga tidak disedari oleh pengikut Bendahara Tepuk.


Semasa sampai di Segamat, orang-orang Jawa itu meninggalkan kumpulan Bendahara Tepuk dan menghilir ke Sungai Segamat sehinggalah sampai ke sebuah kawasan yang belum didiami lagi. Merekalah yang membuka Kampung Jawa.

ASAL NAMA FELDA REDONG

Felda Redong dibuka pada tahun 1982. Felda ini terletak di kawasan berhampiran dengan Labis. Pada asalnya Felda ini adalah sebuah hutan belantara yang belum diterokai.

Menurut seorang penduduk, nama Felda Redong diambil dari nama sebuah kampung berdekatan iaitu Kampung Redong. Kampung Redong ini pula mendapat nama sempena orang yang membuka kampung tersebut iaitu Tok Redong. Beliaulah yang mula menerokai kawasan tersebut untuk dijadikan sebuah kampung.

Tok Redong telah meninggal dunia dan dikebumikan di tanah perkuburan Kampung Redong. Sehingga kini kuburnya masih terdapat di situ dan merupakan kubur yang terbesar saiznya berrbanding kubur-kubur lain di sekelilingnya.





KAMPUNG PAYA PULAI & KAMPUNG TELUK KELUBI

Menurut cerita pada masa dahulu, terdapat banyak pokok pulai di satu kawasan paya. Rupa bentuk pokok pulai adalah seperti pokok teja yang mempunyai akar yang besar tetapi dahannya kecil. Pada waktu itu kawasan berkaitan belum diberi nama lagi.

Penduduk di kawasan itu menyatakan bahawa kewujudan pokok-pokok pulai yang banyak itu amat menakutkan bila menjelang malam tambahan lagi suasana di situ gelap dan bekalan letrik belum ada. Ada kalanya anak-anak mereka yang hendak pergi mengaji atau ke kedai berlari sekutu hati bila melalui kawasan pokok-pokok pulai itu. Lantas penduduk kampung menebang pokok-pokok pulai itu dan hanya meninggalkan sebatang sahaja untuk dijadikan kenangan. Pokok pulai tunggal itu masih lagi wujud hingga sekarang.

Dari kisah banyaknya pohon-pohon pulai yang menakutkan itulah kawasan ini dinamakan Kampung Paya Pulai. Kampung ini telah dibuka oleh Haji Salam pada tahun 1918. Pada asalnya penduduk kampung ini tidak sampai 20 orang. Pada masa kini jumlah penduduk telah meningkat hampir ke 2000 orang.

MITOS KAMPUNG TELUK KELUBI

Menurut cerita orang tua-tua yang tinggal di kampung tersebut, Teluk Kelubi mendapat nama sempena sebuah teluk dan pohon-pohon kelubi yang terdapat di kawasan itu.

Pada zaman dahulu terdapat banyak pohon-pohon kelubi tumbuh di merata-rata tempat di kawasan berkaitan. Ianya adalah sejenis tumbuhan liar yang dijumpai banyak tumbuh di kawasan-kawasan paya.

Di bahagian hilir kampung itu terdapat satu kawasan yang dipanggil teluk. Ianya dipanggil teluk kerana pada zaman dahulu sebuah bukit di kawasan itu telah disodok sehingga berbentuk seolah-olah seperti teluk. Di kawasan teluk itu juga banyak terdapat pohon kelubi yang tumbuh liar. Dari fenomena inilah Kampung Teluk Kelubi diberi nama.

Menurut orang tua-tua di situ juga telah berlaku satu peristiwa lagenda. Di kawasan yang dikenali sebagai ‘teluk’ itu dipercayai didiami oleh seekor ular besar yang sedang bertapa. Menurut ceritanya seorang budak lelaki telah duduk di sebatang kayu sambil menakik-nakik batang kayu tersebut. Tiba-tiba didapatinya darah mengalir dari batang kayu itu. Apabila pulang ke rumahnya budak itu bertukar menjadi gila. Setelah ditilik oleh seorang bomoh didapati budak itu telah mengganggu ular yang sedang bertapa di kawasan teluk tersebut. Sehingga kini semua orang tidak tahu ke mana perginya ular itu dan apakah selanjutnya yang telah terjadi kepada budak itu. Ianya menjadi misteri kepada penduduk tempatan.



ASAL-USUL KAMPUNG SEKIJANG PINGGIR DAN KAMPUNG KENANGAN BATU ANAM

Pernahkah anda tahu bahawa terdapat sebuah kampung berhampiran dengan Felda Kemelah? Kampung yang dimaksudkan ialah Kampung Sekijang Pinggir. Kampung ini terletak kira-kira 25 km dari Bandar Segamat. Apa yang menariknya ialah bagaimana Kampung Sekijang Pinggir mendapat nama.

Suatu masa dahulu di kawasan ini terdapat banyak kijang. Jika ia berkumpul dalam satu kumpulan yang besar, jumlahnya hampir mencapai 1000 ekor. Jumlahnya yang banyak menyebabkan penduduk di situ yang tidak sampai 50 orang menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber makanan. Berhampiran dengan tempat kijang selalu berkumpul terdapat sebatang sungai yang menjadi sumber mata air kepada penduduk setempat. Oleh kerana kampung ini selalu mengalami banjir kerana terletak di pinggir sungai, maka kampung ini dinamakan Kampung Sekijang Pinggir.

Sumber ekonomi penduduk di sini pada masa dahulu ialah membuat perahu. Hingga sekarang kegiatan ini masih dilakukan walaupun tidak

luas. Bahan yang digunakan untuk membuat perahu ialah kayu-kayu hutan seperti batang cengal, jelutung, meranti, merbau dan leban. Sebuah perahu biasanya boleh mencapai harga sehingga RM 400.

Kampung Sekijang Pinggir merupakan jalan penghubung dan terdekat untuk ke Labis. Kedudukannya di tengah-tengah Felda Pemanis dan Felda Kemelah menyebabkan penduduk di kedua-dua penempatan ini sentiasa kunjung mengunjungi antara satu sama lain.

Semasa berlaku Perang Dunia Kedua, kawasan kampung ini telah dijadikan tempat untuk berlindung daripada pengganas. Kehadiran kijang yang banyak memudahkan orang kampung menyembunyikan diri dan menyukarkan pengganas untuk mengesan mereka. Selepas perang, kawasan ini telah dipilih untuk dijadikan sebuah kampung. Tidak ramai yang berminat untuk tinggal di sini kerana kedudukannya yang jauh dari bandar. Walau bagaimanapun masih ada yang ingin membina penghidupan di sini.

Kampung Sekijang Pinggir pernah mengalami dua kali banjir besar la itu sekitar tahun 1989 dan 1991. Banjir besar ini telah mengakibatkan kerugian besar kepada penduduk kampung. Selepas banjir besar itu, penduduk kampung telah membina sistem perparitan yang terancang dan sejak itu tidak ada lagi berlaku banjir di kampung itu.

Kini penduduk kampung itu sudah mula merasai nikmat kemajuan yang pada mulanya amat mustahil untuk dikecapi. Mereka mendapat bekalan air, elektrik dan sebatang jalan berturap tar walaupun hanya separuh saja. Kampung Sekijang Pinggir walaupun tidak lagi memiliki kijang sebagai simbolnya, namun yang pastinya kijang akan tetap menjadi lagenda bagi penduduk di situ. Dari sebuah hutan yang tebal

suatu masa dahulu, kini ia telah bertukar wajah menjadi sebuah perkampungan yang mula menerima arus permodenan. Kini, kehidupan penduduk di situ disarai dengan mengerjakan ladang getah, kebun buah-buahan dan ternakan ikan air tawar. Semoga kampung yang terpencil ini, akan terus menerima arus permodenan dan taraf hidup penduduknya dapat ditingkatkan.

KAMPUNG KENANGAN

Kampung Kenangan terletak di Batu Anam. Ia merupakan salah satu kampung yang mempunyai cerita-cerita dongeng kata orang tua di sini.

Nama kampung ini diambil dari perkataan 'kenangan' iaitu nama seorang tuan puteri dari kayangan. Berikut adalah kisahnya.


Pada masa dahulu, terdapat seorang puteri yang baik rupa parasnya. Puteri tersebut adalah keturunan dewa-dewa dari kayangan. Puteri ini bernama Tuan Puteri Kenangan Dewi. Beliau bukan sahaja berlemah-lembut malah baik juga budi pekertinya.

Kampung Kenangan adalah sebuah kampung yang menjalankan aktiviti pertanian seperti penanaman sayur, padi dan ubi kayu. Apabila musim kemarau tiba, penduduk kampung mengalami kesusahan kerana tanaman mereka tidak berhasil. Mereka sangat risau dan bimbang apabila keadaaan ini berterusan.

Dalam keadaan ini Tuan Puteri Kenangan Dewi di kampung itu pun memikirkan kebaikan penduduk kampung. Beliau berdoa agar Tuhan mengurniakan air hujan kepada mereka.

Oleh kerana keikhlasannya, maka cuaca yang panas terik itu tiba-

tiba menjadi muram dan kelihatan hujan akan turun tidak lama lagi. Dengan itu, penduduk kampung amat gembira dan bersyukur kepada Tuhan. Mereka tidak lupa juga berterima kasih kepada Tuan Puteri Kenangan Dewi itu. Akhirnya penduduk kampung ini mula hidup bahagia kerana tanaman mengeluarkan hasil yang banyak.



Pemandangan di satu kawasan di Kampung Lubuk Batu. Kampung Lubuk Batu merupakan salah sebuah kampung tertua di daerah Segamat. Kampung ini banyak menyimpan sejarah silam selain ianya dikatakan mempunyai banyak cerita rakyat.



ASAL-USUL FELDA PEMANIS DAN KAMPUNG SEPANG LOI

Felda Pemanis telah mula diduduki pada bulan November 1982. Felda ini mempunyai 2 bahagian iaitu Pemanis 1 dan 2. Kemudian iaanya ditambah lagi berikutan pertambahan penduduk iaitu Peringkat 3. Felda Pemanis 1 mempunyai 505 orang penduduk.

Sebaimana yang kita ketahui setiap nama tempat sudah pasti ada ceritanya yang tersendiri. Nama pemanis dikatakan diambil sempena nama sebuah bukit yang terdapat di sini. nama bukit ini ialah Bukit Pemanis. Sementara tingginya ialah 933 kaki.

Menurut cerita seorang penduduk di sini, terdapat banyak binatang buas di bukit tersebut. Selain itu terdapat juga air terjun. Namun, tidak ramai orang yang datang ke kawasan air terjun tersebut kerana takut akan binatang buas.

Sebenarnya, dahulu kawasan ini merupakan kawasan yang penuh dengan hutan rimba. Kemudiannya ia diteroka pada tahun 77/78. Di kawasan felda ini ditanam dengan pokok getah dan seterusnya menjadi sumber pendapatan penduduk di sini. Seterusnya felda ini diteroka lagi sekali pada tahun 84/85. Di kawasan yang baru ini ditanam

dengan kelapa sawit. Pada peringkat awal dahulu iaitu semasa mulamula diduduki, setiap peneroka ditanggung oleh pihak felda. Selain itu tiada sesiapa yang merasmikan pembukaan felda ini.

Walau bagaimanapun, ada orang yang mengatakan bahawa felda ini diberi nama oleh Pengarah Besar Felda. Nama Pemanis diambil sempena nama sebuah tempat yang berhampiran dengan Gelang Chin-Chin iaitu Felcra Pauh Manis. Oleh kerana jika disambungkan dua perkataan ini akan jadi 'Pauhmanis' dan dirasakan tidak sesuai oleh Pengarah tersebut, beliau memutuskan bahawa nama Pemanis adalah lebih sesuai. Berdasarkan cerita inilah nama Pemanis terus kekal sehingga kini.

ASAL-USUL NAMA KAMPUNG SEPANG LOI

Kampung Sepang Loi merupakan salah satu kawasan yang terdapat di dalam daerah Segamat. Penduduknya terdiri daripada orang Melayu. Kampung ini terbit dalam Rancangan Briggs pada tahun 1950.

Oleh kerana kampung ini pada asalnya tidak mempunyai nama maka penduduk kampung ini telah mengambil nama seorang Cina yang tinggal di persimpangan sungai yang terdapat di kampung tersebut.

Kebetulan pula orang Cina tersebut tinggal di persimpangan jalan yang berhampiran dengan sungai dan namanya pula ialah Ah Loi. Oleh itu kampung tersebut diberi nama Kampung Sepang Loi sehingga sekarang.

Sebelum kampung ini dibuka, orang-orang kampung sebelum ini tinggal di sebuah penempatan yang diberi nama Batu Ragi. Batu Ragi ini terletak di seberang sungai. Oleh kerana pada masa itu pentadbiran

British sedang menjalankan kempen anti-komunis, maka semua penduduk di Batu Ragi telah diarah berpindah ke petempatan baru tersebut.

Kampung ini juga telah mendapat semua prasarana yang disediakan oleh kerajaan, seperti bekalan elektrik, air dan telefon awam. Kampung ini terletak beberapa kilometer dari Batu Anam. Sementara para pelajar yang terdapat di kampung ini melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah di Batu Anam. Namun, terdapat beberapa orang pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik melanjutkan pelajaran di Sekolah Tinggi Segamat dan tinggal di asrama pusat yang disediakan. Kampung ini terletak berhampiran dengan beberapa buah kampung lain. Antaranya Kampung Padang Kiambang, Kampung Paya Terap dan sebagainya.

Pada musim tengkujuh kampung ini terlibat juga dalam banjir. Boleh dikatakan apabila musim tengkujuh, penduduk di kampung ini mula mengambil langkah berjaga-jaga. Selain itu penduduk yang terlibat dalam masalah banjir ini akan diberikan bantuan makanan seperti sardin, kopi dan lain-lain.

Sementara punca pendapatan penduduk di kampung ini ialah hasil menoreh getah. Boleh dikatakan sebahagian besar penduduk di kampung ini ialah orang tua. Ini ialah kerana orang muda atau golongan belia telah berhijrah ke bandar mencari pekerjaan. Menurut cerita penduduk asal kampung ini, dahulu semasa pembukaan awal kampung ini terdapat beberapa buah bendang yang diusahakan oleh penduduk kampung ini. Namun, kini bendang tersebut tidak dikerjakan lagi kerana menghadapi masalah kekurangan air dan sawah tersebut akan ditenggelami air semasa musim tengkujuh.



SEJARAH BUKIT KUBU DAN KAMPUNG SAWAH BARU

Bukit Kubu, itulah nama yang diberikan oleh oarang-orang kampung berikutkan satu peristiwa yang telah berlaku di bukit tersebut. Bukit Kubu ini letaknya berhampiran sungai dan paya di Kampung Paya Pulai.

Mengikut ceritanya, pada satu masa dahulu terdapat beberapa orang Jawa, Indonesia telah membuat pertapaan di situ. Ilmu pertapaan mereka pelajari dari Tuk Guru mereka. Mereka membuat pertapaan di situ sehingga tamat pertapaan mereka.

Tidak beberapa lama kemudian, Tuk Guru mereka jatuh sakit dan meninggal dunia. Maka pertapaan mereka tidak dapat ditamatkan. Oleh kerana ilmu yang mereka pelajari tidak sampai ke penghujungnya, mereka tidak dapat keluar dari bukit itu.


Mengikut cerita, mereka tidak dapat keluar dari bukit tersebut kerana telah menjadi makhluk halus. Ini kerana Tuk Guru mereka tidak sempat untuk menjadikan mereka seperti orang biasa seperti sediakala sebelum mereka mempelajarinya. Oleh yang demikian, tinggallah mereka di dalam bukit itu selama-lamanya.

Daripada peristiwa tersebut, maka timbulah nama Bukit Kubu. Sehingga kini, apabila musim banjir berlaku, kita akan mendengar bunyi seperti meriam dari bukit tersebut menandakan bahawa banjir besar akan berlaku. Ini terjadi pada tahun lalu, banjir besar telah berlaku. Meriam ini berbunyi sebanyak tiga kali. Bunyinya boleh didengar oleh orang tertentu sahaja.

Apabila tanah bukit itu hendak disodok untuk membuat kawasan perumahan (tambak) Sri Pelangi, tiba-tiba tanah yang disodok itu tidak dapat disodok. Ini mungkin kerana kerja-kerja pembersihan terkena kawasan mereka (orang-orang Jawa) berkubu (rumah). Dan menyebabkan mereka marah lalu tanah itu tidak dapat diusahakan.

KAMPUNG SAWAH BARU

Orang-orang daripada pekan Air Panas telah mengerjakan sawah dikawasan yang belum bernama. Apabila mereka pulang daripada mengerjakan sawah padi itu, mereka sering ditegur oleh orang yang berselisih dengan mereka. Perbualannya seperti, "Kamu semua ini daripada mana?". Maka dijawab oleh orang yang mengerjakan sawah tersebut, "Kami pulang daripada mengerjakan sawah yang baru itu". Tidak lama kemudian mereka membina perkampungan di sekitar kawasan sawah yang baru itu untuk memudahkan lagi mereka menguruskan sawah tersebut. Perkampungan itu terus dinamakan Kampung Sawah Baru sempena nama sawah yang baru mereka kerjakan.





CERITA TOK EMPANG DAN LADANG SUNGAI MUAR

Ladang Sungai Muar atau Ladang Muar River pada suatu ketika dikenali sebagai 'Semampir Gajah Mati'. Semampir ialah bahasa Jawa yang bermaksud tersidai atau tergantung. Ladang Sungai Muar atau Semampir Gajah Mati terletak di Mukim Buloh Kasap iaitu di seberang Kampung Kuala Paya.

Kononnya, Semampir Gajah Mati mendapat nama daripada kisah pertarungan dua ekor binatang iaitu gajah dan ular. Bermula ceritanya, pada suatu hari, seekor gajah sedang berjalan-jalan untuk mencari makanan. Sedang asyik berjalan, gajah tersebut telah memijak seekor anak ular sawa yang berlingkar di tengah jalan. Ibu ular sawa yang berada tidak jauh dari tempat kejadian berasa sedih dan marah anaknya telah mati dipijak.

Ibu ular sawa terus menuju ke arah gajah dengan perasaan yang amat geram. Ibu ular sawa cuba mematuk gajah untuk mematikan lawannya itu. Malangnya, kulit gajah yang tebal menghalang niatnya. Gajah pula tidak mahu bertarung dengan ular sawa kerana ia juga bersedih akibat daripada perbuatannya yang tidak sengaja. Oleh itu

gajah menyangkuk badan ular sawa dan cuba melemparkan ular sawa itu ke hutan berdekatan.

Ular sawa yang berada di belalai gajah itu mengambil peluang ini dengan membelit belalai gajah. Semakin lama semakin erat belitan ular sawa. Gajah cuba mempertahankan diri dengan menghempaskan belalainya ke tanah beberapa kali. Akhirnya gajah mati kerana kurang udara dan kepenatan.

Kebetulan, kejadian ini telah disaksikan oleh sekumpulan saudagar dari Jawa yang sedang berehat-rehat di satu kawasan yang tidak jauh dari pertarungan gajah dan ular. Kejadian yang luar biasa ini meyebabkan sekumpulan saudagar tersebut telah menamakan tempat tersebut sebagai Semampir Gajah Mati. Ini adalah kerana setelah ular sawa berjaya membunuh gajah, sawa telah menggantung dirinya di salah sebuah pokok tidak jauh dari situ.

CERITA TOK EMPANG

Daripada kajian yang dibuat, pembukaan Jementah bermula dari pembukaan Bukit Tunggal atau nama lamanya Bukit Cerebon. Ia dinamakan Bukit Tunggal kerana semasa pembukaannya, seluruh kawasan yang disekitarnya dilanda banjir apabila hujan kecuali satu kawasan yang agak tinggi dan berbukit. Kawasan itu merupakan satu-satunya kawasan yang tinggi di sana. Oleh itu kawasan ini pun dinamakan Bukit Tunggal.

Daripada Bukit Tunggal, pembukaan Jementah diteruskan lagi. Daripada kajian yang dibuat, 6 orang bomoh telah dipanggil untuk membuka Jementah. Kesemuanya tidak berjaya kerana jika pagi mereka menebas, di sebelah petangnya, pokok-pokok yang ditebas itu

akan tumbuh semula dan apabila mereka menebang di sebelah petang pokok-pokok yang ditebas itu akan tumbuh semula di sebelah pagi dan begitulah seterusnya.

Keenam-enam pawang itu gagal membuka penempatan baru iaitu Jementah. Akhirnya pawang yang ketujuh mencuba nasib. Pawang itu dikenali sebagai Tok Empang atau nama sebenarnya ialah Tok Kedot. Beliau berasal dari hilir iaitu dari Negeri Sembilan. Dia digelar Tok Empang kerana mengempangkan sebuah sungai di sana, beliau sendiri telah berbaring di sebelah hulu sungai itu dan orang-orang kampung yang lain akan mengempang atau menimbus di bahagian hilir. Setelah siap kerja-kerja mengempang, barulah Tok Empang bangun. Sebab itulah beliau digelar Tok Empang.

Tok Empang memulakan kerja-kerja membuka Jementah dengan bermula dari Sungai Muar. Tok Empang gembira kerana pokok yang ditebang itu tidak tumbuh semula seperti yang pernah terjadi pada pawang yang terdahulu.


Sekembali dari menebas, pada malamnya Tok Empang telah bermimpi didatangi oleh seorang tua yang mengatakan dia akan berjaya membuka Jementah tetapi dengan syarat anaknya yang ditinggalkan bersamanya isterinya iaitu Tok Andak akan 'diambil'. Tok Andak terkenal kerana kepandaianya memulihkan orang tercekik tulang dengan hanya menggunakan daun pokok mengkudu.


Keesokan harinya, apabila tersedar dari tidurnya, Tok Empang berasa takut akan kehilangan anaknya. Lantas, dia terus pulang ke kampung di mana anak dan isterinya tinggal untuk sementara waktu. Setibanya di sana, dia mendapati isterinya sedang menangis dan apabila ditanya, isterinya memberitahu anaknya iaitu seorang bayi

lelaki tiba-tiba hilang ketika sedang tidur di dalam buai.

Walaupun berasa sedih dengan kehilangan anaknya itu, Tok Empang tetap meneruskan usahanya untuk membuka Jementah. Akhirnya sebuah penempatan baru berjaya dibuka di situ dan dinamakan Jementah.

Daripada kajian yang dibuat, diceritakan Tok Empang ada membela seekor harimau tetapi bukan harimau biasa. Ia merupakan seekor Harimau Jadian dan lebih dikenali sebagai Harimau Tok Empang. Dipercayai sebelum Jementah ditimpa sebarang bencana, suara mengaum harimau ini akan kedengaran dan tapak kaki harimau ini juga dapat dilihat. Bersama-sama tapak kaki harimau ini dapat dilihat sepasang tapak kaki kanak-kanak yang dipercayai anak Tok Empang yang hilang itu. Sehingga kini harimau itu dikatakan masih lagi hidup walaupun Tok Empang sudah meninggal dunia.





BATU ANAM DAN KAMPUNG KENANGAN

Kampung Kenangan dahulunya dikenali sebagai Batu 10. Ini adalah kerana belum ada lagi nama yang sesuai untuknya. Memandangkan semasa itu keadaan kawasan tersebut yang masih dipenuhi hutan dan masih belum keseluruhannya diterokai. Ketika itu hanya terdapat beberapa buah keluarga sahaja yang terdapat di situ. Kawasan yang penuh dengan semak samun itu kemudian bertukar menjadi sebuah kampung tersusun apabila berlaku satu perubahan yang melanda Tanah Melayu pada tahun 1948. Sedikit demi sedikit hingga ke hari ini Kampung Kenangan telah menjadi sebuah kampung yang menampung lebih daripada 50 buah keluarga.

Semasa perang Jepun melanda Tanah Melayu, beberapa buah keluarga yang menetap di Batu 10 telah berpindah ke Kampung Paya Lebar untuk berlindung daripada serangan musuh. Mereka menetap di situ sementara dan membuat sawah padi bagi menampung kehidupan mereka. Setelah peperangan tamat mereka kembali semula ke Batu 10 untuk menjalani hidup seperti biasa di tempat asal mereka. Dengan sebulat suara pengasas mereka telah menamakan Batu 10 sebagai Kampung Kenangan. Ini adalah bersempena dengan

kepulangan mereka ke tempat asal semula yang dahulunya ditinggalkan untuk menyelamatkan diri.

Apabila Darurat diisyiharkan maka perintah berkurniung berkuat kuasa. Kebanyakan dari mereka bekerja sebagai polis bantuan yang bertugas bersama-sama mengawal keadaan persekitaran kawasan tersebut. Selepas Darurat tamat, polis bantuan telah dikurniakan 3 ekartanah oleh Tun Razak untuk membalas jasa mereka. Ini merupakan kenangan paling berharga bagi penduduk tersebut. Oleh sebab itu memang bertepatan kampung tersebut dikenali sebagai Kampung Kenangan memandangkan terdapat kenangan abadi bagi penduduk kampung yang telah dikurniakan tanah dan seterusnya menjadikan kampung ini sebagai sebuah kawasan tersebut yang aman damai.

BATU ANAM


Nama ini dipetik daripada enam biji batu yang dipercayai mempunyai kuasa ajaib. Ini disebabkan pada setiap batu itu tinggal sejenis hantu. Hantu-hantu ini adalah bersifat jahat dan sentiasa mengganggu kehidupan penghuni kampung ini. Mereka sering membinasa atau memusnahkan tanaman penduduk kampung ini. Oleh itu, penduduk-penduduk kampung sering hidup dalam penderitaan. Mereka tidak berani melawan dengan hantu-hantu itu kerana mereka sedar akan kehebatan dan kekuatan tersebut.

Penduduk-penduduk kampung hanya sekadar berdoa dan harapkan Tuhanlah yang dapat menyelamatkan mereka. Tidak lama kemudian, keinginan mereka telah dikabulkan. Seorang dewa turun dari kayangan yang kelihatan amat elok rupanya dan sungguh gagah sekali. Beliaulah yang satu-satunya dapat berlawan dengan hantu-

hantu yang tinggal di dalam enam biji batu besar itu.

Akhirnya, dewa yang gagah dan berani itu berjaya menewaskan keenam-enam hantu tersebut. Beliau kemudiannya memecahkan batu-batu itu yang selam ini didiami oleh hantu-hantu tersebut.

Kemudian orang pun menamakan kampung ini sebagai Batu Enam. Kampung ini mulai maju dan penduduk hidup bahagia kerana keadaan aman tanpa hantu-hantu tersebut. Akhirnya, penduduk kampung pun menukar nama Batu Enam kepada Batu Anam kerana mudah disebut.





KAMPUNG TENGAH & ASAL-USUL KAMPUNG SERMIN & BUKIT RENCIL

ASAL-USUL KAMPUNG SERMIN DAN BUKIT RENCIL

Mengikut cerita Kampung Sermin berasal dari cerita anak raja yang pergi berburu di dalam hutan. Putera raja itu bernama Sang Nila Utama. Baginda berburu hinggalah ke satu tempat yang jerumbun. Jerumbun ialah kawasan hutan yang penuh dengan pokok buluh yang tumbuh merimbun.

Menurut cerita, Sang Nila Utama ini sangat pandai memanah. Satu ketika baginda terpanah sanggul seorang puteri yang tinggal berhampiran dengan tempat berjerumbun itu. Puteri itu bernama Puteri Santan Bertapis. Tempat kediamannya dikenali sebagai Bukit Cermin.

Puteri yang sedang bersiram di kolamnya di atas bukit itu sangatlah murka. Walaupun putera raja tersebut sangat berkenan akan puteri tersebut tetapi mengikut kisahnya, Sang Nila Utama tidak dapat memperisterikan Puteri Santan Bertapis tersebut.

Disebabkan kisah tersebut, tempat berjerumbun itu dinamakan Kampung Bumbun dan Bukit Cermin pula dinamakan Bukit Sermin iaitu bersebelahan dengan Kampung Bumbun.

Kesan sejarah kedua-dua kampung tersebut terdapat hingga ke hari ini. Kolam tempat puteri bersiram masih terdapat satu kawasan berbatu yang mengandungi air masih wujud di Kampung Sermin. Bagi kawasan jerumbun pula masih terdapat pokok-pokok buluh yang tumbuh subur, dan kawasan tersebut telah dijadikan kawasan pecah batu oleh Jabatan Kerja Raya, Segamat.

CERITA BUKIT RENCIL

Di Kampung Gelang Chin-Chin, terdapat sebuah bukit, bukit ini dikenali sebagai Bukit Rencil. Menurut cerita, Rencil adalah nama seorang pemuda yang bertapa di bukit tersebut. Apabila gurunya meninggal, Rencil tidak dapat keluar dari kawasan bukit itu. Tetapi tidak diketahui adalah Rencil masih berada di bukit tersebut atau tidak. Dipercayai di atas bukit tersebut terdapat sebuah kolam. Hanya mereka yang sesat sahaja dapat menemui kolam tersebut. Bagi mereka yang sengaja ke Bukit Rencil untuk melihat kolam itu pasti pulang dengan kehampaan.

Walau bagaimanapun hanya Allah yang lebih mengetahui kebenarannya.

KAMPUNG TENGAH

Kampung Tengah atau lebih dikenali sebagai '50 ekar', jauhnya kira-kira 3 kilometer dari Bandar Segamat.


Pada tahun 1950-an, kawasan ini telah diancam oleh pengganas-

pengganas komunis. Usaha kerajaan British pada masa itu telah mewujudkan penempatan semula setinggan di 'Kampung-kampung Baru', maka kesannya hingga sekarang Kampung Tengah telah menjadi dua kawasan iaitu kawasan penempatan orang-orang Cina dan kawasan penempatan orang-orang Melayu, ia dipisahkan oleh Sungai Kapeh.

Pada mulanya, kawasan ini tidak ramai penduduk. Kerajaan British telah meneroka kawasan yang seluas 50 ekar untuk menjadi kawasan penempatan, oleh itu, wujudlah nama '50 ekar' hingga sekarang.

Mengikut penduduk di sini, pada masa Darurat, kawasan penempatan mereka telah dipagari kawat duri dan dikawal rapi oleh tentera kerajaan. Kad catuan makanan juga diperkenalkan untuk mengawal bekalan makanan dan ubat-ubatan kerana pengganas pengganas komunis sering mengugut dan menyerang penduduk di situ. Seorang penduduk yang berusia 72 tahun mengatakan ramai pengganas komunis termasuk ketua pengganas komunis telah mati ditembak oleh tentera kerajaan pada tahun 1956.

Kebanyakan penduduk di kawasan ini bekerja sebagai penoreh getah. Disebabkan kampung ini di kawasan yang rendah, maka banjir telah menjadi suatu kejadian yang lumrah tetapi ramai terkorban ketika banjir pada suatu ketika dahulu.





SAID ARIFFIN, CERITA RAKYAT KAMPUNG KUARI & PEMBUKAAN KAMPUNG BATU BAKAR

SAID ARIFFIN

Pada kira-kira akhir kurun ke lapan belas Masihi, orang Belanda tiba di Sumatera dan melakukan kekejaman ke atas penduduk tempatan. Ramai raja dan kerabat diraja melarikan diri dari Sumatera kerana takut dibunuuh oleh Belanda.

Menurut cerita orang-orang tua, ada seorang tua dari Pagar Ruyung yang berketurunan Minangkabau telah melarikan diri ke Tanah Melayu bersama dengan orang-orangnya.

Raja tersebut ialah Said Ariffin. Baginda dipercayai ialah seorang yang keramat. Said Ariffin beserta tiga orang kerabatnya tiba di Negeri Sembilan dan kemudian berpecah mengembara ke arah masing-masing. Dari situ, seorang singgah di Negeri Sembilan, seorang menuju ke Segamat dan seorang lagi ke Tanjung Agas, Muar. Akhirnya, Said mengembara dan tiba di Labis.

Pada ketika itu Labis masih lagi diliputi hutan yang tebal dan tiada

tanda-tanda menunjukkan ada penempatan. Setelah penat berjalan, Said Ariffin pun berfikir, inilah tempat penghabisan pengembaraannya lalu menamakan tempat itu sebagai 'Habis'. Disebabkan perkataan 'Habis' kurang sedap bunyinya, Said menuarkannya dengan 'Labis'.

Maka, bermulalah Said Ariffin dan orang-orangnya meneroka hutan dan membina penempatan awal di Labis. Menurutnya, udara di situ nyaman dan keadaan selamat kerana terpencil. Baginda kemudiannya membuka Kampung Air Panas dan Redong sehingga beliau mangkat beberapa tahun kemudian.

Said Ariffin sebelum mangkat juga dikenali sebagai Tuk Tenang. Pernah diceritakan oleh orang-orang tua Said Ariffin pernah berpesan kepada anaknya supaya jangan mengebumikannya dalam kubur setelah beliau meninggal dunia. Namun, anaknya tidak menurut katanya kerana apabila seseorang sudah mati dan ahli keluarganya tidak mengebumikannya, bermaksud keluarganya tidak menghormati orang itu. Tambahan pula Said adalah seorang raja dari Minangkabau.

Lalu, anaknya pun mengebumikannya di sebuah tanah perkuburan. Tetapi apabila anaknya menziarahi kubur ayahandanya pada hari ketiga, didapati mayat ayahandanya sudah ghaib. Dan yang ganjilnya, ada bau wangi di kubur itu.

CERITA RAKYAT DI KAMPUNG KUARI

Apabila mengkaji sastera rakyat, kita juga mengkaji masyarakat lama yang melahirkan sastera itu. Sastera rakyat adalah pancaran hidup masyarakat lama. Ia digubah oleh rakyat sebelum sebelum bangsa Melayu mengenal baca dan tulis. Semua sastera rakyat yang digubah bertujuan sebagai hiburan. Di daerah Segamat, terdapat

banyak juga cerita rakyat di kawasan-kawasan tertentu.

Kampung Kuari yang berada di daerah Segamat mempunyai cerita rakyatnya yang tersendiri. Daripada namanya 'Kampung Kuari', kita dapat mengetahui corak masyarakat lama pada masa itu. Menurut sajian yang telah dibuat, didapati kebanyakan penduduk di situ terdiri daripada kaum India. Mereka telah berjaya membuka kawasan perlombongan kuari yang terkenal pada masa itu.

Oleh sebab perlombongan kuari dijalankan secara besar-besaran, maka tidak hairanlah perusahaan ini menjadi punca pendapatan penduduk-penduduk di sana. Malah, Kampung Kuari telah berjaya berjaya dimajukan sebagai sebuah kampung yang agak terkenal di Daerah Segamat iaitu 'Kampung Perusahaan Kuari' di Segamat.

Tetapi, kawasan perlombongan kuari terbiar selepas kuari di situ telah habis dilombong. Lantarannya, wujudlah sebuah tasik yang dikenali sebagai 'Tasik Kampung Kuari' dan dikatakan sangat dalam. Dengan wujudnya Tasik Kampung Kuari, cerita hantu terus membelunggui Kampung Kuari apabila berlakunya kes-kes kematian dalam tasik itu.

Sebenarnya, Tasik Kampung Kuari menjadi tempat kunjungan bagi mereka yang suka berenang dan memancing ikan, kahsnya kanak-kanak di sekitar kawasan itu. Tetapi, apabila dipercayai tasik tersebut berhantu dan ia akan membunuh sesiapa sahaja yang pergi berenang atau memancing ikan, ibu bapa terus menghalang anak-anak mereka daripada berada di situ.

Kedua-dua cerita rakyat ini boleh dianggap benar walaupun sastera rakyat ini digubah oleh rakyat sendiri dan tiada bukti yang kukuh

untuk menunjukkan kebenarannya. Walaupun demikian, kuil yang dibina pada Kampung Kuari yang dibina pada hari ini mungkin kebanyakannya penduduk-penduduk kampung tersebut, iaitu orang India yang menganut agama Hindu pada masa dahulu. Selain itu, Tasik Kampung Kuari masih dianggap berhantu kerana terdapat kes-kes mati lemas akhir-akhir ini.

ASAL-USUL NAMA KAMPUNG BATU BAKAR BULOH KASAP SEGAMAT

Kampung Batu Bakar terletak 2 kilometer dari Pekan Buloh Kasap. Penduduk di sini secara keseluruhannya menjalankan aktiviti pertanian seperti menoreh getah, menanam sayur-sayuran dan bekerja di ladang kelapa sawit. Kampung Batu Bakar merupakan sebuah perkampungan yang merupakan sebuah perkampungan yang penduduknya kurang dari seratus keluarga. Keadaan di sini adalah aman dan jauh dari hiruk piruk bandar.

Kampung Batu Bakar pada asalnya adalah sebuah paya dan kononnya di tengah-tengah paya itu timbul satu batu yang besar. Menurut cerita penduduk kampung ini, kawasan paya itu telah kering akibat musim kemarau yang berpanjangan. Lama-kelamaan kawasan paya itu menjadi sebuah kawasan yang lapang dan subur. Namun begitu, kedudukan batu tersebut masih tidak berubah. Tanah tempat ini adalah sesuai dijadikan tempat kediaman.

Penduduk awal di kawasan ini dikatakan hidup dalam keadaan aman dan damai sebelum kadatangan tentera Jepun. Tempat ini masih lagi tidak mempunyai nama. Semasa pendudukan Jepun di daerah Segamat, tempat ini dijadikan tempat persembunyian mereka.

Lama-kelamaan pihak tentera Jepun mengetahui tempat persembunyian mereka. Tentera jepun telah membakar kawasan persembunyian mereka dan lebih menakjubkan lagi batu besar itu turut terbakar menyebabkan orang-orang yang berada di situ terpegun dan dari peristiwa itu lahirlah nama Batu Bakar.

Pada masa kini kawasan itu berpaya semula dan dipercayai batu itu telah ditenggelami oleh air paya. Menurut penduduk di sini lagi, kawasan paya itu terkenal sebagai tempat ikan darat.



Gambar Pak Utih atau Tuan Haji Yahya bin Kubu. Bellau dianggap sebagai seorang tua di Segamat yang tahu peristiwa-peristiwa bersejarah yang pernah berlaku di bumi Segamat. Juga dianggap sebagai ahli sejarah tempatan.



ASAL-USUL KAMPUNG GUBAH

Menurut ceritanya Kampung Gubah, salah sebuah kampung yang termasyhur dari segi sejarahnya di Segamat berasal daripada nama salah seorang Keramat Tujuh Beradik. Nama asalnya ialah Tok Gubah yang dipercayai jenazahnya dikebumikan di Tanah Wakaf di tepi paya.

Pada zaman dahulu terdapat sepasang suami isteri bersama dengan tujuh orang anaknya, senam lelaki dan seorang perempuan, tinggal di kawasan berpaya di pinggir hutan. Anaknya yang sulung bernama Mengkudu dan apabila dia meninggal dia disemadikan di satu kawasan yang kemudian dinamakan Bukit Mengkudu mengambil sempena namanya.

Anak perempuan kepada sepasang suami isteri itu diberi nama Tok Sekapur Sireh. Berdasarkan kajian jenazahnya telah dimakamkan di kawasan Sekolah Perempuan Jalan Hassan. Abang kepada Tok Sekapur Sireh yang digelar 'Tok Gubah' dikebumikan di Kampung Gubah manakala Tok Chaling disemadikan di satu kawasan berhampiran Lubuk Chaling di tepi Sungai Segamat tidak jauh dari Kuala Juaseh.

Tok Legir, seorang lagi daripada tujuh beradik itu menurut ceritanya dikatakan telah dikebumikan di Lubuk Legir di Sungai Muar. Adik beradik yang lain tidak dapat dikesan akan kubur mereka tetapi menurut cerita orang tua-tua bahawa seorang daripada tujuh beradik itu telah merantau ke Melaka dan seorang lagi ke Pahang.

Cerita rakyat Kampung Gubah biasanya sering dikaitkan dengan satu mitos yang melibatkan Kampung Mengkudu. Kononnya pada suatu masa dahulu terdapat sepasang suami isteri yang mengusahakan serelung sawah padi di pinggir kampung. Lantaran padi yang ditanam itu tidak berapa menjadi, sukarlah bagi kedua-dua suami isteri itu untuk menyara hidup ketujuh-tujuh anak mereka.

Pada suatu hari, si isteri menanak nasi di dapur. Ketika nasi mulai kering, dipanggilnya anak-anaknya seramai tujuh orang itu dan disuruhnya mereka pergi mencuci sehelai kain hitam setiap seorang di sungai. Pesan ibu kepada anak-anaknya supaya kain yang dicuci itu mestilah bersih dan bertukar warnanya menjadi putih melepak. Ketujuh-tujuh beradik itu tidak membantah arahan dan pesanan ibu mereka. Mereka sedar untuk membersihkan kain yang dicuci itu mungkin dapat mereka lakukan tetapi untuk menjadikan kain berwarna hitam itu putih adalah tugas yang berat.

Sedang si ibu hendak menyeduk nasi, tiba-tiba ketujuh-tujuh anaknya pun pulang membawa sehelai kain putih melepak seorang. Si ibu terperanjat lalu dengan perasaan gembira mengajak anak-anaknya makan bersama.

Keesokan harinya ibu menyuruh ketujuh-tujuh anaknya itu menjalankan tugas yang sama. Setiap orang dikehendaki membasuh sehelai kain berwarna merah sehingga bersih dan bertukar menjadi

putih melepak. Ditakdirkan kain berwarna merah yang dicuci turut bertukar warna menjadi putih melepak. Barulah siibu sedar bahawa anak-anak mereka memang rajin dan setia menurut perintahnya.

Dalam perjalanan masa, tujuh beradik itu pun dewasalah. Menyedari kehidupan mereka masih susah dan sering dibelenggu penderitaan, anak yang sulung lantas mencadangkan kepada ibunya agar mereka dibenarkan membuat huma. Pada mulanya ibunya tidak bersetuju dengan cadangan anak sulung itu memandangkan kemungkinan mereka sukar mendapat benih padi. Namun setelah diyakinkan oleh anak-anaknya itu si ibu pun bersetuju.


Mengembaralah tujuh beradik itu ke kampung-kampung mencari benih padi. Malangnya tiada seorang pun yang sanggup meminjamkan jauh sekali memberi benih kepada adik-beradik itu. Tujuh adik-beradik itu tidak putus asa. Pengembaraan diteruskan.

Akhirnya bertemu lah mereka dengan seorang tua yang sanggup memberi hampa padi kepada mereka. Sejak dari itu ketujuh-tujuh adik-beradik itu pun mulai mengusahakan tanaman padi. Padinya menjadi dan hasil tanaman meningkat.

Pada suatu hari, si ibu sedang menumbuk padi. Tiba-tiba dia menggerbangkan rambutnya lalu menghempaskan nyirunya ke dalam lesung. Ditakdirkan padi yang terkumpul di sekitar berterbangan ke langit, kelihatan seperti ribuan lebah berterbangan. Peristiwa ini diketahui oleh Si Mengkudu lalu dengan segera dia pulang ke rumah ibunya. Dicapainya segemal padi yang digayut ibunya di hujung tiang di sudut rumah (adat orang tua-tua zaman dahulu padi masak awal yang bernas dan lebat dituai kadar segemal, diikat dan digayut di

hujung tiang dibiarkan di situ hingga beberapa bulan kononnya buat semangat).

Daripada padi yang segemal itu lah menjadi benih hingga sekarang dan lain-lain habis berterbangan hingga sampai ke negeri Siam dan Tanah Jawa. Kononnya itulah sebabnya negeri Siam dan Tanah Jawa mewah dengan padi hingga sekarang.



Pemandangan di Kampung Berata, Segamat.



SEJARAH TIGA BUAH SEKOLAH AWAL DI SEGAMAT


Berikut dicatatkan sejarah tiga buah sekolah awal di Segamat iaitu Sekolah Kebangsaan Gelang Chinchin, Sekolah Arab Gubah dan Sekolah Tinggi Segamat.

CERITA SEKOLAH KEBANGSAAN GELANG CHINCHIN


Menurut ceritanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar, pada suatu hari dalam tahun 1938 telah pergi memburu di sebuah kawasan hutan berhampiran Kampung Gelang Chinchin. Sekembalinya dari memburu, baginda telah mengurniakan wang berjumlah lima ratus ringgit kepada Naib Penghulu Semin bin Abdul Rahman. Baginda kemudiannya menitahkan Naib Penghulu Semin supaya mendirikan sebuah sekolah di kampung tersebut.

Pada tahun 1938 itu juga, Naib Penghulu Semin telah menghadiahkan sebidang tanah seluas satu suku ekar untuk didirikan sekolah. Sekolah yang dibina itu dikenali dengan nama Sekolah

SEGAMAT - SEJARAH & MITOSNYA



Sekolah Kebangsaan Gelang Chinchin. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah yang tertua di daerah Segamat. Sekolah ini yang terletak di Kampung Gelang Chinchin mempunyai sejarahnya yang unik dan tersendiri.



Sebuah rumah tradisi yang terdapat di Kampung Gelang Chinchin, Segamat. Rumah ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Dipercayai ia adalah salah sebuah rumah yang terawal dibina di kampung tersebut.

Melayu Gelang Chinchin.

Pada tahun 1968, sebuah bangunan baru telah didirikan untuk menampung bilangan murid yang semakin bertambah. Semenjak itu sekolah itu ditukarkan namanya kepada Sekolah Kebangsaan Gelang Chinchin, Segamat.

Tujuh tahun kemudian iaitu pada tahun 1974, tiga buah bangunan baru telah dibina. bangunan-bangunan tersebut ialah sebuah bangunan batu dua tingkat, sebuah bangunan separa batu dan papan serta sebuah kantin sekolah.

Hanya pada tanggal 2 November 1984, bangunan baru Sekolah Kebangsaan Gelang Chinchin Segamat telah dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Abdul Ajib bin Ahmad, DPMJ., DGSM., PIS.

SEKOLAH ARAB GUBAH, SEGAMAT.

Madrasah ini mula ditubuhkan dalam tahun 1946 iaitu semasa orang-orang Melayu bangun menentang Malayan Union. Madrasah ini yang didirikan di Kampung Tengah, Mukim Sungai Segamat adalah hasil pakatan beberapa orang Ketua Kaum Orang Islam termasuk beberapa orang pegawai kerajaan di bawah kelolaan 'Pakatan Islam Johor' Cawangan Segamat yang diketuai oleh Allahyarham Tuan Haji Hatta bin Haji Salleh, Pegawai Kastam Johor Bahru dan Setiausaha Tuan Haji Mohammad bin Idris, kerani Pejabat Majlis Bandaran Segamat serta mendapat galakan daripada Allahyarham Yang Mulia Tuan Syed Mohammad bin Abdullah Al-Khirid Kadi Segamat.

Pada mulanya sekolah ini hanyalah merupakan sebuah bangunan di tepi padang bola sepak di Kampung Mengkudu, Segamat. Pada

peringkat penubuhan awalnya sekolah ini mempunyai dua orang guru sahaja iaitu Yang Mulia Syed Abdul Hamid bin Zain dan isterinya Sharifah Junaidah bte Syed Mohammad Al-Khirid. Manakala jumlah muridnya hanyalah seramai dua puluh orang lelaki dan perempuan.

Pada tanggal 20 Mei 1949 murid-murid sekolah ini telah berpindah menumpang di bangunan Surau Besar Batu Hampar, tidak berapa jauh dari Jalan Kolam Ayer, Segamat di bawah kelolaan Tuan Haji Ali bin Haji Abu Bakar (Imam Kerajaan) serta Allahyarham Tuan Syed Ja'afar bin Abd.Rahman kerani besar Pejabat Mahkamah, Segamat.

Dalam tahun 1955, bangunan Sekolah Arab yang juga dikenali dengan nama Madrasatal 'Arabiah Al-Khairiah, Gubah, Segamat ini telah dapat dibina di atas tanah Lot TLO.462, luasnya satu ekar dua puluh tujuh pol di Kampung Gubah dengan perbelanjaan orang ramai. Tanah ini adalah tanah kerajaan yang telah dipersetujui menjadi Tanah Simpanan Sekolah Arab, Segamat di bawah jagaan Jabatan Agama Johor. Pada masa itu pengurusnya ialah Allahyarham Syed Muhammad Al-Khirid, Kadi Segamat dan Setiausaha Syed Mahdzar bin Abd.Rahim, kerani Pejabat Kadi kemudian diganti oleh Encik Yahaya bin Md.Yusof, kerani Pejabat Pos, Segamat.

Sekolah Arab Gubah ini mula digunakan setelah ia berpindah dari Surau Batu Hampar pada awal tahun 1956. Pembukaan rasminya pada 1 Muharram 1377 bersamaan dengan 29 Julai 1956 oleh Tuan Pemeriksa Sekolah-Sekolah Arab Negeri Johor sebagai wakil Yang Dipertua Jabatan Agama Johor.

SEKOLAH TINGGI SEGAMAT

Sekolah Tinggi Segamat pada mulanya dikenali dengan nama

Government English School dan kemudiannya Sekolah Inggeris Segamat. Tarikh penubuhannya ialah pada tahun 1926 dan pada masa itu guru besarnya yang pertama ialah Encik J.C. Mc Heyzer manakala gurunya pula ialah Encik V.A. Matthew. Jumlah muridnya sekitar 50 orang.

Pada tahun 1930-an sekolah ini mendapat bangunan utama yang mengandungi dua belas bilik darjah, sebuah kantin, dewan dan pejabat. Pada bulan Jun tahun itu juga murid-murid telah ditempatkan di bangunan yang baru itu. Pada tahun 1934 murid-murid diberi peluang menduduki Junior Cambridge dan setahun kemudiannya diadakan pula peperiksaan Overseas Senior Cambridge (O.S.C.). Pada tahun-tahun itulah murid-murid di daerah Segamat berpeluang menduduki peperiksaan yang penting seperti JC dan OSC.

Kedatangan Jepun di Tanah Melayu telah melemahkan proses pembelajaran pada masa itu. Menurut catatan sekitar waktu itulah sekolah ini buat pertama kalinya mendapat guru besar berbangsa Asia iaitu Encik Gurdial Singh. Di sekolah, bahasa Jepun dijadikan bahasa pengantara. Murid-murid diajar dan diasuh menyanyi lagu-lagu Jepun. Perang membatasi segala pergerakan justeru itu tidak hairanlah bilangan murid semakin merosot dan padang sekolah telah digunakan untuk aktiviti pertanian.

Selepas perang bangunan sekolah ini telah ditambah untuk menampung lebih kurang 400 orang murid. Bagi murid-murid sekolah rendah, mereka ditempatkan di Berek Tentera British (di bangunan Pejabat Telekom lama). Pertambahan bilangan murid telah mendorong pihak Inggeris mendirikan tiga buah khemah di hadapan sekolah untuk dijadikan sebagai bilik darjah.

Pada tahun 1953, dua buah bangunan kayu dibina. Ia mengandungi enam bilik darjah, sebuah kantin, bilik pengakap dan gelanggang bulu tangkis, bola keranjang, bola tampar dan tenis sebagai tambahan kepada bangunan utama.

Kemajuan sistem pendidikan telah menyebabkan sekolah ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu peringkat rendah dan peringkat menengah. Peringkat rendah dikenali sebagai Sekolah Bukit Hampar dan guru besarnya ialah Encik See Kum Chin. Pada tahun 1958 sekolah ini dijadikan sekolah menengah.

Pada tahun 1956 dua buah makmal sains telah dibina dan tiga belas tahun kemudiannya beberapa buah bilik darjah telah digunakan sebagai bilik lukisan, bilik sains rumah tangga dan bilik perpustakaan. Pada tahun 1967 gelanggang bola keranjang yang baru siap dibina manakala tahun 1971 menyaksikan permulaan pembinaan dewan sekolah dan bilik rehat guru. Bangunan-bangunan tersebut siap dibina pada tahun 1974.

Masa silih berganti, pembinaan bangunan-bangunan baru terus dilaksanakan. Pada tahun 1978 kantin baru dibina begitu juga blok-blok baru bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat. Kemudian lima buah rumah sukan didirikan hasil kutipan derma daripada Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru (PIBG).

Sejakinya mula ditubuhkan tahun 1926, Sekolah Tinggi Segamat telah ditadbirkan oleh 21 orang guru besar dan pengetua bermula dengan Encik J.C.McHeyzer hingga sekarang dibawah pentadbiran Tuan Haji Taher bin Masri. Manakala jumlah pelajarnya telah meningkat ke angka 2,100 orang dengan tenaga pengajarnya seramai 120 orang.



SEGAMAT DALAM MASA PEMERINTAHAN JEPUN

Menurut catatan oleh Allahyarham Tuan Haji Jiman bin Abdul Ghani, pada masa pemerintahan Jepun sekitar tahun 1945, penduduk daerah Segamat hidup dengan memakan ubi, pisang, keledek dan sekoi. Selain itu mereka juga ada bercucuk tanam secara kecil-kecilan. Segala hasil tanaman dijual dan pendapatannya digunakan untuk perbelanjaan keperluan harian.

Namun begitu barang-barang keperluan lain seperti beras, tepung, gula dan garam ada dijual kepada orang ramai. Barang-barang keperluan tersebut boleh dibeli dengan menggunakan 'Kad Khas' yang jumlah edarannya sering tidak mencukupi.

Kebanyakan orang lelaki pada masa Jepun memotong rambut mengikut gaya orang Jepun. Dari segi pakaian pula ramai orang khasnya orang lelaki terpaksa memakai bajudan seluar yang bertampal. Untuk mengalas kaki mereka membuat kasut sendiri.

Tidak dapat dinafikan zaman pemerintahan Jepun menyaksikan masyarakat Segamat pada waktu itu sentiasa hidup dalam ketakutan. Mereka tidak berani mendedahkan diri di khalayak ramai kerana di

sana-sini berkeliaran askar-askar Jepun. Sesuatutindakan yang sengaja atau tidak sengaja dilakukan oleh seseorang jika iaanya tidak disenangi oleh pihak Jepun akan menyebabkan orang itu 'ditampar' atau ditendang di depan orang ramai. Justeru itu boleh dikatakan setiap hari orang-orang Segamat lebih suka berkurung di dalam rumah. Jikalaut terpaksa keluar atas satu-satu sebab yang tidak dapat dielakkan, mereka akan keluar secara bersembunyi-sembunyi agar mereka tidak terserempak dengan askar-askar bermata sepet itu.

Walaupun dalam masa pendudukan Jepun daerah Segamat dicengkam ketakutan namun dalam bandar masih wujud tempat hiburan. Tempat-tempat hiburan yang terkenal di daerah Segamat pada masa itu ialah tiga buah tempat iaitu di Jalan Aji, Jalan Awang dan Jalan Omar berhampiran dengan padang besar. Di ketiga-tiga tempat berkenaan wujud tempat hiburan yang dinamakan Park. Dalam Park disediakan bermacam-macam permainan dan persembahan seperti joget dan wayang bangsawan. Selain itu untuk keselesaan para pengunjung, warung jualan makanan didirikan. Antara kuih yang dijual ialah kuih yang diperbuat daripada ubi kayu. Minumannya pula ialah air yang dicampur dengan gula kelapa. Menurut ceritanya yang banyak sekali ialah tempat main judi.

Pemerintah Jepun di Segamat juga tidak lupa mengadakan beberapa majlis keramaian. Dalam setahun ada empat kali hari kebesaran Jepun yang disambut. Pada hari tersebut kanak-kanak sekolah mengadakan pertunjukan 'sukan beramai-ramai' di padang besar. Para hadirin terdiri daripada orang-orang Segamat dan jemputan kehormatnya ialah ketua-ketua askar Jepun dan ketua-ketua kampung. Kanak-kanak yang menjayakan 'senaman beramai-ramai' akan diberi hadiah 'ubi kayu'.

Seminggu sekali diadakan senaman beramai-ramai di padang besar. Semua kakitangan kerajaan dikehendaki hadir mendengar ucapan Kimpitai Jepun. Majlis senaman beramai-ramai diakhiri dengan nyanyian lagu kebangsaan Jepun 'Kini Gayo'. Selepas itu pekerja-pekerja dipaksa balik ke pejabat masing-masing untuk meneruskan tugas pejabat seperti biasa.

Pada masa pemerintahan bangsa bermata sepet dari negara matahari terbit itu, kawalan keselamatan kampung diberi keutamaan. Justeru itu ditubuhkanlah pasukan kawalan kampung (Pasukan Toneri Gumi). Selain itu dalam bandar ditubuhkan Pasukan Jikidang yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang Melayu, Cina dan India. Mereka berfungsi sebagai pengaman dan bertindak mengawal bandar dan kampung-kampung yang berhampiran.

Tiap-tiap rumah dalam daerah Segamat mesti ada daftar nama penghuni. Kertas tebal yang mencatatkan nama penghuni-penghuni ditampal di daun pintu. Kalau ada orang luar atau saudara-mara menumpang atau orang dalam rumah itu bermalam di tempat lain, tuan rumah perlulah menulis perkara tersebut di daftar yang tertampal.

Berdasarkan kajian yang dibuat, tahun 1945 menyaksikan ramai orang miskin di Segamat yang mati berkapankan tikar sahaja. Ini disebabkan pada masa itu kebanyakannya daripada penduduk Islam tidak mampu membeli kain putih. Terdapat juga cerita yang mengisahkan perihal beberapa mayat yang didapati dalam keadaan berbogel di atas kubur setelah kain kafannya dicuri orang. Dalam masa perang apabila keadaan terdesak, manusia sanggup melakukan apa sahaja.

Keadaan hidup yang susah dan penuh melarat menyebabkan

ramai penduduk Segamat menjadi kurus kering. Mata nampak cengkung. Ini disebabkan mereka kurang makan dan kalau mendapat makanan pun, makanan yang disuap ke mulut itu tidak berzat.

Terdapat dua jenis rokok yang paling masyhur pada masa Jepun yang hanya mampu dimiliki oleh orang-orang tertentu sahaja. Rokok itu ialah rokok jenis KOA dan rokok MOON. Namun begitu untuk melepaskan ketagih, orang-orang Segamat menghisap rokok yang digulung daripada daun dan kulit jagung.

Keadaan hidup yang begitu mendesak menyebabkan segelintir anak-anak muda Melayu di Segamat yang secara nekad telah mengambil keputusan untuk melarikan diri ke Siam. Ada juga sesetengah daripada mereka yang dipaksa ke sana oleh pihak Jepun. Sampai di Siam mereka dipaksa menjadi 'boroh paksa' untuk melibatkan diri dalam kerja pembinaan jalan keretapi dari Siam ke Burma. Tetapi apakan daya mereka tiada pilihan; melarikan diri jika tertangkap akan dibunuh atau merelakan diri menjadi boroh paksa.

Dari satu segi, pemerintahan Jepun telah menjadikan masyarakat Segamat manusia yang rajin. Semua orang mesti bekerja kerana dalam keadaan yang serba kekurangan dan menderita itu tulang empat kerat mesti digerakkan kalau tidak mereka akan mati kelaparan. Justeru itu masyarakat Segamat terpaksa melakukan apa jua kerja untuk mendapatkan sesuap nasi pagi dan petang. Ada yang bercucuk tanam, ada yang meraih, ada yang menangkap ikan dan udang di sungai dan ada yang ke hutan mencari pucuk-pucuk paku. Pun begitu ada juga yang cuba memberanikan diri bermiaga secara kecil-kecilan.

Pada waktu itu orang tidak memberi tumpuan pada penanaman getah kerana getah sudah tidak laku. Akibatnya kebun-kebun getah

terbiar dan menjadi semak-samun.

Berdasarkan kajian, kerana desakan hidup yang serba daif semasa Segamat di bawah pemerintahan bangsa yang bermata sepet itu terdapat segelintir perempuan Melayu sanggup diperisterikan oleh orang-orang bangsa lain khususnya orang bangsa Malbari.

Dalam masa Jepun itu masyarakat Segamat masih mampu menyambut perayaan Hari Raya Idulfitri tetapi yang sedihnya keadaan memaksa mereka menyambut hari kebesaran itu tanpa apa-apa persediaan. Begitu juga majlis-majlis perkahwinan yang diadakan pada masa itu tidaklah begitu riang; majlis diadakan secara ala kadarnya sahaja.

Pemerintahan Jepun yang sering memperlihatkan kekejaman dan ke ganasan rupa-rupanya sedikit sebanyak telah menanamkan nilai-nilai positif pada penduduk daerah Segamat. Pada masa itu diceritakan tidak ada kejadian mencuri dan rompakan kerana orang-orang Segamat begitu takut akan hukuman yang dikenakan oleh pihak Jepun kepada mereka yang melakukan kesalahan seperti mencuri atau merompak. Jika sesiapa yang mencuri atau merompak tertangkap, hukuman yang paling berat pasti akan diterimanya. Apa juga bentuk rayuan tidak dilayan. Tidak hairanlah keadaan daerah Segamat bebas daripada segala perbuatan jenayah.

Seperkara lagi yang perlu dipaparkan di bawah tajuk ini ialah tentang jumlah penduduk yang mampu mempunyai kenderaan. Menurut ceritanya pada masa pemerintahan Jepun jumlah orang yang berkereta amat berkurangan. Ini disebabkan minyak pada masa itu susah diperolehi. Keadaan ini menjadikan suasana dalam bandar Segamat begitu lengang dan sepi.



BIBLIOGRAFI

1. Sejarah Melayu - Edisi Shellabear, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1975.
2. Warisan Sejarah Johor oleh M.A.Fawzi Basri, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
3. Sejarah Melaka oleh Haji Buyung Adil, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.
4. Sejarah Johor moden oleh Fawzi Basri & Hasrom Haron, Jabatan Muzium Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur, 1978.
5. Burung Kedidi Terbang Senja (Antologi Drama) oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir, Textbooks Malaysia Sdn. Bhd., Segamat, 1990.
6. 'Cerita Rakyat Daerah Segamat' oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir (Majlis Kebudayaan Negeri Johor Darul Takzim), kertas kerja yang dibentang di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah pada 6 hingga 8 Mei, 1993.
7. 'Bendahara Tepuk di Tiga Desa' oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir, tablo dipentaskan di Dewan STS, pada tahun 1983.
8. Rencana 'Pembunuhan Panglima Pasak Tragedi Menakutkan'

oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir, Akhbar Utusan Zaman, 25 Disember 1977.

9. Rencana 'Bendahara Tepuk Bela Harimau Penunggu' oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir, Akhbar Bacaria, 16 Disember 1984.
10. Rencana 'Wasiat Sultan Iskandar Punca Tragedi Perang Jementah Bermandi Darah Rakyat' oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir, Akhbar Utusan Zaman, 5 Oktober 1986.
11. 'Peperangan Jementah' (Buku Tarikh Dato' Bentara Luar) himpunan Muhammad bin Haji Elias.
12. Rencana 'Segamat, Daerah Lagenda' oleh Ungku Mohd.Zaman Tahir, Akhbar Utusan Zaman, 15 Mei 1994.
13. 'Salasilah Diriku dan Isteriku' oleh Allahyarham Haji Jiman bin Abdul Ghani.

TEMUBUAL DENGAN BEBERAPA ORANG INFORMAN

1. Tuan Haji Yahya bin Kubu
2. Encik Hassan bin Hj.Raya
3. Mak Ngah Sa'odah
4. Encik Salleh bin Yasseh
5. Encik Ibrahim bin Taban (Allahyarham).
6. Puan Rahmah bte Mahmood
7. Fatimah bte Hussin (Allahyarhamah).
8. Pak Yusof bin Kamit.
9. Pak Uda Jali bin Tenggok.
10. Haji Hassan bin Penuh.

BORANG PESANAN BUKU

Saya ingin memesan buku-buku sebagaimana berikut untuk mengetahui mitos dan legenda selanjutnya mengenai Segamat:

Misteri Danau Berombak (1)

- **Pulai Kepala Naga**
oleh Hibatullah Yusof Al-Haj

Harga RM6.00

Naskhah

Koleksi Cerita Hantu (1)

- **Asal-usul Syaitan**
oleh Ibnu Yusof

Harga RM10.00

Naskhah

Sertakan tambahan RM 1.00 bagi senaskhah bagi belanja pos. (Sabah & Sarawak sila tambah RM4.00 senaskhah). Semua bayaran adalah atas nama AL-KAPILAH ENTERPRISE dengan hanya menggunakan MO/PO/Cek Berpalang. Potongan istimewa akan diberikan untuk pesanan melebihi 20 naskhah.

Alamatkan pesanan anda kepada:

AL-KAPILAH ENTERPRISE

2952-E, Jalan Post Office Lama,
15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7446275

Alamat: _____

Alamat: _____

No. K/P: _____ **No. Tel:** _____

BORANG PESANAN BUKU

Saya ingin memesan buku sebagaimana berikut:



Segamat - Sejarah & Mitosnya
oleh Drs. Ungku Mohd Zaman
Harga RM10.00



Maskhah

Sertakan tambahan RM1.00 bagi senaskhah bagi belanja pos. (Sabah & Sarawak sila tambah RM4.00 senaskhah). Semua bayaran adalah atas nama AL-KAFILAH ENTERPRISE dengan hanya menggunakan MO/PO/Cek Berpalang. Potongan istimewa akan diberikan untuk pesanan melebihi 20 naskhah.

Alamatkan pesanan anda kepada:

AL-KAFILAH ENTERPRISE
2952-E, Jalan Post Office Lama,
15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7446275

Nama: _____

Alamat: _____

No. K/P: _____ No. Tel: _____

